

Bil. 6

**Rabu
7 Mei 2008**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)</i>	(Halaman 20)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 60)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. “ Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. “ Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. “ Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C. (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

24. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
45. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
46. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
47. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
48. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
49. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
50. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
51. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
52. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
53. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
54. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
55. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

56. Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
59. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
60. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
61. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
62. “ Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
64. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
68. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
70. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
71. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
72. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
73. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
74. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
75. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)

13. Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)

18. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titawangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 7 Mei 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) apakah perancangan dan peruntukan yang disediakan oleh pihak kementerian bagi membantu pesawah-pesawah dan petani-petani; dan
- (b) adakah pihak kementerian merancang untuk mengekalkan pemberian subsidi baja dan racun untuk pesawah-pesawah memandangkan harga barangan tersebut semakin meningkat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan pertanian adalah berpandukan kepada usaha untuk menjadikan sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan. Selaras dengan itu peruntukan sebanyak RM7.1 bilion di bawah pembangunan telah pun disediakan. Untuk sektor padi yang merupakan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bintulu, sebanyak RM1.26 bilion diperuntukkan untuk pembangunan bagi sektor tanaman padi. Pecahannya adalah RM773 juta untuk pembangunan di kawasan jelapang padi yang sedia ada dan RM476 juta adalah bagi membangunkan kawasan luar jelapang padi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan pembangunan untuk tahun ini 2008, peruntukan sebanyak RM923 juta disediakan oleh kerajaan. Pecahannya adalah subsidi baja padi sebanyak RM255 juta, subsidi harga padi RM448 juta, insentif pengeluaran padi RM150 juta, insentif peningkatan hasil RM40 juta dan insentif pengeluaran benih padi sah RM30 juta. Itu bagi menjawab soalan bahagian (a).

Bagi bahagian (b), saya ingin menekankan bahawa kerajaan akan meneruskan subsidi bagi sektor pertanian termasuklah tanaman padi. Malah untuk tahun 2008 akan ditambahkan lagi. Di bawah inisiatif yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini sebanyak RM4 bilion, kira-kira RM803 juta adalah untuk sektor padi. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk terus membantu sektor ini. Jadi selain daripada RM923 juta yang memang sudah pun disediakan dalam belanjawan sebelum ini, kira-kira RM803 juta lagi akan disediakan dan ini adalah untuk baja, perosak, insentif dan subsidi untuk mekanisasi ladang dan untuk menyelenggarakan infrastruktur pengairan dan saliran. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Menteri, memandangkan harga barangan seperti racun, baja, padi dan kos-kos lain seperti pengangkutan juga. Baru-baru ini harga beras naik rakyat sudah pening, Yang Berhormat Menteri pun pening, saya pun pening. Sahabat-sahabat kita lagi pening.

Soalan tambahan, adakah perancangan kementerian ini benar-benar akan berjaya dan bagaimanakah pihak kementerian akan memastikan supaya pemberian baja dan racun bersubsidi dimanfaatkan oleh para petani. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kejayaan sesuatu program memerlukan bukan sahaja komitmen dan peruntukan besar daripada kerajaan, tetapi yang penting juga ialah sistem penyampaian atau pun *delivery system* pegawai-pegawai di peringkat akar umbi. Kementerian menyedari betapa pentingnya peranan mereka dan kita akan pastikan *delivery system* seluruh jentera kementerian akan diperkasakan lagi. Jika Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu di mana ada kebocoran atau pun ketirisan, kita tidak teragak-agak untuk memastikan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka.

Ini penting kerana tahun ini kerajaan membelanjakan lebih peruntukan untuk padi sahaja tahun ini. Sebelum ini kita membelanjakan RM923 juta di bawah mengurus, kita tambah lagi RM803 juta untuk mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi termasuklah kenaikan harga racun, baja dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk baja tambahan selain daripada apa yang telah diperuntukkan. Di bawah inisiatif baru ini kita akan sediakan RM146 juta. Sebelum ini untuk padi sudah pun ada RM255 juta. Jadi RM255 campur RM146 menjadi RM400 juta akan kita sediakan sebagai bantuan baja kepada pesawah padi. Ini angka yang besar. Oleh yang demikian kementerian akan pastikan RM400 juta yang disediakan untuk bantuan baja penanam padi ini akan sampai kepada kumpulan-kumpulan sasaran.

Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat sedar di Kelantan ada Lembaga Kemajuan Kemubu yang dikenali sebagai KADA. KADA mempunyai peruntukan yang banyak tetapi gagal membantu meningkatkan pendapatan di kalangan para petani. Adakah KADA ini gagal kerana pucuk pimpinan yang dulu dan sekarang menggunakan KADA sebagai agensi politik diri masing-masing ataupun betul-betul mempunyai perancangan untuk membantu para petani meningkatkan taraf hidup mereka di Kelantan. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Kita ada lapan kawasan jelapang padi. Yang terbesar ialah MADA di Kedah, yang kedua KADA di Kelantan. KADA mempunyai bilangan staf melebihi 1,000 orang dan KADA dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kawasan padi di Kelantan melibatkan lebih 30,000 hektar.

■1010

Isu utama di kawasan KADA pada hari ini ialah *yield* ataupun hasilnya yang tidak seberapa jika dibandingkan dengan kawasan MADA dan kawasan-kawasan lain. Usaha-usaha sedang dilakukan dan di bawah peruntukan terkini yang kita umumkan 2 Mei yang lalu KADA akan diperuntukkan lebih RM50 juta sebagai tambahan peruntukan untuk menyenggara tali air, menambah bantuan baja dan lain untuk memastikan KADA juga dapat menyumbang kepada usaha-usaha untuk menambah pengeluaran padi dalam negara. Sama ada kegagalan KADA ada kaitan dengan kepimpinan ataupun KADA dipolitikkan, kepimpinannya pada hari ini termasuklah pengurus besar telah pun diberi ingatan.

Saya melawat KADA dua minggu yang lalu dan saya telah diberi taklimat oleh pihak KADA. Saya telah memberi ingatan kepada pihak KADA bahawa agenda utama KADA ialah untuk menambah pengeluaran padi, menambah pendapatan petani dan menambah keluaran hasil tani. Itu adalah agenda utama dan dengan peruntukan tambahan yang disediakan lebih RM50 juta pada tahun ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk membantu KADA.

Maka saya telah memberi ingatan kepada pihak pengurusan dan kepimpinan KADA bahawa mereka hendak menepati matlamat utama mereka iaitu menjaga kebajikan petani untuk menambahkan pendapatan dan KADA tidak boleh lari daripada matlamat utama tersebut.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, sudah ada dua soalan tambahan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang penting. Jadi, saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua beri satu lagi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hadkan kepada dua soalan tambahan sahaja, Yang Berhormat. Minta maaf.

2. Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) sejauh mana keberkesanan program bantuan makanan yang diberikan di sekolah-sekolah luar bandar membantu pelajar-pelajar mendapat pemakanan seimbang; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam menangani masalah keracunan makanan yang kerap berlaku di sekolah-sekolah serta penguatkuasaannya menepati prinsip am kebersihan makanan.

Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan 20 menu rancangan makanan tambahan mengikut keperluan nutrien seorang murid berdasarkan saranan pengambilan nutrien BMI 2005. Penyediaan menu ini telah mengambil kira objektif pemberian RMT iaitu memenuhi di antara satu perempat dan satu pertiga daripada jumlah keperluan kalori harian seorang murid. Menu ini juga disediakan bagi memenuhi piramid makanan Malaysia yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Berhubung dengan keberkesanan program RMT, terdapat lima kajian daripada universiti tempatan yang menjalankan penyelidikan tentang keberkesanan program bantuan makanan di sekolah-sekolah kita. Kajian yang terkini telah dilaksanakan oleh pihak Universiti Putra Malaysia pada tahun lepas. Hasil kajian mendapati bahawa program ini telah mencapai matlamat dan dasar yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang serius kejadian kajian keracunan makanan di sekolah-sekolah kita dan telah pun mengarahkan beberapa langkah tegas yang telah dan akan terus diambil bagi mencegah kejadian ini berterusan berlaku. Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Pemakanan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian masing-masing. Ia bertujuan menangani dan menguatkuasakan segala peraturan serta memastikan ia menepati prinsip am kebersihan pemakanan.

Kedua, tindakan tegas dikenakan terhadap pengusaha kantin yang gagal mematuhi perjanjian termasuk menamatkan perkhidmatan mereka. Pejabat pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan juga pengusaha kantin diarah memberi penjelasan dan bertanggungjawab secara langsung untuk memastikan bahawa ia tidak berlaku. Sekiranya ia berlaku lagi disebabkan kecuaiian dan pemantauan yang lemah pihak pentadbir sekolah akan dikenakan tindakan tatatertib. Pengusaha kantin yang terlibat dalam kes keracunan makanan akan disenaraihitamkan oleh kementerian.

Kita juga telah mengadakan program-program fahaman pengurusan kualiti makanan dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk pengusaha kantin dan asrama, permuafakatan PIBG serta syarikat pembersihan sekolah. Kita telah pun menubuhkan unit tindakan segera, menyediakan *hotline* dan juga faks supaya pihak orang ramai yang merasakan mereka tidak boleh membuat aduan secara terus kepada kementerian kerana halangan-halangan di peringkat daerah atau negeri bolehlah menggunakan talian-talian ini untuk mengadu terus kepada pihak kami. Juga mengarahkan PPG terus mengadakan pemantauan di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan bertindak tegas kepada sesiapa sahaja sama ada pihak sekolah, pengusaha kantin ataupun pembekal yang terbukti melakukan kecuaiian sehingga menyebabkan kejadian ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mahu menanyakan soalan susulan tentang jawatankuasa pemakanan ini, adakah ia akan menyelesaikan masalah bahawa kalau kita bandingkan Malaysia tidak wujud satu prinsip - prinsip am ada tetapi tidak wujud satu sistem di mana sama dengan di UK *Food Standards Agency* untuk menyeragamkan kewujudan di mana wujudnya kerajaan tempatan ada berlainan sistem *associate of standard users*. Maksudnya di Lembah Klang mungkin standard pemakanan tidaklah sama diseragamkan dengan kawasan di Kelana Jaya, contohnya.

Jadi, bagi saya walaupun wujud jawatankuasa pemakanan ini, adakah ia akan menyelesaikan masalah ketidakseragaman yang akhirnya mengakibatkan kes-kes keracunan sering berlaku sehinggalah bulan April tahun ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Lembah Pantai. Sebenarnya kita tidak harus melihatnya sebagai satu penyeragaman kerana keperluan sekolah-sekolah berbeza mengikut lokasi.

Di sini, seperti yang disarankan dalam soalan Yang Berhormat sendiri tumpuan kita kepada sekolah-sekolah yang berada di luar bandar yang betul-betul memerlukan bantuan dan pembelaan. Rancangan makanan tambahan ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, kita telah tingkatkan jumlah untuk RMT ini yang sasarannya ialah kepada anak-anak kita yang berada di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman.

Jawatankuasa ini walaupun tidak dilihat seperti ataupun sama sahaja yang diadakan di United Kingdom tetapi kita mesti menyesuaikan mengikut keperluan kita makanan yang sesuai mengikut cita rasa anak-anak kita. Apa yang penting ialah kalori dan apa yang diperlukan untuk memastikan anak-anak kita ini membesar dalam keadaan yang selesa dan mampu menggunakan kemudahan ini untuk memastikan mereka tidak terpinggir atau tersisih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian.

Dr. Mohd. Hatta bin Mohd. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah nilai peruntukan rancangan makanan tambahan ini bagi setahun dan adakah diberikan kepada pelajar miskin di bandar? Bukankah rancangan makanan tambahan, bantuan makanan asrama, buku teks, kumpulan wang amanah pelajar miskin, bantuan tuisyen, yuran sekolah yang dimansuh dan lain-lain yang bernilai berbilion ringgit ini membuktikan bahawa pendidikan sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia ini hampir percuma. Mohon ulasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pontian. Seperti saya maklumkan dalam jawapan saya dua hari yang lepas di Dewan yang mulia ini, rancangan makanan tambahan ini merupakan hanya sebahagian daripada rancangan-rancangan bantuan yang lain. Rancangan makanan tambahan yang disebutkan tadi jumlahnya setahun ialah RM276 juta dan ia dapat memanfaatkan 771,506 murid. Ini tidak termasuk bantuan makanan asrama, tidak termasuk skim-skim bantuan tuisyen, makanan prasekolah, program susu, elaun kepada murid kurang upaya, bantuan perjalanan, bantuan murid miskin, bantuan di sekolah asrama penuh dan juga asrama-asrama harian. Kelmarin saya telah nyatakan tiap-tiap tahun kerajaan membelanjakan sejumlah lebih daripada RM3 bilion untuk membantu anak-anak kita yang memerlukan kepada pembelaan tadi.

Jadi, dalam kadar itu dengan penghapusan yuran-yuran yang diumumkan dalam belanjawan baru-baru ini pihak-pihak yang melihat ia sebagai satu isu yang sedikit sebanyak menenggelamkan apa yang telah kita bantu anak-anak kita selama ini saya rasa memang tidak wajar. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya belum berapa cam lagi apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri, kerana blok-blok ini kalau dari tempat saya susah hendak tengok. Jadi sebelum saya panggil nama Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan persoalan itu, jangan ada yang bercakap.

Umpamanya tadi, saya panggil Yang Berhormat Sungai Petani, tetapi Yang Berhormat Pontian sudah bercakap. Jadi, saya tidak benarkan itu. Mengambil masa untuk saya tengok dahulu. Jadi biasanya saya akan beri prioriti, keutamaan kepada siapa yang mengemukakan soalan itu, itu saya beri keutamaan. Soalan yang kedua itu, siapa yang saya nampak dahulu. Tidak mengapa, okey. Sekarang ini Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz.

3. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah jenis penyakit yang menjadi penyebab utama kematian di kalangan rakyat dan berapakah tempoh jangka hayat bagi lelaki dan wanita.

Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, penyebab utama kematian di kalangan rakyat di negara kita adalah penyakit jangkitan kuman di saluran darah atau septisemia diikuti oleh penyakit jantung, kanser, penyakit *cerebrovascular*, *pneumonia* dan kemalangan. Berdasarkan kepada perangkaan bagi tahun 2007, tempoh jangka hayat rakyat negara kita bagi lelaki ialah 71.9 tahun, *seventy one point nine* dengan izin. Manakala tempoh jangka hayat bagi wanita adalah 76.4 tahun. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan ringkas dan tepat. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, dalam rekod yang saya dapati, mungkin ada kesilapan harap pembetulan. Dalam tahun 2005/2006, mereka yang dimasukkan ke hospital-hospital kerajaan kita lebih kurang 1.8 juta sehingga 2 juta orang di seluruh negara. Yang meninggal dunia di hospital lebih kurang 40,000 orang.

Ini bermakna lebih ramai yang sihat selepas mendapat rawatan di hospital kerajaan kita. Ini juga menunjukkan bahawa hospital kerajaan mendapat keyakinan yang tinggi daripada rakyat.

Soalan tambahan saya, sebagai menteri yang baru, tahniah! Apakah pendekatan-pendekatan yang baru, yang hendak dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri untuk membetulkan persepsi-persepsi, tanggapan orang ramai bahawa rawatan di hospital kerajaan tidak baik? Tanggapan. Masa menunggu untuk berjumpa doktor begitu lama. Jururawat suka hendak marah kepada pesakit. Ubat yang diberi tidak begitu mujarab. Apa pendekatan-pendekatan baru untuk menghapuskan persepsi, tanggapan yang negatif orang ramai kepada hospital kerajaan kita yang hari ini telah pun menunjukkan satu peningkatan yang membanggakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat dari Sri Gading. Memang kenyataan dan soalan yang diberikan itu tepat dengan angka-angka sekali. Memang ada buat *homework*lah, bahawa memang dalam rawatan yang diberi oleh hospital kerajaan, terdapat 1.8 juta yang *admit* dalam hospital kita, dan kita memang telah mengambil langkah-langkah yang drastik. Sebagai menteri baru di dalam Kementerian Kesihatan, saya hendak jelaskan bahawa persepsi itu adalah tidak betul.

Sebenarnya kerajaan telah memberi peruntukan cukup besar untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan dalam negara kita, dan Kementerian Kesihatan pada masa sekarang saya hendak pastikan bahawa keselesaan orang ramai yang datang ke hospital dapat diutamakan. Mereka akan mendapatkan perbezaan apabila masuk ke Kementerian Kesihatan ataupun hospital, perkhidmatannya akan terus dipertingkatkan. Contohnya masa menunggu, saya telah tetapkan 30 minit. Kalau boleh kita hendak perbaiki dan memastikan bahawa masa menunggu ini di semua klinik dan hospital untuk *out patient* buat masa ini adalah 30 minit.

Berhubung dengan jururawat dan sikap yang tidak baik itu, kita akan terus mempertingkatkan budaya korporat Kementerian Kesihatan iaitu budaya *caring, teamwork* dan profesionalisme. Ini adalah satu budaya yang telah kita amalkan dan kita akan mempertingkatkan lagi dengan mengadakan latihan-latihan *soft skill* dan pastikan barisan hadapan kita iaitu jururawat, *medical attendant* dapat menjalankan tugas dengan cemerlang.

Berhubung dengan ubat, memang kerajaan telah memperuntukkan banyak peruntukan. Lebih kurang RM1 bilion untuk membeli ubat-ubat. Ubat-ubat kita memang mujarab, tidak ada yang tidak mujarab. Memang berkesan, dan saya rasa kerana dia RM1.00, kita beri RM1.00. Datang ke hospital RM1.00 sahaja, dapat semua. Dapat tengok doktor, dapat rawatan, dapat ubat. Kadang-kadang kita bayar kurang, dia sudah segan, ubat itu tidak mujarab. Tetapi memang ubat kita lebih kurang 30% adalah *patented, patent the drug and the rest is generic drug*, memang ubat-ubat yang berkualitilah. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang telah memberi jawapan tadi berhubung dengan punca-punca utama kematian iaitu septisemia, kanser dan juga *cardiovascular* dan kemalangan.

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang sedang, akan dan mungkin dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengubah mungkin cara hidup masyarakat dalam negara kita ini untuk mencegah daripada punca-punca kematian yang disebutkan oleh menteri tadi ini.

Kalau kita daripada akhbar Metro hari ini, seorang Profesor Bersekutu Fakulti Perubatan, UiTM akan mengadakan satu kajian berhubung dengan kemungkinan kanser disebabkan oleh pemancar gelombang elektro magnetik daripada pemancar-pemancar Syarikat Telco ini. Apakah kementerian akan membantu beliau iaitu Profesor Adlina Sulaiman untuk mengadakan kajian ini? Kerana beliau mendapati tempat-tempat yang berhampiran dengan menara-menara ini, banyak kes kanser berlaku. Jadi saya minta jawapan daripada kementerian. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Okey, terima kasih Yang Berhormat daripada Pendang. Berhubung dengan penyakit-penyakit kanser dan *cardiovascular*, ia ada banyak berkait dengan cara hidup kita. Oleh itu kerajaan telah pun menggalakkan *preventing measure*. Kita hendak, kalau boleh memastikan kita tingkatkan lagi kempen cara hidup yang sihat. Seperti mana kita sedia maklum, mulai tahun 2005, kita telah mengadakan kempen dengan tema "Sihat Sepanjang Hayat".

Kira-kira kita hendak menggalakkan rakyat bukan sahaja kerajaan mempertingkatkan perkhidmatan kita dari segi bidang kuratif ataupun klinikal di hospital-hospital, malahan dari segi preventif adalah cukup penting untuk kita memastikan rakyat kita lebih sihat, kurang ke hospital kerana kita mengadakan gaya hidup yang sihat. Contoh-contoh di mana kita harap rakyat dapat memahami cara hidup sihat adalah dari segi makanan yang seimbang, dari segi senaman yang perlu diadakan kalau boleh setiap hari dan kalau boleh tidak merokok. *[Ketawa]* Memang kita kempen 'Tidak Merokok' ini akan diteruskan.

■1030

Kita hari ini juga dalam zaman globalisasi, masalah menangani stres, *mental health* adalah satu perkara yang kita akan tekankan dan dari segi sihat tanpa alkohol juga ditekankan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit pasal merokok.

Dato' Liow Tiong Lai: Oleh itu berhubung dengan soalan yang kedua yang diutarakan berkenaan dengan penyelidikan, kita akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk melihat bagaimana geran akan diberikan untuk membantu meningkatkan penyelidikan dalam bidang-bidang tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tentang merokok di Parlimen ini, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tentang merokok. Ahli Parlimen sendiri merokok dalam kawasan Parlimen. *[Dewan riuh]* Sebab tadi Yang Berhormat Menteri bercakap tentang merokok.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, sila, sila duduk, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jadi saya harap minta tolong sedikitlah tentang itu. Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahankah, Yang Berhormat?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bukan. Hendak minta penjelasan apakah sebenarnya polisi merokok di Parlimen ini? *[Disampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah, sudah siap jawab.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bolehkah atau tidak merokok di kawasan Parlimen? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan tambahan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan tambahan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap. Soalan nombor 4, Tuan Gwo-Burne Loh.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, macam mana sebut nama Yang Berhormat ini?

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Gwo-Burne Loh.

Tuan Yang di-Pertua: Gwo-Burne Loh?

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

4. Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kerajaan pernah melobi untuk meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai konvensyen terhadap hak golongan orang kurang upaya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Kelana Jaya, mana-mana kerajaan di dunia tidak perlu melobi untuk meratifikasi mana-mana Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau PBB. Semua Konvensyen PBB adalah terbuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh mana-mana negara ahli. Ini termasuklah konvensyen mengenai hak orang kurang upaya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Malaysia amat prihatin akan isu-isu orang kurang upaya di negara ini. Oleh yang demikian, Malaysia telah pun menandatangani konvensyen ini pada 8 April tahun ini di Ibu Pejabat PBB, New York. Sebagai niat dan hasrat untuk meratifikasi konvensyen tersebut, kini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang mengkaji implikasi undang-undang dan mendapatkan pandangan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, dengan izin, sebelum memperakukan kepada kerajaan, cadangan untuk meratifikasi konvensyen ini. Terima kasih.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Yang Berhormat, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam menyediakan lebih banyak prasarana kepada golongan orang kurang upaya ini.

Apakah kerajaan akan menjadi satu *mainstream* kepada menyediakan kemudahan lebih banyak seperti tempat letak kereta bagi OKU di pusat-pusat membeli belah, kompleks kerajaan dan universiti? Bolehkah pihak kementerian menyatakan apakah rancangan-rancangan masa hadapan untuk OKU dan bolehkah laporan-laporan setiap tahun mengenai rancangan kementerian terhadap OKU dibentangkan kepada Parlimen? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Untuk menentukan pihak OKU masuk ke *mainstream* dalam pembangunan negara, kementerian memang ada jalan dengan beberapa cara untuk menentukan perkara ini.

Yang pertama adalah mengadakan akta-akta untuk memberikan pihak OKU ada hak sendiri. Akta Orang Kurang Upaya sudah diluluskan di Parlimen di dalam negara ini pada 24 Disember 2007. Pada masa sekarang kita sudah menjalankan strategi-strategi untuk menjalankan akta-akta ini. Akta-akta ini pun juga ada bersama dengan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya. Jadi berikan kita masa sampai 2012 untuk semak semula.

Pada masa sekarang, beberapa undang-undang pun ada untuk menentukan pihak orang kurang upaya dapat infrastruktur dan juga melalui insentif-insentif pengurangan cukai seperti dalam Bajet 2008, Kementerian Kewangan ada mengumumkan mana-mana pihak swasta jikalau ada memberikan infrastruktur untuk OKU *friendly* di tempat kerja akan dapat *tax exemption*. Sekian.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah berdiri dekat enam kali. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, mengapakah terdapat begitu banyak orang kurang upaya yang disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk dijadikan pengemis dan apakah mereka ini menjadi mangsa sindiket yang mengambil kesempatan di atas kedudukan dan nasib mereka? Saya hendak tahu daripada menteri, apakah usaha kementerian untuk menentukan hak golongan orang kurang upaya ini terbelas? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Memang kementerian pun sangat-sangat risau perkara ini berlaku. Pada masa sekarang ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan kanak-kanak dan orang tua untuk jadi pengemis.

Jadi di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat, dari kementerian saya, yang pertama jika kita dapat maklumat, kita pergi cari mereka dan masukkan ke pusat kita, supaya mereka sekurang-kurangnya mendapat kehidupan yang *basic*. Akan tetapi apa yang perlu adalah, pihak kita ini melalui *enforcement* dan lain-lain, mesti cari sindiket ini sebab *we are the ending end, the receiving end*. Apa maksud asas itu? Itulah masalah yang sedang kita kaji. Sekian.

5. **Datuk Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada kementerian bercadang mengkaji semula atau membatalkan CESS minyak kelapa sawit yang dikenakan pada ladang-ladang terutama di Sabah sebab berlakunya pencukaian dua kali, termasuk 7.5% yang dikenakan oleh Kerajaan Sabah. Adakah kementerian bercadang berbincang dengan Kerajaan Sabah bagi meringankan beban pencukaian itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Skim Penstabilan Harga Minyak Masak iaitu Cooking Oil Subsidy Scheme (COSS) yang telah dilaksanakan semenjak 1 Jun 2007, adalah bertujuan mengekalkan harga siling minyak masak dalam bungkusan di bawah lima kilogram di pasaran tempatan. Di samping itu, ia juga bertujuan mengekang inflasi dan membantu golongan berpendapatan rendah.

Pada masa ini kementerian sedang mengkaji semula pelaksanaan COSS dari pelbagai aspek termasuk kadar kutipan ses dari sektor perladangan. Saya ingin sebut di

sini bahawa dalam kajian ini kita akan mengambil semua pandangan termasuk pandangan-pandangan yang sudah diutarakan oleh pihak pengusaha kebun dan estet.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai jualan sebanyak 7.5% yang dikenakan kepada pengusaha sawit di Sabah, ia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Cukai yang dikenakan tersebut adalah juga untuk membiayai pembangunan infrastruktur yang termasuk utiliti dan jalan raya, bagi memudahkan pengangkutan dan eksport keluaran sawit dari negeri Sabah.

■ 1040

Dalam hal ini Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah pun mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan negeri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak peladang dari Sabah dan kawasan Tawau juga Silam khasnya rasa tidak puas hati tentang jawapan yang ringkas ini.

Soalan tambahan saya meminta menteri menjelaskan mengapa isu kos *Cooking Oil Subsidy Scheme* ini belum dikaji atau diselesaikan walau pun peladang minyak kelapa sawit di Sabah sudah mula membangkitkan isu ini sejak September tahun lepas.

Mengapa syarikat yang berkaitan kerajaan, *government-linked company* seperti FELDA dan lain-lain dikecualikan daripada percukaian dua kali tersebut. Manakala mereka sebagai syarikat besar, *GLC company* ini perlu menyumbang juga. Bukankah ini ada *double standard* yang mesti diberhentikan di Sabah. Sekian terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pengusaha, sedangkan saya pun sampai ke kawasan Tawau untuk bermesyuarat dengan pihak-pihak yang mewakili estet-estet di sana.

Saya juga menjelaskan dalam dialog tersebut iaitu pihak kementerian akan ambil tindakan untuk mengkaji skim ini kerana skim ini kita sudah menetapkan bahawa skim itu adalah sepanjang satu tahun.

Satu tahun ini akan tamat pada bulan ini iaitu 13 Mei dan kita sedang apa yang saya sebut tadi dalam jawapan saya yang asal itu, kita sedang dan ini termasuk dalam peringkat terakhir apabila kita akan sampaikan kertas memorandum kepada Jemaah Menteri untuk ditimbang dan diluluskan jika difikirkan sesuai oleh pihak Jemaah Menteri.

Mengenai GLC ini seperti FELDA yang disebutkan saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat pihak FELDA Holdings memang kena membayar ses dan kepada pihak FELDA peneroka mereka tidak dikenakan ses.

Ini satu keputusan daripada pihak Jemaah Menteri bahawa kita ingin hendak menolong pihak pengusaha atau peneroka yang mempunyai keluasan yang kecil iaitu di bawah 100 ekar. Itulah dasar yang sudah kita tetapkan dan buat masa sekarang kita dalam kajian akan ambil kira perkara ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya isu berkenaan dengan ses minyak di Sabah, saya pernah panggil beberapa kali dalam sidang Parlimen pada tahun lepas tapi kesalnya kerajaan tidak mendengar nasihat saya sehingga DAP menang dalam kawasan Seri Tanjung itu kerusi DUN di bawah kawasan Parlimen Tawau. [Ketawa]

Jadi saya memberi sokongan kepada Yang Berhormat Tawau tentang isu ini dan berharap kerajaan boleh mengambil kira keadaan pembayaran cukai dua kali oleh penanam kelapa sawit di Sabah dan mungkin memberi pengecualian kepada mereka. Kalau tidak saya bimbang kerusi Parlimen Tawau mungkin akan hilang lagi.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Di kawasan Seputeh tidak ada minyak sawit macam mana awak boleh menang. *[Ketawa]* Seperti yang saya sebut Tuan Yang di-Pertua kita sudah ambil kira semua pandangan termasuk juga Yang Berhormat Seputeh.

Saya masih ada *press cutting* yang Yang Berhormat keluarkan. Semua ini sudah diambil kira dan kita akan ambil satu keputusan yang terakhir dalam bulan ini pun. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Kerja Raya menyatakan pendapatan, keuntungan kumulatif syarikat-syarikat konsesi tol dan adakah kerajaan akan mengambil langkah tertentu untuk merunding semula ciri-ciri kontrak yang tidak seimbang dan membebankan orang ramai.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Petua. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sehingga Disember 2007 terdapat 22 buah lebuh raya bertol yang sedang beroperasi di bawah pengawasan Lembaga Lebu Raya Malaysia sehingga tahun 2007.

Jumlah keseluruhan pendapatan dan keuntungan kumulatif bagi syarikat-syarikat konsesi lebuh raya berkenaan semenjak diswastakan sehingga kini adalah seperti berikut, jumlah keseluruhan pendapatan kumulatif ialah RM27.6 bilion dan jumlah keseluruhan keuntungan kumulatif ialah RM3.5 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan yang diperolehi oleh syarikat konsesi adalah digunakan untuk pembayaran balik pinjaman, pembiayaan kos bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi serta dengan izin Tuan Yang di-Pertua *heavy maintenance cost*.

Setelah itu keuntungan yang diperolehi oleh syarikat konsesi yang berkenaan akan digunakan bagi dengan izin meng*offset* pampasan akibat keputusan kerajaan tidak menaikkan kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bukan semua lebuh raya yang mendapat keuntungan. Terdapat juga lebuh raya yang mengalami kerugian seperti Lebu Raya Shah Alam, Lebu Raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura, Lebu Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur, Lebu Raya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat, Lebu Raya Lingkar Kajang, Lebu Raya Shah Alam-Kuang dan juga Lebu Raya Pantai Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk merunding semula perjanjian konsesi lebuh raya antara klausa baru yang disertakan di dalam perjanjian konsesi adalah klausa *tol review mechanism* dengan izin di mana klausa ini tidak membenarkan kadar tol sebuah lebuh raya dinaikkan sewenang-wenangnya dan bergantung pada jumlah trafik.

Sekiranya jumlah trafik melebihi sebuah nilai maka kenaikan kadar tol bagi lebuh raya berkenaan boleh dihindari. Kerajaan juga amat faham dan prihatin akan beban tol kepada rakyat pada masa kini.

Kementerian sedang membuat satu kajian serius terhadap beberapa lebuh raya dengan melihat semula perjanjian konsesinya. Antara perkara yang sedang diperhati semula adalah unjuran trafik, klausa-klausa perjanjian, kadar tol dan tempoh konsesi.

Kementerian juga akan melihat semula jumlah pembiayaan yang diperlukan bagi sesebuah lebuh raya membayar balik pinjaman, menyelenggara dan menjalankan operasi.

Jumlah ini kemudian akan dibandingkan dengan hasil kutipan tol dan ini dapat mengelakkan kenaikan kadar tol malah boleh memberikan pengurangan kadar tol. Setelah memperoleh maklumat berkenaan, kementerian akan berunding semula dengan syarikat konsesi bagi mencapai persetujuan tanpa sebarang gangguan terhadap mana-mana obligasi kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rundingan semula faktor pampasan juga akan dilihat semula dan sebarang keputusan rundingan semula akan dipastikan tidak menyebabkan kerajaan dan rakyat menanggung sebarang beban.

Obligasi kerajaan kepada syarikat konsesi juga tidak akan diabaikan. Antara kajian lain yang sedang dijalankan adalah untuk mengasingkan Lebuhraya Utara-Selatan kepada dua seksyen iaitu seksyen bandaran dengan izin, *urban* dan seksyen antara bandaran dengan izin *inter urban*.

Ini dapat mengurangkan kadar tol bagi seksyen bandaran iaitu *urban* dan memastikan kadar tol bagi seksyen antara bandaran, *inter urban* tidak membebankan. Kesemua keputusan kerajaan ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan. Dengan ini masalah kenaikan kadar tol dapat dilihat semula dan rakyat tidak akan dibebankan.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih di atas jawapan menteri yang baru. Saya kena *admit*lah, amat menggalakkan disebabkan Menteri Kerja Raya yang lama tidak langsung hendak membuat polis-polisi seperti *toll review mechanism*. Ini satu langkah yang betul pada fikiran kita.

Soalan tambahan yang saya hendak tanya ialah, bagi PLUS yang secara nyata telah mendapat keuntungan yang lumayan pada tahun-tahun yang lalu, adakah kadar tol akan dinaikkan pada tahun ini atau tahun depan? Ini kerana kita tahu pada awal tahun ini sebenarnya ia akan menaikkan tol tetapi telah ditangguhkan. Jika tidak akan naik, apakah ganti rugi yang dibayar oleh kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi PLUS? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih kepada soalan tambahan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kalau mengikut jadual asal sebagaimana termeterai dalam perjanjian dengan Projek Lebuhraya Utara-Selatan, kenaikan kadar tol sepatutnya telah pun dilakukan pada Januari namun kita telah pun menangguhkan untuk tempoh setahun. Jadi, sama ada perkara ini dapat dilaksanakan atau tidak sebagaimana yang saya sebut sebentar tadi, PLUS dan kita akan berunding semula dan dengan izin, *to designate*. Bermakna lebuhraya yang disifatkan sebagai *urban*, contohnya ialah dari Rawang sampai ke Nilai, *that is urban. The backbone of the Klang Valley*. *Inter urban* termasuk kawasan Ipoh, Seremban dan juga Johor Bahru, ia sebagai *the inter-link of the sub-urban*. Kita akan kaji berapa trafik *volumenya* dan berapa kos *maintenance* sepanjang laluan itu. Bila semua ini sudah dalam maklumat kita, kita akan faktor dengan izin *cost effectiveness*, sama ada *room to negotiate* dengan izin, ada ruang. Ini pendekatan yang akan diambil.

Dalam waktu yang sama kita juga ingin supaya pengguna mendapat manfaat yang besar menggunakan jalan raya kerana dari segi dengan izin, *efficiency* kalau kita ambil lebuhraya bertol maknanya *it is a dedicated highway*. *Dedicated highway* ini maknanya membolehkan kita *travel* dari *point A* kepada *point B* dengan membayar premium tetapi cepat dan pantas. Dalam waktu yang sama *federal road* yang sedia ada ini adalah sebagai satu laluan alternatif yang tidak payah dibayar tol dan itu juga boleh membuat orang berjalan dari *point A* kepada *point B*. Kita akan menarik taraf semua-sesuai jalan yang menghubungkan jalan utama antara bandar-bandar yang memang ada dalam *Federal Highway* dan kita telah pun mengenal pasti lebih kurang 150 kawasan yang kita sebut sebagai *black spot*. Saya akan meletakkan ini sebagai *priority* dalam kajian semula dalam RMK-9 supaya laluan alternatif *Federal Highway* ini akan juga menjadi laluan alternatif untuk menghubungkan rakyat dari utara ke selatan.

Kedua, tentang peningkatan kualiti. Saya akan melihat sistem penguraian trafik supaya dapat memberikan manfaat kepada rakyat. Kalau kita bayar tol kita tidak akan tersangkut dalam keadaan *jam* lima hingga enam jam. Ini akan menyebabkan rakyat marah. Bila dia marah dia akan sokong pembangkang. Jadi kita tidak hendak dia menyokong pembangkang. [Ketawa] Saya hendak tunggu pengumuman daripada Yang Berhormat Seputeh, kerana baru-baru ini masa pilihan raya dia masuk kawasan Selangor di Kinrara,

kempen dia senang sahaja. Dia letak poster "tol sana, tol sini". Jadi itu jawapan saya kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah bangun 30 kali akhirnya dipandang juga. Soalan tambahan saya, saya rasa daripada jawapan Yang Berhormat Menteri ini telah menyatakan kepada Dewan yang mulia jumlah pendapatan kumulatif lebuhraya dalam negara adalah sebanyak RM27.6 bilion. Maka saya berasa sangat aneh di manakah wang pampasan yang diumumkan oleh bekas Menteri Kerja Raya sebanyak RM38.5 bilion yang terpaksa ditanggung atau dibiayai oleh kerajaan. Di manakah wang tersebut? RM38.5 bilion, kerana jumlah pendapatan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi ini cuma RM27.6 bilion.

Kedua, memandangkan lebuhraya ini telah mendapat keuntungan setinggi RM3.5 bilion, bermaksud ini merupakan perniagaan yang memang menguntungkan. Mengapakah kerajaan lari daripada tanggungjawab untuk mengenal pasti lebuhraya yang menguntungkan? Membina sendiri supaya tidak membebankan rakyat khususnya tol-tol di Lembah Klang ini seperti yang diumumkan oleh bekas Menteri Kerja Raya. Mungkin dia sekarang pun sudah tinggal di Sungai Siput, tidak ada tollah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dia telah pun umumkan dalam jangka masa lima tahun ini, seluruh Lembah Klang akan dikerumuni sebanyak 200 tol. Apakah strategi kerajaan untuk mengurangkan tol dalam bandar raya ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Taiping, soalan asal ini tanya saya berapakah pungutan kumulatif dan berapakah keuntungan daripada pungutan kumulatif ini. Sebagai jawapan, saya sebut tadi kita ada 22 konsesi tol di seluruh negara yang beroperasi dan *collectionnya* sehingga ke tahun 2007.

Tadi Yang Berhormat tanya pengumuman *compensation* yang tidak ada *reflected* dalam pungutan tol ini. Bila kita kata pungutan, maknanya bila orang melalui tol dan dia bayar, yang itu *register as a captured* punya pungutanlah. Kalau *compensation* kerana dalam perjanjian *concession* itu katakan dalam setiap tiga tahun, ada masa dan ketika ia akan naik. Oleh kerana kerajaan tidak mahu membebankan rakyat kita kata jangan naik tol tetapi kita kena juga melalui obligasi kita dengan izin, *to honor agreement* kita dengan pihak konsesi. Jadi dengan itu ada dua opsyen sama ada dengan izin *cash disbursements* ataupun *offset* ataupun yang ketiga kita panjangkan lagi dia punya tempoh konsesi.

Jadi sekarang ini soalan Yang Berhormat kata, apakah langkah kerajaan untuk menangani masalah. Saya ada beberapa opsyen. Salah satu opsyen kalau contoh infrastruktur, *current value* sekarang dengan 30 tahun yang akan datang dia punya *future value*. Saya boleh buat dengan *new financial modeling* bawa dia punya *future value to the current value and we repackage this one. Maybe one option is the government to buy back this infrastructure*. Itu satu opsyen. *I am not suggesting, this is depend on the option. That is the option we can take. So, jawapan kepada Yang Berhormat, pihak saya bersedia untuk melihat ini secara in totality*. Mungkin ini bukan kali yang terakhir soalan tol yang akan dibangkitkan. Dalam persidangan yang akan datang pun banyak lagi perkara tol yang akan di bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tadi ada soalan belum dijawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah lagilah, sudah ada dua soalan.

7. **Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa BSA Tahir dianggap pengancam kepada keselamatan negara sehingga ditahan di bawah ISA.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun yang

mahu tahu kenapa BSA Tahir dianggap mengancam keselamatan negara dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju pada 8 Mei 2008 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, punca utama kepada penahanan seseorang di bawah akta ini adalah berasaskan maklumat yang diperolehi secara langsung atau melalui kaedah *intelligence* yang menunjukkan perbuatan atau tindakannya boleh mengancam keselamatan, ekonomi atau gangguan kepada perkhidmatan penting negara. Keputusan yang diambil kemudiannya untuk menahan seseorang bersandarkan kepada tujuan untuk menggagalkan serta mencegah kemungkinan berlakunya ancaman kepada keselamatan.

■1100

Dalam kes ini penahanan dilaksanakan berasaskan maklumat dan siasatan yang mengaitkan BSA Tahir dengan rangkaian antarabangsa percambahan teknologi senjata nuklear bagi Libya dan penggunaan Malaysia sebagai tempat mengeluarkan komponen *centrifuge* yang diperlukan. Beliau juga mempunyai hubungan dengan rangkaian Abdul Qadir Khan atau AQ Khan iaitu seorang pakar yang bertanggungjawab menjadikan Pakistan sebuah negara nuklear. Rangkaian ini juga, terlibat dengan pembangunan senjata nuklear untuk Iran dan Libya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menyiasat secara mendalamnya didapati ada rangkaian dan kaitannya, BSA Tahir ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana jika rangkaian ini tidak dihentikan, ia akan mendedahkan negara Malaysia kepada pelanggaran tanggungjawabnya di bawah *Non-Proliferation Treaty* serta resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai percambahan senjata nuklear, juga sekali gus boleh mengakibatkan negara Malaysia dikenakan sekatan ekonomi dan menjejaskan hubungan dua hala dengan negara-negara tertentu.

Setelah dipertimbangkan sehalus-halusnya, tindakan penahanan BSA Tahir di bawah Seksyen 81 Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dilakukan. Tuan Yang di-Pertua itu adalah asas penahanan. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun] Pokok Sena.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak Yang Berhormat Bukit Gelugor daripada hujung mata saya. Sila.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya soalan ketujuh adalah soalan oleh Tun Dr. Mahathir bukan anaknya tetapi tidak mengapa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu adakah BSA Tahir ini beri peluang di bawah Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk membuat pembelaan sebelum dia dihantar ke Kamunting.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri, semua orang yang ditahan di bawah akta ini mempunyai hak untuk disemak semula setiap perkara yang melibatkan penahanan beliau. Dalam hal ini, beliau telah ditahan dan disiasat dan penahanannya daripada dua tahun disambung kepada empat tahun. Sekian.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, menteri tidak faham soalan saya. Bolehkah jelaskan sekali lagi. Adakah diberi peluang bahawa seksyen 73 sebelum dia dihantar ke Kamunting di bawah satu perintah tahanan. 73, *do you understand?*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab soalnya. Kita berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan daripada *part* ini adalah berasaskan maklumat yang kita ada dan kita membuat penahanan...

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sama ada dia *appeal* atau tidak itu soal lain. Itu yang telah saya jawab ya.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan *appeal* 73, do you understand?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *I understand, but the question I said that...* saya tidak mahu menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor, menteri sudah menjawab.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Dia tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, itu jawapan dia, sama ada Yang Berhormat Bukit Gelugor puas hati atau tidak...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu soal lain.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: ...itu jawapan menteri. Sudah, terima kasih. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya bagi tahu Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya berkenaan soalan berkenaan mahkamah ini Akta Pencegahan. Akta Pencegahan kita mengambil tindakan, berasaskan maklumat yang ada dan kita berpuas hati bahawa orang ini boleh ditahan di bawah akta tersebut.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: *73 of the act. Do you understand that?*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *Yes, I understand that. That's why I said...*

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: *What it is about? [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong senyap Ahli-ahli Yang Berhormat, menteri sudah menjawab. Sama ada Yang Berhormat Gelugor berpuas hati atau tidak dia sudah menjawab.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, dia bangkit sekali lagi.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Pasal Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak puas hati sebab itu dia bangkit sekali lagi.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Itu saya tanya soalan adakah dia faham peruntukan...

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata dia faham, saya dengar tadi dia kata dia faham.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Dia tidak faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bukit Jelutong duduklah. Raja boleh lawan.

Tuan R. Kapal Singh [Bukit Gelugor]: Mana ada Bukit Jelutong. [*Dewan riuh*][*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soalan saya sendiri. Bukan soalan mana-mana pihak yang lain.

Nampaknya ada kesimpulan daripada siasatan yang dibuat setakat ini oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Saya hendak tanya adakah ini telah menunjukkan bahawa beliau perlu ditahan lagi dan kenapa? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun di atas soalan tambahan. Saya akan menyemak kes ini bila tamat tempoh penahanannya dan membuat keputusan kemudiannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli.

8. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Islam Hadhari terus menjadi pegangan kerajaan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan pemikiran Hadhari akan diperkasakan melalui pelbagai agenda bagi membina kesedaran dan penghayatan secara hudhara di kalangan ummah. Bagi menterjemahkan pelaksanaannya JAKIM telah dan akan menempatkan seramai dua orang pegawai di setiap kementerian bagi membantu dan menyelaraskan pelaksanaan program-program berkaitan dengan pemikiran ini.

Usaha juga sedang dijalankan untuk menyediakan piawaian Hadhari atau dengan izin Hadhari *standard* bagi menyediakan indeks pencapaian kepada sepuluh prinsip dalam pendekatan Hadhari ini. Satu jawatankuasa telah dianggotai oleh ahli-ahli profesional dalam pelbagai bidang dan wakil-wakil agensi kerajaan termasuk Institut Kefahaman Islam Malaysia atau IKIM bagi menyediakan piawaian Hadhari ini dan ia akan dijadikan sebagai satu penanda aras atau dengan izin, *benchmark* bagi mengukur tahap pencapaian setiap prinsip dalam pendekatan pemikiran Hadhari ini.

Tuan Yang di-Pertua Sila, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang menjawab. Empat tahun yang lalu, apabila Islam Hadhari ini diperkenalkan sebagai satu pendekatan telah menimbulkan berbagai-bagai persoalan. Antara teras-teras seperti yang disebutkan di dalam Islam Hadhari ini, dua perkara yang kita nampak jelas iaitu pembinaan modal insan dan juga tentang pemodenan dalam pembangunan negara, ternyata dipertikaikan sehingga menyebabkan Barisan Nasional hampir-hampir ditolak dalam pilihan raya 2008 sehingga berlaku penyusunan semula Kabinet yang lebih radikal kerana modal-modal insan dalam Kabinet yang lalu ternyata tidak berjaya dibina dalam tempoh empat tahun [*Dewan riu*] yang disebutkan. Termasuk juga - *approach* pada soalan ya, termasuk juga salah sebuah negeri, satu-satunya negeri di Malaysia ini yang meletakkan Islam Hadhari sebagai teras moto negeri tersebut iaitu Terengganu.

Beberapa Ahli: Soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pendekkan Yang Berhormat, soalan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Soalannya, tempat di mana itu dijadikan moto pun modal insan pertamanya terpaksa ditukar kerana gagal. Jadi soalan saya, semua ada kena-mengena ini.

Beberapa Ahli: Soalan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dengan kegagalan ini, mengapakah kerajaan seperti yang dijawab tadi ingin meneruskannya dan adakah mereka merasa bahawa segala kelemahan itu memerlukan masa lagi untuk diperbaiki dengan pendekatan-pendekatan yang baru disebutkan ataupun ini hanya sebagai satu langkah politik untuk menyaingi perjuangan yang dibawa oleh pihak Pakatan Rakyat yang membina satu pendekatan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, yang mengkonotasikan kegagalan ini hanya Yang Berhormat Kuala Krai dan konco-konconya. Bagi kita, apabila kita lihat tahap pertama kalau Yang Berhormat Kuala Krai lihat apabila

awareness campaign dengan izin kempen kesedaran ini diwujudkan, kenapa Yang Berhormat tidak sebut bahawa dalam pilihan raya 2004 Islam Hadharilah antara faktor yang telah memenangkan BN dengan kejayaan yang baik. [Tepuk]

Fasa yang kedua berlaku demikian kerana jenis spesies begitulah yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Kerana pemutarbelitan prinsip dan juga beberapa pendekatan yang baik yang telah dicacamarbakkan atas tujuan-tujuan politik, maka pembangunan modal insan yang kita buat dalam manhaj yang baru bersesuaian dengan ayat [Membaca sepotong ayat Al-Quran].

■1110

Perimbangan soal duniawi dan ukhrawi yang saya fikir dipersetujui oleh Yang Berhormat dan kawan-kawan yang lain juga. Kenapa perlu fobia terhadap pemikiran ini. Kita tidak jadinya sebagai mazhab baru apatah lagi sebagai agama baru. Pendekatan ini adalah pendekatan untuk *civilize*, dengan izin untuk mentamadunkan ummah keseluruhannya dan janganlah fobia terhadap istilah, lihatlah apa isi yang ada di dalam pemikiran Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat pemikiran daripada Pakatan Rakyat ataupun 'Pakatan *Public Relation*' - PR ini, kita melihat bahawa tidak ada persetujuan asas di antara negara Islam yang diperjuangkan oleh parti PAS seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi dengan negara Islam itu dibantah keras oleh parti DAP yang memperjuangkan negara sekular. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap sekejap.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jadi saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri, soalan saya adakah pendekatan Islam Hadhari ini mendapat persetujuan daripada seluruh komponen Barisan Nasional yang mewakili Kerajaan Malaysia berbanding dengan 'Pakatan *Public Relation*' yang tidak boleh setuju atas satu persetujuan yang asas itu.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan ini bukan sahaja dipersetujui oleh parti komponen Barisan Nasional tetapi juga dipersetujui oleh organisasi-organisasi bukan Islam yang lain. Malah pengantarabangsaan pendekatan Hadhari ini juga telah diiktiraf oleh negara-negara OIC. [Tepuk] Dalilnya pada bulan Disember yang lalu, 30 negara-negara Islam bukan sahaja memberikan penghormatan terhadap pendekatan fikrah Hadhari, tetapi juga melaksanakannya dengan memberikan acuan baru pelaksanaan di negara-negara tersebut. Malah kita lihat bahawa Hadhari *world* yang dilakukan di dalam beberapa jurnal yang lain memperlihatkan penerimaan negara luar terhadap pendekatan ini yang tidak terima beberapa kumpulan yang jumud sahaja terhadap pendekatan Hadhari.

Seorang Ahli: Hadhari yang lain dah ni, ini bukan Islam Hadhari macam-macam Hadhari boleh sebut macam ni.

9. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan ekonomi dunia sekarang dengan ekonomi negara Malaysia. Ini memandangkan ada banyak faktor seperti kemerosotan ekonomi serta mata wang Dolar negara Amerika Syarikat, kenaikan harga minyak mentah, kenaikan mata wang Euro yang berlaku masa kini yang boleh memberi kesan baik atau buruknya kepada ekonomi negara Malaysia.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kapit. Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kapit bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Muar, Rantau Panjang dan Tenom yang dijadualkan dijawab pada 7 Mei, 14 Mei dan 27 Mei 2008 masing-masing kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka persekitaran kini yang tidak menentu sudah pasti memberi kesan kepada ekonomi negara melalui hubungan perdagangan dan pasaran kewangan. Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat berikutan krisis pinjaman sub prima, harga komuniti global yang terus meningkat dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran global merupakan satu cabaran yang begitu sengit bagi negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah menunjukkan bahawa tempoh perubahan besar selalu mencetuskan pergolakan. Saya percaya kita kini berada dalam satu era yang menyaksikan satu perubahan trend yang begitu signifikan. Memandangkan abad ke-19 merupakan abad bagi Eropah dan abad ke-20 ialah abad bagi Amerika Syarikat. Kini abad ke-21 ialah abad bagi Asia khususnya China dan India.

Dalam tempoh 100 tahun akan datang China dan India akan muncul sebagai kuasa dunia utama sebagai kuasa besar manakala pengaruh Amerika Syarikat dan Eropah akan pudar. Adakah kita negara Malaysia berada dalam kedudukan untuk mengambil peluang ke atas trend sejarah ini supaya kita bukan sahaja dapat sekadar bertahan bahkan terus makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dirahmati oleh Allah S.W.T dengan kombinasi yang begitu unik dari segi kelebihan yang kita ada iaitu geografi, sejarah dan etnik. Dari segi geografi Malaysia terletak di satu tempat, di satu *location* dalam rantau yang makin pesat membangun iaitu antara China, India dan Indonesia. Dari sejarah Tuan Yang di-Pertua, kita pernah berada dalam situasi itu. Satu *dejavu* rasanya, 600 tahun dahulu ketika di zaman kegemilangan kesultanan Melaka di mana Melaka merupakan sebuah pusat bandar raya perdagangan dunia yang kosmopolitan yang mempunyai penduduk berbilang kaum di mana China dan India pada masa itu 600 tahun dahulu juga merupakan kuasa besar.

Pada masa itu Amerika Syarikat belum wujud sebagai kuasa besar. Negara-negara Eropah pun belum wujud sebagai besar. Kuasa besar pada itu adalah China dan India dan pada masa itu kita telah maju, kita telah makmur ketika itu. Sejarah ini Tuan Yang di-Pertua mungkin adalah sebahagian daripada dengan izin *collective memory* kita sebahagian daripada DNA kita. Keadaan yang sedang wujud bukan merupakan perkara baru kerana kita telah pernah berjaya, pernah makmur dalam keadaan yang serupa 600 tahun yang dulu.

Dari segi etnik, kedudukan kita adalah sangat baik yang unik sekali dalam dunia. Kaum Melayu di Malaysia mempunyai hubungan sejarah, agama dan linguistik yang begitu akrab dengan 230 juta penduduk Indonesia. Malaysia mempunyai lebih banyak masyarakat Cina berbanding dengan negara-negara lain kecuali *Greatest China* dengan izin. Malaysia mempunyai lebih ramai rakyat berketurunan India berbanding negara lain kecuali India. Malaysia mempunyai hubungan keagamaan dengan 57 negara anggota OIC. Malaysia juga mempunyai hubungan sejarah dan juga bahasa Inggeris dengan 53 negara Komanwel. Kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberkati negara tercinta kita dengan begitu banyak kenikmatan dan kelebihan.

Apa yang perlu sekarang ialah kita dapat mengoptimumkan kelebihan ini menggunakan hubungan kita dengan China, hubungan kita dengan India dan juga hubungan kita dengan negara-negara Islam dan Arab untuk mencari satu *niche* dalam pembangunan negara dalam tahun-tahun mendatang dalam konteks zaman yang beredar dengan begitu cepat.

Sungguhpun prospek pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan akan memberi risiko kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia namun asas ekonomi domestik yang kukuh dijangka menyumbang kepada daya tahan ekonomi dan seterusnya mengurangkan risiko yang datang dari cabaran global. Kekuatan utama ekonomi Malaysia ialah fleksibiliti ekonominya. Pengubahan signifikan dalam struktur ekonomi akan diteruskan. Sektor pembangunan terus menunjukkan kemajuan dalam meningkatkan rantai nilai tambah manakala sektor perkhidmatan telah menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor perkhidmatan telah berkembang pada kadar yang lebih tinggi berbanding pertumbuhan ekonomi keseluruhannya.

Kemunculan sumber tumbuhan baru terutama daripada sektor ...*services* dan *outsourcing* dengan izin, industri kepada perniagaan agro, bioteknologi dan kewangan Islam. Fleksibiliti ekonomi membolehkan kita berubah kepada bidang aktiviti yang baru yang merupakan faktor yang menyumbang kepada ekonomi yang dinamik.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuat satu keputusan yang begitu bijaksana saya fikir dalam tahun 1983. Pada tahun 1983, tidak ada negara termasuk negara Arab yang berani melaksanakan sistem perbankan Islam. Kita berani, kita melaksanakan sistem perbankan Islam pada tahun 1983 dan kini negara-negara Arab sendiri hantar rombongan untuk belajar selok-belok tentang perbankan Islam dari kita, *liability delegation*.

Kini apabila harga minyak dah naik sehingga USD122 semalam, kekayaan orang-orang Arab, negara-negara Arab memang telah bertambah. Ada satu kajian menunjukkan bahawa dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, jumlah pendapatan negara-negara Arab yang mempunyai minyak akan meningkat kepada USD20 trilion, satu angka yang begitu besar. Kita kini melihat bahawa kebanyakan negara Arab sudah berminat dengan sistem perbankan Islam dan kita sebagai negara yang paling maju dalam sistem perbankan Islam dan mempunyai pengalaman yang paling lama sejak tahun 1983.

Dalam sistem perbankan Islam, memang mempunyai satu *niche* untuk membolehkan negara kita muncul sebagai negara yang paling maju, negara yang nombor satu mungkin, insya-Allah, dalam sistem perbankan Islam. Dengan itu dapat membawa masuk aliran dari negara-negara Arab untuk membangunkan negara dan juga untuk menjadi satu *intermediary* dengan izin, untuk menggunakan dana-dana ini untuk pelaburan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada suasana sekarang, Malaysia menghadapi satu cabaran yang begitu sengit. Namun, ini bukan kali pertama atau kali terakhir kita menghadapi cabaran dalam tahun 1971, 1972, 1984, 1986, 1997,1998, kita menghadapi cabaran. Kita nampak dari sejarah kita, tiap-tiap kali kita menghadapi cabaran, kita dapat memulihkan ekonomi dalam tempoh yang begitu singkat dan kita muncul sebagai negara yang lebih kuat.

Saya yakin bahawa situasi global sekarang yang mewujudkan satu cabaran yang begitu sengit akan juga kita hadapi dan kita mengatasi seperti juga yang kita atasi cabaran-cabaran dalam sejarah kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, semua soalan yang saya nak kemukakan telah terjawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang begitu jelas. Akan tetapi saya bagi peluanglah kepada rakan-rakan yang lain sebab beberapa soalan yang telah dijawab bersama. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita tidak mempelajari sejarah, kita akan mengulangi kesalahan. Daripada hujah yang begitu panjang lebar mengenai asas ekonomi yang kukuh yang fleksibiliti dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat mengadakan fleksibiliti yang benar-benar realistik dan juga bagaimana kita dapat mempertahankan sistem perbankan Islam sekarang ini.

Saya nampak negara-negara yang lain seperti Singapura, dia nampak itu satu peluang dan dia akan berusaha untuk memperkembangkan sistem perbankan Islam bukan sahaja di Singapura, di negara-negara yang lain kerana ini satu dunia yang bersaing dengan hebat. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu bagaimana kita dapat memperkukuhkan memandangkan itu harga minyak sekarang mencecah USD122 se-tong dan dengan ini dan itu *reserve* kita, bolehkah kita masih kekalkan *reserve* kita dengan itu penemuan yang baru dan sebagainya dan bagaimana kita dapat mengukuhkan dengan wang yang begitu banyak sekarang daripada minyak?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Berhubung dengan fleksibiliti, kita mempunyai fleksibiliti dalam pelbagai bidang. Pertama, sejak tahun 2000, kerajaan telah mengambil langkah yang begitu komited untuk mengurangkan deposit dari 5.5% deposit, bajet, pada tahun 2000 kepada 3.2% pada tahun 2007. Jadi kita telah melakukan satu konsolidasi ekonomi yang kita telah janjikan dulu.

Oleh yang demikian, kita mempunyai sedikit fleksibiliti dari segi dasar fiskal untuk membelanjakan lebih sedikit sekiranya perlu untuk memulihkan ekonomi, satu. Kita juga memastikan bahawa dalam keadaan senang, kita tidak meminjam lebih-lebihan. Jumlah *reserve* kita pada masa ini ialah USD120 bilion dan pinjaman kita hanya 50% dari jumlah itu iaitu USD50 bilion. Kita juga telah melakukan dalam sejarah kita, satu disiplin untuk tidak meminjam bagi perbelanjaan biasa, bagi perbelanjaan *operational*. Kita hanya meminjam bagi perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sistem perbankan Islam memang benar negara Singapura dan juga negara-negara lain di negara-negara Arab, Bahrain, Dubai, Abu Dhabi, sudah pun mengambil langkah untuk mewujudkan sistem perbankan Islam. Pada saya, itu satu hikmah sebab kalau kita anggap sistem perbankan Islam adalah satu sistem yang harus digalakkan sebab sistem itu berasaskan Islam, satu. Kita juga berpendapat bahawa selain dari syariah, sistem itu juga adalah *superior* dengan izin, kepada sistem konvensional dari beberapa segi termasuk keadilan, keadilan masyarakat, keadilan kepada pengguna dan sebagainya.

Jadi kita tak ada masalah langsung sekiranya Singapura, negara-negara Arab dan lain-lain mewujudkan sistem yang baik. Ini juga memberikan kita satu cabaran supaya kita tidak dengan izin, jadi *complacent* sebab sungguhpun kita mempunyai 25 tahun pengalaman, kalau kita menjadi *complacent* kita memang tidak akan menjadi, akan kekal sebagai negara nombor satu dalam bidang Islam. Jadi kewujudan pusat-pusat baru ini adalah satu hikmah, adalah satu yang baik supaya kita juga menganggap ini sebagai satu cabaran dan kita cari kaedah lain, mekanisme lain dan jadi lebih inovatif.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, negara-negara lain termasuk Singapura, negara Arab mempunyai pelbagai cara dalam melaksanakan sistem perbankan Islam. Negara-negara ini boleh dibahagikan kepada empat kumpulan. Kumpulan pertama yang tidak ada langsung perbankan Islam, ada juga negara yang tidak ada perbankan Islam. Ada juga negara yang hanya mempunyai sistem Islam, Sudan mungkin dan satu dua negara Arab yang lain tapi sistem itu *simple* sangat, bukan sistem canggih.

Kebanyakan negara mempunyai satu sistem perbankan, *mainstream* yang mana adalah sistem konvensional. Sistem perbankan Islam yang wujud hanya beroperasi di pinggir sistem konvensional. Sistem konvensional adalah sistem *mainstream*. Sistem perbankan Islam hanya beroperasi di pinggir sistem *mainstream* iaitu sistem konvensional. Hanya Malaysia, setakat ini dalam satu di dunia, hanya Malaysia yang mempunyai dwi sistem perbankan, *dual-system of banking*. Di mana kedua-dua sistem konvensional dan sistem perbankan menjadi *mainstream*, dua-dua menjadi *mainstream*. Dua-dua mempunyai prasarana yang lengkap, produk-produk yang banyak dan *players*, dengan izin, yang banyak dan pelbagai.

■1130

Ini juga adalah satu hikmah, satu kelebihan kepada kita. Oleh kerana kita mengujudkan dua sistem, ada juga *competition* di antara Sistem Perbankan Islam dengan sistem *conventional*. Kalau Sistem Perbankan Islam di Malaysia menjadi *complacent*, sistem *conventional* akan mewujudkan produk-produk baru dan rakyat mungkin lebih ingin menggunakan sistem *conventional*.

Jadi, oleh kerana kita mengujudkan dua sistem, ini memberi galakan kepada Sistem Perbankan Islam juga untuk *compete* bukan sahaja dengan perbankan Islam di luar negara, tetapi juga dengan sistem perbankan *conventional* dalam negara.

Jadi kita sudah mempunyai satu mekanisme, satu kaedah, satu pendekatan yang agak komprehensif untuk mengujudkan Malaysia, untuk mewujudkan negara kita sebagai satu pusat yang terpenting sekali dalam Sistem Perbankan Islam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan telah berakhir.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Satu soalan sahaja sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah berakhir. Jadi, sila setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Kedua Belas”. **[6 Mei 2008]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat bagi Muar, sambungkan perbahasan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

11.33 pg.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyambung perbahasan yang saya tinggalkan semalam jam 4.30 petang.

Saya ingin memulakan dengan memetik kata-kata Yang Berhormat bagi Kepong sebentar tadi, “Kalau kita tidak mempelajari sejarah, maka kita akan mengulangi kesilapannya”. Ini satu peringatan yang sangat baik. Semalam saya mulakan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, dengan menyatakan bahawa kekesalan saya terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor apabila mempersoalkan tentang Titah Ke Bawah Duli Tuanku yang sedang kita perbahaskan ini.

Saya lihat kelakuan ini diteruskan di luar, di dalam. Kita sebenarnya mempunyai satu tanggungjawab. Di dalam negara kita ada banyak undang-undang, kita boleh buat laporan polis kalau sesuatu perkara itu menyalahi sesuatu akta atau peraturan. Kita boleh buat satu perkara untuk dirujukkan kepada mahkamah umpamanya.

Kita sebenarnya di Dewan ini juga mempunyai satu tanggungjawab sama ada kita sebagai Ahli Parlimen boleh bersetuju dengan tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mempersoalkan, kebijaksanaan Ke Bawah Duli Tuanku untuk menyampaikan titah yang pada saya merupakan satu arahan. Arahan kepada kerajaannya untuk melaksanakan perkara-perkara yang disentuh, arahan kepada kita semua Ahli

Parlimen yang berada di sini di bawah Perlembagaan Negara, arahan yang merupakan satu perkara patut kita junjung. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dengan sinis mempersoalkan adakah itu Titah Diraja. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Muar, berapa lama ucapan Yang Berhormat ini?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya akur dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya akan mengehendkan ucapan Yang Berhormat kepada 30 minit lagi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Boleh lebih sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua? Sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebab saya terpaksa melihat... kita hanya ada beberapa hari lagi dan kita sudah kira tolak usul-usul dan sebagainya. Hanya boleh membahaskan 20 orang sahaja.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya, saya cuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi kalau macam itu, kita tidak dapat beri peluang kepada yang lain untuk berucap. Jadi kita kena bataskan masa.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya setuju, 30 minit. Saya akan cuba untuk menyampaikan perkara-perkara yang telah saya sediakan ini untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan, dan saya yakin rakan-rakan yang lain juga mempunyai perkara yang sama penting untuk dikemukakan. Saya setuju 30 minit.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat bagi Muar ada menyatakan tadi, saya ada menghina Yang di-Pertuan Agong. Apa yang saya soalkan adalah ini, siapa yang menyediakan Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong? Adakah kerajaan atau pihak lain? Itu bukan jadi satu penghinaan, tetapi satu soalan yang harus diberi satu jawapan oleh kerajaan. Adakah Yang Berhormat bagi Muar faham maksud saya apabila saya bangkitkan perkara itu baru-baru ini?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang pertama saya tidak sebut Yang Berhormat hina. Kalau di mahkamah Yang Berhormat mempersoalkan *judgment* yang ditulis oleh hakim, itu menghina. Di Dewan ini, saya tidak pakai menghina. Saya kata Yang Berhormat mempertikaikan, mempersoalkan. Saya boleh kata Yang Berhormat menderhaka kepada Raja kalau boleh kita terima dalam Dewan ini apabila mempersoalkan. Sebab itu pada saya 30 minit yang diberi kepada saya bukan untuk membahaskan soal Yang Berhormat. Saya hendak memberi cadangan kepada kerajaan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Cukuplah Yang Berhormat, saya hendak cakup ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36... [*Sambil merujuk buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat*]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia cakap *point of order* baru hendak rujuk, buang masa saya Yang Berhormat. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, untuk melihat perkara ini secara serius, kita Ahli Parlimen ada tugas dan tanggungjawab...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Parlimen tidak boleh menyuarakan apa yang jadi satu perkataan "*treason*", "derhaka". Tidak boleh digunakan dalam Dewan yang mulia ini. Ini ada dalam peruntukan "36 *shall not use treason words which amount to treason*".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Saya sudah dengar banyak Yang Berhormat dalam Dewan ini, jadi kita sudah mengetahui *it across political boundary*. Jadi saya tidak pandang perkara itu begitu serius sangat Yang Berhormat. Jadi kita *carry on*.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, sebab sudah disebut...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 39 Tuan Yang di-Pertua, 36(10)...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya. Saya pun ada, saya pun hendak sebut.

"36(10) Adalah salah pada peraturan yang menggunakan –

(a) perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;"

Saya tidak cakap derhaka kepada negeri, saya cakap Yang Berhormat derhaka kepada Agong, itu beza.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya baca apa yang terkandung dalam 36(10).

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya baru lepas baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya baca dalam bahasa Inggeris dengan izin.

"36(10) *It shall be out of order to use –*

(a) *treasonable words;*".

Terus terang, "*It shall be out of order to use - treasonable words.*" Apa yang dilemparkan kepada saya adalah "derhaka", iaitu "*treason*". Bolehkah minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, kita dalam Parlimen ini menggunakan naskhah sah Bahasa Malaysia. Saya hendak baca yang 10...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya belum buat keputusan. Dari semalam kita dengar perkataan ini keluar banyak. Jadi saya ingat mengatakan "menderhaka", biarlah keputusan itu dibuat oleh pihak sama ada kerajaan ataupun Raja, Sultan memikirkannya satu penderhakaan ataupun tidak. Jadi saya terbuka pasal soalan penderhakaan ini. Sama ada Yang Berhormat menderhaka ataupun tidak menderhaka, *I think* bukanlah saya yang buat keputusan ini Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua ahli dalam Dewan ini kita punya taat setia tidak boleh disoalkan. Jadi saya pohon tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini *floor* apa ini? Dari mana dia dapat *floor* ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon Tuan Yang di-Pertua, kita semua angkat sumpah telah menentukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...patuh kepada *constitutional*, taat setia. Ini saya pohonlah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...mana dia rampas *floor* ini?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, siapa bagi?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah, Tuan Yang di-Pertua, perlu buat satu keputusan...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon satu keputusan dibuat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, dari mana dia dapat *floor* itu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita tidak boleh mempersoalkan apabila kita membangkitkan soalan, jangan mempersoalkan taat setia kita kepada Raja dan negara ini.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah Yang Berhormat bagi Muar tarik balik, tidak baik macam itu.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sabar, sabar. Saya bertanggungjawab atas kenyataan saya Yang Berhormat bagi Batu Gajah. [*Tepuk*] Dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat yang semua ada dia tulis perkataan "derhaka kepada negeri". Saya tidak pernah derhaka kepada Raja saya kepada negeri saya. Saya cakap Yang Berhormat Bukit Gelugor derhaka.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itulah saya pohon tarik balik.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Pasal apa hendak tarik balik?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kerana menuduh sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon Yang Berhormat bagi Muar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Masa bila saya cakap saya derhaka kepada negeri?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...dia bertanggungjawab kepada Dewan ini. Apa salahnya bangkitkan soalan sahaja?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, dari mana dia dapat *order*?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Bila masa saya derhaka?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa salah bangkit soalan...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Bila masa saya derhaka Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...dan mengapa hendak bangkitkan... memainkan isu sedemikian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...menuduh ahli yang lain menderhaka, sekarang menanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah duduk dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak Yang Berhormat bagi Muar bertanggungjawab. Jangan membuat tuduhan sedemikian.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mempersoalkan taat setia mana-mana Ahli dalam Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]*

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat duduk, duduk. Semua Yang Berhormat duduk.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat satu keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri hendak jawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa menteri?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Minta penjelasan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dahulu.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kecuali Tuan Yang di-Pertua hendak *ruling?*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon keputusan daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Muar duduk dahulu. Yang Berhormat Muar duduk dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, pada orang Melayu...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mana Tasek Gelugor, Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bukit Gelugor. *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tadi Bukit Jelutong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dengar yang Bukit itu sudah jadi Tasek dah. *[Ketawa]* Yang Berhormat Bukit Gelugor, kepada orang Melayu penghormatan kepada Sultan itu adalah satu perkara yang amat penting pada mereka. *[Tepuk]* Jadi dalam keadaan sedemikian, siapa sahaja menyentuh kedudukan Sultan dianggap tidak taat dan menderhaka kepada Sultan. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan Mesyuarat 36(10) menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...tidak boleh gunakan perkataan begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum habis Yang Berhormat. Saya belum habis! Kita gunakan peraturan. Kalau saya bercakap minta tolong, kalau tidak faham atau tidak mahu dengar pun, dengar dahulu. Ya! Jadi dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh menghalang orang Melayu bercakap persoalan Raja-raja Melayu. *[Tepuk]* Itu pokok Yang Berhormat. Bukan saya sebut Yang Berhormat ini! Bukan saya sebut kepada Yang Berhormat. Apa yang saya sebut ialah sentimen, perasaan dan pendirian orang Melayu. Jadi kalau apa-apa benda yang disebutkan oleh sesiapa sahaja...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...tunggu Yang Berhormat, tunggu! Disebut oleh mana-mana orang yang menyentuh sultan-sultan, Raja-raja Melayu, orang Melayu bercakap kita patutnya jangan cepat menggelabah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, kami orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi di sini, tunggu dulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, kami orang Malaysia, bukan orang Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Orang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham. Saya faham Yang Berhormat orang Malaysia. Kita semua orang Malaysia, tetapi ini soalan sentimen orang Melayu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sentimen orang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi kalau apa Yang Berhormat sebut, itu di...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sentimen orang Melayu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia mesti menghormati Raja-raja Melayu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan bangkitkan sahaja orang Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bukan orang Melayu sahaja. Semua orang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita semua hormat Sultan dan Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat semua macam ini, macam mana...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Orang Malaysia.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab itu isu ini dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Macam mana hendak buat *ruling*? Macam mana hendak buat *ruling*? Di minta buat *ruling*, saya akan buat *ruling*. Jadi bagilah peluang kepada saya buat *ruling*. Duduk Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu. Duduk jangan bercakap dulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, satu *ruling* yang *restive*, tidak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya buat *ruling*. Saya buat *ruling* jadi Yang Berhormat daripada Muar. Adakah tuduhan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengatakan Yang Berhormat Bukit Gelugor menderhaka?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bertanggungjawab ke atas kenyataan saya. Buka *Hansard*. Saya kata, kalau di mahkamah kita mempertikaikan keputusan hakim, kita menghina mahkamah, tetapi di Dewan ini kalau kita mempertikaikan Agong, saya boleh panggil Yang Berhormat menderhaka. Saya belum tuduh. Saya boleh panggil. Nak tarik apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, duduk Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya cakap Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, duduk Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tengok balik apa yang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Muar ialah "kalau". "Kalau", cakap perkataan ini Yang Berhormat. Kita ini peguam. "Kalau", apa yang dicakapkan ini menjejaskan atau mengenakan

Raja-raja Melayu, itu menderhaka. Itu kata dia. Jadi Yang Berhormat jangan buat tuduhan Yang Berhormat Muar ya. Terima kasih. Jadi saya tidak ada tarik balik Yang Berhormat. Tidak ada tarik balik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak buat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak minta laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak minta laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduklah dahulu. *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya, *point of order*. Keputusan-keputusan Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Point of order* mana? *Point of order* mana?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Nombor berapa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 43. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua ada membuat kenyataan bahawa ia adalah sentimen di kalangan orang Melayu. Ia adalah satu penghormatan kepada orang Melayu untuk membangkitkan isu Raja dan Sultan. Bagi mereka adalah satu penghormatan yang penting. Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan saya pohon, Tuan Yang di-Pertua tarik balik.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Kurang ajar!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab bagi kita semua menghormati Raja...

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...dan Sultan. Tuan Yang di-Pertua demi kenyataan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta penjelasan. Macam mana dengan perasaan kaum Cina dan India?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua tadi. Jangan, seolah-olah menyatakan bahawa kami tidak menghormati Raja dan Sultan. Kami juga memandang berat. Kita menyanyi lagu Negaraku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat. Saya faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pun menghormati Rukun Negara.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi Tuan Yang di-Pertua tadi memberi penekanan bahawa ini sentimen orang Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi orang Melayu sahaja, itu tidak betul Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk dulu. Duduk dulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon, kenyataan tadi sekurang-kurangnya diperbetulkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan. Di bawah Peraturan Mesyuarat 43, keputusan saya muktamad. Saya sudah beritahu dengan Yang Berhormat Muar tadi. *[Tepuk]* Jadi tolong! Tolong jangan mencabar keputusan yang telah saya buat! Keputusan Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 43 adalah muktamad! Kalau tidak puas hati dengan keputusan saya, buat usul Peraturan Mesyuarat 43. Ini keputusan saya! Saya sudah minta Yang Berhormat dari Muar jangan buat tuduhan. Dia kata dia tidak ada buat pertuduhan. Dia kata penyentuhan kepada Raja itu sahaja. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Muar, ia mengenai taksiran. Tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor, Batu Gajah cakap Malaysia. Yang Berhormat Muar setuju ataupun tidak dengan saya, bahawa tidak semua orang Malaysia faham dengan bahasa Melayu. Sebagai contoh, istilah. Istilahnya ialah derhaka dan juga pengkhianat. *Treason* kalau hendak ikut dalam bahasa Melayunya kita kata pengkhianat dan kita mesti tahu bila masa kita guna perkataan pengkhianat dengan derhaka.

Derhaka ini hanya istilah yang hanya boleh diberikan kepada Sultan, di mana, mana-mana rakyat yang mengingkari perintah Sultan itu dipanggil derhaka. Itu kena faham! Jadi kadang-kadang, orang Malaysia, macam Yang Berhormat sebenarnya tidak faham bahasa Melayu, tetapi hendak cakap soal istiadat bahasa Melayu! Ini yang menyebabkan orang Melayu marah! Faham tak? Tak faham, jangan cakap! *You treason*, pengkhianat. Kalau dia kata Yang Berhormat pengkhianat, betul. Saya pun tidak bersetuju. Tak ada siapa pun boleh jadi pengkhianat kerana kita sudah angkat sumpah, tetapi derhaka ini istilah.

Jadi Yang Berhormat jangan salah taksir. Jadi penjelasan saya Yang Berhormat daripada Muar, apakah maksudnya Yang Berhormat? Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, beza di antara derhaka dengan istilah pengkhianat ataupun *treason* yang disebutkan tadi? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah memberi satu perspektif yang cukup jelas. Kita bukan hendak membeza-bezakan. Kita rakyat Malaysia mengaku sebagai rakyat. Taat setia kita bawah Rukun Negara, tetapi kadang-kadang penggunaan yang dimaksudkan itu menyentuh hati saya. Ini yang saya hendak katakan! Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sebelum masa saya habis, saya hendak cadangkan, perkara yang dibangkitkan tempoh hari adalah salah dari segi peraturan kerana Peraturan Mesyuarat 36(8), apabila kita hendak membangkitkan kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda, kita kena buat usul.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat Muar, boleh mencelah?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kita kena bawa usul. Sekejap, saya hendak menjelaskan. Kena bawa usul di Dewan ini dan perlakuan tingkah laku itu termasuklah titah dia. Jadi sebenarnya tidak boleh langsung dipersoalkan. Bukan pasal

apa dia kata, siapa buat dan sebagainya. Apabila kita hendak bercerita tentang Tuan Yang di-Pertua, dia perlu bawa usul.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Bukit Gelugor tak bawa usul. Sebab itu pada saya, itu sudah salah!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya rasa perkara ini perlu diperbahaskan bukan dalam tempoh saya berbahas Usul Titah Diraja. Saya harap pihak kerajaan, kerana saya sudah terlepas Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) ketika perlakuan itu berlaku untuk membawa usul serta-merta. Akan tetapi kerajaan, saya cadangkan bawa satu usul ke Dewan ini untuk kita Ahli Parlimen, membahaskan tindakan Yang Berhormat Bukit Gelugor dan kita buat keputusan. *[Tepuk]* Dan kalau perlu, kita rujuk Yang Berhormat Bukit Gelugor kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 80. Sila Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Muar. Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara. Bukan sahaja untuk orang Melayu, mungkin Tuan Yang di-Pertua menjelaskan dari segi pandangan orang Melayu, tetapi sebenarnya Yang di-Pertuan Agong ini adalah untuk Ketua Utama Negara termasuk Melayu, Cina dan seluruh sekali masyarakat di negara kita ini.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Muar, kalau ikut Perlembagaan Malaysia ini *[Sambil menunjukkan Buku Perlembagaan Persekutuan]* Tuan Yang di-Pertua, 32(3) adalah Agong ataupun Ketua Utama Negara dipilih oleh Raja-raja. Kalaulah Yang Berhormat Bukit Gelugor mempersoalkan Agong, bererti dia juga mempersoalkan Raja-raja di negara kita ini. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Muar? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali Yang Berhormat Muar?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *My floor please.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order. Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order* ke berapa ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(8). Ini ada disalah guna oleh Ahli Yang Berhormat bagi Muar. Saya tidak mempersoalkan kelakuan Yang di-Pertuan Agong. Jika saya ada pada hari itu bukan sekarang, jika ada bantahan selepas saya menyuarakan itu, itu boleh diterima tetapi itu sudah seminggu, saya ingat selepas...mana boleh...

■1150

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kan saya sudah jelaskan tadi, saya pun mengaku saya terlepas 26(1)(p), saya kata kerajaan boleh bawa, bawa perkara 15, urusan kerajaan boleh didahulukan. Ini masalah Yang Berhormat bukan cakap di Dewan ini, di luar pun Yang Berhormat cakap. Yang Berhormat ada kata. Sebab itu saya tak nak bahas perkara ini. Buka satu usul oleh kerajaan kita bahas. Jangan guna *floor* saya untuk bawa usul Titah Diraja. Buang masa saya. Yang Berhormat kata Agong tidak ada kuasa untuk lantik. Dalam Perlembagaan 34, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan

fungsinya. Betul Yang Berhormat, tetapi sebagai Raja negerinya kecuali fungsi kepada Ketua Agama Islam. Melantik Pengarah Agama Islam adalah kuasa dia. Memang bukan dia lantik. Kerajaan yang lantik. Tapi mintalah kebenaran dia. Pergi la junjung.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa junjung. Perkara itu tidak berbangkit, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Orang ini buang masa. Tak payah layan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu, Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Muar, bagi saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dia. Bagi dia buat peraturan dulu.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Point of order. Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Point of order.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya dapat keputusan Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua *point of order*. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* 36(8).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu Yang Berhormat. Ini *point of order*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order* saya belum diputuskan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dengarlah saya. Apa yang saya cakap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya la. Tetapi orang lain ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta menteri duduk. Saya nak jawab soalan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehlah dia duduk sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Point of order* yang dibuat oleh Bukit Gelugor 36(8) mengatakan usul sepatutnya ataupun bantahan dibuat pada hari perbincangan. Apa yang dikata oleh Muar ialah usul boleh dibuat selepas itu. Jadi, Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak ada apa-apalah. *Ruling* saya ataupun keputusan saya ialah apa yang dikata oleh Muar, usul masih boleh dibuat oleh pihak kerajaan walaupun tidak menegur kepada Bukit Gelugor pada hari yang berlakunya kerana kalau kita nak menegur masa Yang di-Pertuan Agong ada di sini adalah juga tidak baik peradabannya di hadapan orang Melayu. Terima kasih Yang Berhormat. Sila *point of order* dari Kota Marudu.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, ini 43, berkaitan dengan peranan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua untuk menjaga perjalanan mesyuarat. Saya hanya

ingin sedikit masa kerana hal ini telah berterusan begitu lama. Saya ada dalam Dewan pada masa pertama perkara itu dibangkitkan. Saya hanya mahu mengatakan bahawa perkara ini tidak harus timbul di mana Bukit Gelugor membangkitkan perkara siapa yang sediakan ucapan. Kerajaan ataupun raja. Itu tidak harus timbul. Beliau adalah Ahli Yang Berhormat yang sudah lima, enam penggal di tempat ini. Jadi biasa dalam pentadbiran dan dalam perlembagaan, memanglah kerajaan yang memerintah membuat draf pertama. Selepas itu ditapis oleh pentadbiran raja. Ini amalan biasa walaupun di peringkat negeri di Sabah atau di Kelantan. Memang begitu.

Jadi, selepas itu ditapis dan digunakan sebagai titah. Tidak boleh dipersoalkan. Itu adalah Titah Diraja. Tanggungjawab kita untuk membahaskannya. Jadi soal siapa sediakan ini adalah remeh-temeh dan tidak harus timbul Tuan Yang di-Pertua. Jadi, anggallah perkara ini ditutup dan jalankan tugas seperti mana Dewan yang mulia kehendaki. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kota Marudu. Sebenarnya, kalau saya sebagai Speaker menggunakan semua kuasa di bawah peraturan ini dan apa *convention* yang telah kita pakai dan *convention* yang diguna pakai di bawah Parlimen England yang kita turunkan, yang kita pakai juga sebagai *convention* kita, mungkin banyak Ahli-ahli Parlimen keluar daripada Dewan ini tapi kita belum sampai ke peringkat untuk menggunakan kuasa kita di bawah peraturan ini kerana kita masih ingin memberi peluang dan ruang kepada Ahli Parlimen menggunakan Dewan ini bercakap perkara-perkara yang betul-betul konstruktif, perkara yang betul-betul mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Jadi, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Peraturan Mesyuarat 36(8).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada peraturan lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Peraturan mesyuarat. Saya masih nak dapatkan pengesahan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Bukit Gelugor, dia seorang *lawyer*. Tapi dia tidak faham tafsir mengenai peraturan. Dia tadi mempersoalkan mengenai yang kita soal ialah perlakuan, titah daripada Yang di-Pertuan Agong. Apabila kata Yang Berhormat titah, itu adalah *conduct* dia. *Conduct* ini kalau kita tengok 36(8), dia *conduct or character of the Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong*". *You cannot* persoal. Jadi dia cuba nak tafsir peraturan ini untuk kepentingan dia.

Jadi saya rasa, saya nak dapatkan penjelasan Yang Berhormat, adakah ucapan yang disampaikan, titah yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong itu tidak boleh dipersoalkan kerana bawah 36(8), kerana persoalkan titah baginda, mesti bawa satu usul seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi. Dapat *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya 36(8) jelas apa yang boleh, apa yang tidak boleh dibuat. Tindakannya ialah satu, pada hari yang tertentu, kita buat bantahan berlandaskan *objection* kita.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, 36(8) adalah apabila kita hendak menyentuh *conduct* yang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk dulu Yang Berhormat, saya bercakap.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Itu 26, tidak betul.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua belum buat keputusan...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: 36, mengenai perkara yang hendak disentuh tentang perlakuan Yang di-Pertuan Agong perlu dikemukakan melalui usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Jadi, jelas apabila telah berlalu perkara itu...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh di usulkan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh diusulkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Di bawah peraturan ke Dewan ini oleh pihak kerajaan. Jadi Yang Berhormat, kalau siapa yang rasa perkara ini perlu diusulkan, saya cadangkan supaya dibuka kepada Dewan. Jadi apa yang diminta oleh Bukit Gelugor, saya dah beritahu tadi. Keputusan saya dah buat dah. Tidak ada tarik balik. Sebab apa yang kata oleh Muar ialah dia bukan menuduh. Apa yang Muar kata ialah siapa yang terasa dialah yang kena pedas. Itu sahaja. Jadi, sila Yang Berhormat Muar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baiklah, sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baiklah, silakanlah. Jangan buang masa.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya, betul, betul. Jangan buang masa. Saya dah mencadangkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya tadi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Oh, yakah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat diperingatkan hanya setengah jam lagi. Sudah banyak buang masa tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Muar, perilaku Ahli Parlimen Bukit Gelugor bukannya dalam Dewan ini di luar Dewan juga mempertikaikan kesultanan Melayu di Perak dan ini berulang kali. Jadi, apakah Yang Berhormat sekali lagi meminta kerajaan supaya membuat usul dalam Dewan ini untuk membahaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Bukit Gelugor dan kita bahas dan kalau perlu kita buat keputusan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Kinabatangan. Saya mengulangi sebelum saya beralih ke tajuk lain. Kita ada tugas. Kita ada undang-undang di luar, kita ada peraturan di dalam Dewan. Kalau rakyat di luar ada rasa keresahan, kita di dalam Dewan ada perasaan. Terserahlah kepada kerajaan untuk membawa usul. Kita perbahaskan, kita boleh buat keputusan sebab kita ada kuasa di bawah peraturan mesyuarat untuk mengambil tindakan betul atau tidak. Saya tidak kata dia salah, saya tidak kata dia betul. Bawa usul, kita bahas. Yang Berhormat Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Muar. Kita semua pada saya warganegara Malaysia. Rakyat Malaysia. Malaysia ini ada undang-undang dan peraturan. Rakyat Malaysia, warganegara Malaysia, kita ada pelbagai kaum. Jadi kita perlu menghormati di antara satu sama lain. Jadi itu menyebabkan kadang-kadang perkataan-perkataan kita menyebabkan kita menyinggung perasaan antara sesama kaum.

Dalam soal taat setia pula, kadang-kadang taat setia kita melahirkan taat setia tak cukup dengan nyanyi lagu Negaraku, tak cukup dengan angkat sumpah taat setia, [*Tepuk*] dan hari-hari nyanyi pun kalau kita tidak ada rasa taat setia pun tidak ada makna tapi kadang-kadang taat setia ditunjukkan melalui perbuatan, melalui perkataan, melalui tutur kata, melalui apa sahaja gerak geri kita buat. Itulah kadang-kadang ada rakan-rakan kita, ada kawan-kawan kita di sebelah sana bercakap, berkobar-kobar dan sebagainya hingga menyebabkan orang memandang bahawa mereka telah tidak menunjukkan, mungkin ada derhaka dan taat setia.

Jadi yang ini kita kena pastikan, kita kena pastikan dan kita harap jangan sampai orang melihat kita atau merasakan kita menjadi derhaka dan tidak taat setia. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

■1200

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya akan sambung ucapan saya dan saya setuju saya sudah sebut tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Muar sila berpindah kepada perkara lain.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya dah sebut tadi kalau ada usul saya akan sambung hujah saya, tapi kalau tidak saya hendak beralih. Sebab itu saya memetik perkataan yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong kita kena belajar dari sejarah dan dengan sejarah itu kita tidak akan melakukan kesilapan. Saya tidak pernah mempersoalkan taat setia siapa juga rakyat Malaysia. Kita sebagai rakyat dan kita patut bangga kepada sejarah negara kita yang panjang. Sebab itu pada saya selepas pilihan raya tidak ada lagi menang dan kalah dalam kita membuat kerja.

Dalam pilihan raya ada yang menang ada yang kalah. Yang menang ada dalam Dewan ini. Dalam kita buat kerja tidak ada menang dan kalah dan tidak ada orang boleh mengaku dialah *champion* kepada masyarakat, *champion* kepada rakyat dengan izin sebab kita kena buat apa yang baik untuk rakyat. Selepas pilihan raya yang ada betul atau salah. Sebab itu saya nak mengemukakan beberapa perkara sebab saya lihat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Muar saya nak memperingatkan masa Yang Berhormat. Gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya sambung sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi Batu Pahat minta tolong lagi. Duduk dulu Yang Berhormat. Dua jam setengah Yang Berhormat dah bercakap saya ingat dah cukup la.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab itu apa juga perkara yang kita nak buat bukan untuk memenangkan satu pihak, bukan nak menunjukkan satu pihak itu kalah. Selepas pilihan raya kita kena buat apa yang baik untuk rakyat. Saya nak mencadangkan kalau kita lihat pada tahun 2007 dari segi kesihatan rakyat, kerajaan telah membelanjakan hampir RM12 bilion. RM12 bilion digunakan untuk menyelia kesihatan rakyat. Dari jumlah tersebut kalau kita tengok jumlah kutipan mana-mana pesakit luar yang pergi ke hospital kerajaan dia kena bayar RM1 dan kalau pergi jumpa pakar RM5. Kita lihat kutipan hasil Kementerian Kesihatan hanya berjumlah lebih kurang dua peratus.

Maknanya kerajaan membelanjakan daripada RM12.5 bilion ini sejumlah 98% subsidi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Jadi yang ini kita boleh tengok balik pada saya dari segi kos *benefit*, kos efektif. Dua peratus kutipan pendaftaran ini kalau boleh kerajaan pertimbangkan kita hapuskan sahaja sebab kos untuk menyelia pendaftaran pesakit ini sebenarnya:

- (i) mengambil masa yang panjang; dan
- (ii) mengambil petugas yang ramai.

Mungkin kalau kita batalkan...

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat Muar dah nak habis dah.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Mungkin kalau kita batalkan sahaja kutipan hasil dua peratus saya rasa kerajaan tak rugi mana tetapi boleh ditampung dari segi

kecepatan pesakit jumpa dan tak perlu ada pegawai untuk tengok borang yang mengutip RM1 untuk pesakit luar. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita dengar selepas pilihan raya orang muda tidak lagi bersama kerajaan. Ini persepsi yang ditimbulkan. Pada saya tidaklah begitu betul sebab saluran tiga, empat saya pun menang lagi. Mungkin ada pengurangan, yang pengurangan ini perlu kita lihat bagaimana kita dapat mengiktiraf kerana sering kali golongan muda ini hanya dikaitkan dengan gejala sosial, mat rempit, permasalahan pengangguran. Kita kata kita ada dua juta pekerja asing takkan lah negara kita tidak dapat menyediakan pekerjaan. Jadi banyak sangat masalah yang ditimbulkan.

Dalam sektor kesihatan, saya nak mencadangkan kalau pengiktirafan boleh diberi kepada wanita Malaysia untuk menjalankan *mamogram* RM50 bagi yang pergi ke hospital kerajaan, apa salah untuk kita memikirkan satu kaedah di mana setiap modal insan orang muda kita diberikan perkhidmatan kesihatan pemeriksaan percuma. Mungkin mereka yang berumur 16 tahun. Kita tak perlu buat kempen kesihatan cergas, kempen kurang makan gula garam sebab orang muda ini dia rasa dia sihat. Yang banyak masalah darah tinggi, kencing manis ni orang tua. Ini orang muda cakap. Jadi pada dia, dia sihat. Kempen ini tidak berkesan kepada orang muda. Dia tetap makan dengan garam yang banyak, gula yang banyak sebab dia kata: "Kau dah tua, dah dapat macam-macam. Tiba-tiba kau nak kempen kita jangan makan. Mana boleh", tetapi ada cara untuk kita melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: ...untuk kita bertanggungjawab kepada orang muda kita buat pemeriksaan kesihatan tentang darahnya, gulanya, kolesterolnya dan buat x-ray. Mungkin dengan cara itu kita dapat mengelakkan kematian serta-merta di PLKN. Kalau dia balik dengan hasil kesihatan rupanya dia ada *diabetic*, kolesterol yang tinggi, darah tinggi, kencing manis. Maka dia buat lah pemeriksaan. Mungkin dalam darahnya, dalam air kencingnya ada dadah.

Maka modal insan kita tidak lagi cuba berjolak-jolak dengan dadah sehingga usia 16 tahun. Kita ada lebih kurang 400,000 pelajar tingkatan empat dan lima. Mungkin jumlahnya kita belanja lebih kurang RM50 juta sahaja. Tak nak kita belanja lebih kurang RM30 juta. Jadi perkara ini saya harap dapat dipertimbangkan sebagai rasa pengiktirafan kita bahawa kita *concern*, kita risaukan kesihatan modal insan yang kita katakan sebagai pemimpin masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berterima kasih walaupun banyak masa saya telah diperbahaskan tentang tindak-tanduk yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan saya sebenarnya berasa sungguh seronok dengan Parlimen kali ini. Saya berharap semoga apa yang kita lakukan ini mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah S.W.T. Saya yakin jika kita jujur, ikhlas, beramanah, insya-Allah kerahmatan dan keredaan dari Allah S.W.T akan menjadi milik kita juga. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat Bachok dulu.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum waahmatulahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya rakamkan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan ucapan balas dalam Dewan Parlimen yang mulia ini merangkap menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian pembukaan persidangan Parlimen kali ini.

Sebagai wakil rakyat yang mewakili kawasan Parlimen Bachok, Kelantan dan juga sebagai salah seorang daripada barisan kepimpinan Parti Islam se-Malaysia (PAS), saya melafazkan syukur ke hadrat Allah S.W.T serta sembah menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas kesudian Baginda mencemar duli

menyampaikan titah ucapan yang amat jelas memperlihatkan keprihatinan Baginda melihat pembangunan negara dan kemajuan rakyat. Ke Bawah Duli Tuanku juga berkenan melihat bagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan dapat memainkan peranan ke arah membina sebuah negara Malaysia yang mapan, maju dan setaraf dengan negara maju yang lain setelah 50 tahun kita mencapai kemerdekaan.

Maka di atas nada keprihatinan yang sedemikianlah kita sebagai wakil rakyat yang sudah seminggu bersidang ini akan membentangkan di dalam Dewan ini dalam tempoh tahun-tahun yang akan mendatang ini pemerhatian kita terhadap pelbagai isu sosial, ekonomi, politik, kebudayaan yang akan melibatkan seluruh warga Malaysia tanpa mengira kaum, agama kerana kita semua digelar dengan gelaran Wakil Rakyat yang tidak mewakili mana-mana kaum tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, amat wajar bagi PAS bersama-sama dengan Pakatan Rakyat untuk merakamkan dalam Dewan ini ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan sebesar-besarnya tahniah kepada pengundi-pengundi yang telah memberikan undi dan mandat kepada parti-parti pembangkang sehingga keputusan pilihan raya umum ke-12 yang lalu telah mencatat sejarah melepasi keputusan paling teruk buat Perikatan dan Barisan Nasional dalam kedua-dua pilihan raya 1999 dan 1969. Seperti 1969, kali ini juga Barisan Nasional telah kehilangan majoriti 2/3 nya di Parlimen dan seperti 1969 yang menyaksikan undi popularnya merosot ke paras 46.29%...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang berdiri Yang Berhormat tapi sebelum Yang Berhormat beri peluang saya memperingatkan hanya setengah jam Yang Berhormat ya.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih. Siapa yang berdiri? Sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bachok. Jadi saya nak mohon penjelasan di sini. Adakah Pakatan Rakyat ini sebuah parti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sebab saya tak pernah dengar pun ada Pakatan Rakyat ni. Saya nak pastikan sama ada Yang Berhormat mewakili parti PAS atau parti yang lain-lain. Mohon penjelasan.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih pada Yang Berhormat Lipis. Walaupun tidak berdaftar menghadapi pilihan raya tetapi kami dapat mengisi hampir separuh daripada Dewan yang mulia ini Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional juga gagal mencapai undi popular 50% dan secara tepatnya hanya mampu menyelamatkan 48.71% undi popularnya termasuk undi rosak di Semenanjung Malaysia.

■1210

Kalau pada tahun 1969 menyaksikan Perikatan kehilangan dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Kelantan, kini Barisan Nasional kehilangan lima buah negeri. Sesungguhnya rakyat kota juga menolak Barisan Nasional dengan hanya meninggalkan kerusi tunggal untuk Menteri Wilayah Persekutuan supaya tidak diangkat seorang Senator yang bukan pilihan rakyat, sementara menyapu bersih 10 kerusi yang lain. Tentunya lebih mengaibkan kalau Negeri Sembilan juga turut jatuh ke tangan pembangkang kerana Pakatan Rakyat hanya dipisahkan oleh empat kerusi lagi daripada pusat pentadbiran negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengimbau kembali detik-detik yang masih terngiang-ngiang di deria telinga umum sehingga lafaz pembangkang sifar amat menjadi kegemaran beberapa pemimpin tertinggi UMNO dan menteri besarnya dan lagak tidak perlukan pembangkang di Parlimen ini tentunya kini menghantui kepimpinan negara ini. Kini segala keangkuhan dan kesombongan pimpinan tertinggi negara telah dirawat secara *surgical*, dengan izin, dan dilunaskan secara tunai oleh rakyat sendiri dalam Pilihan Raya Umum Kedua belas yang baru-baru ini.

Rakyat yang ditanggapi mereka boleh sahaja diperkuda dan digula-gula untuk kesekian kalinya dan sekian lamanya dengan pelbagai imbuhan dan projek-projek 'mi segera' sudah tidak lagi mampu diperlakukan dan dibelenggu terus-terusan. Gegeran awal

di kota Kuala Lumpur tahun lalu ditanggapi hanya sebagai cetusan segelintir kelompok manusia pembangkang yang berdemonstrasi kerana kecewa tidak mendapat sokongan rakyat. Tarikh keramat 26 September 2007 menyaksikan 2000 peguam berarak di Putrajaya atas nama "Walk For Justice" dengan izin, yang diikuti oleh 100,000 perhimpunan "Aman Bersih" dan akhirnya pada 25 November, perhimpunan Hindraf. Keseluruhannya diimbau kembali kini sebagai gejala atau simptom utama kereputan Kerajaan Barisan Nasional.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Silakan Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Yang Berhormat Bachok dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang kekalahan di lima buah negeri, baru minggu lepas saya balik ke tempat saya dan saya dapati diskriminasi politik ini masih lagi berterusan walaupun disebut oleh Yang Berhormat Muar tadi kita perlu belajar daripada sejarah. Saya rasa kalaulah diskriminasi ini, misalnya rumah orang PAS tidak dibuat ataupun dimasukkan kemudahan asas tetapi di rumah orang UMNO sampai ke tangga dimasukkan jalan-jalan tar oleh Kementerian Luar Bandar.

Saya rasa mungkin dalam pilihan raya umum yang ketiga belas lebih banyak lagi negeri-negeri yang mungkin akan jatuh ke tangan Pakatan Rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Pendang. Sudah tentulah kalau *performance* ataupun sikap angkuh dan bongkak yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berterusan lagi selepas daripada Pilihan Raya Kedua Belas kali ini, maka tidak pelik pilihan raya ketiga belas nanti bukan sahaja lima, insya-Allah akan beralih kerusi yang kita duduk sekarang di sini ke sebelah sana, insya-Allah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pontian berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya pada mulanya menghormati bila Yang Berhormat Bachok memulakan ucapan, begitu menarik sekali, profesional dan *intelligent*, tetapi kemudian tidak sempat berapa minit pun selepas itu sudah menunjukkan sikap buruk. Apa yang saya katakan buruk? Menunjukkan keangkuhan. Baru menang beberapa hari sudah menunjukkan keangkuhan! Macam mana ini? Ini bukan sifat Islam. Muslim tidak bercakap macam ini, dia merendah diri di atas kemenangan, kejayaan, dan kegagalan. Ujian Allah Subhanahuwataala hari ini kita menang, esok belum tentu kita menang lagi. Dulu pun di Kelantan PAS tinggal satu kerusi! Pilihan raya ketiga belas belum tahu lagi berapa pula hendak tinggalnya.

Jadi, jangan kita angkuh dan jangan takbur. Sikap tawaduk itu - saya tengok Yang Berhormat ini orang terpelajar. *Maintain, maintain, please. [Ketawa]*

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Persoalan saya, adakah profesional itu diukur hanya apabila menyokong kerajaan? Adakah profesional itu apabila kita tidak menyebut benda yang benar? Apa yang saya sebutkan di sini adalah fakta. Apa yang saya sebutkan adalah sejarah singkat yang telah berlaku dalam Pilihan Raya Umum Kedua Belas.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada tiga yang berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa yang Yang Berhormat bagi?

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bachok, adakah Yang Berhormat Pasir Salak bercakap daripada pengalaman dia sendiri setelah begitu lama memegang kerajaan dengan mempunyai dua pertiga majoriti. Apakah pandangan Yang Berhormat Bachok ucapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu menggambarkan satu pengajaran yang telah dipelajari dengan begitu pahitnya bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional?

Kedua, berhubung dengan perhimpunan-perhimpunan aman yang telah disebutkan tadi ada hubung kait juga dengan persoalan hak asasi manusia dan sifat serta semangat demokrasi yang dipertahankan oleh kerajaan. Apakah perhimpunan-perhimpunan yang sebesar ini dapat dilakukan dengan secara aman dan terkawal dan apakah yang perlu dilakukan untuk menjamin bahawa ia akan berlaku dengan baik dan secara aman. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya menghadiri satu forum yang dianjurkan oleh Alumni LSE - *London School of Economy*. Saya dijemput sebagai panel bersama dengan wakil di sini dan juga seorang pemimpin daripada Barisan Nasional, UMNO. Menarik untuk saya ungkap apa yang disebut oleh pemimpin Barisan Nasional ataupun UMNO secara spesifiknya di dalam forum itu, beliau menyebut bahawa keputusan dalam Pilihan Raya Umum Kedua Belas yang lepas ada empat sebab kenapa *performance* Barisan Nasional secara spesifiknya UMNO begitu keadaannya. Pertama, ungkap beliau adalah kerana UMNO tidak mendapat sokongan daripada masyarakat Cina. Kedua kerana tidak mendapat sokongan daripada masyarakat India dan sebab ketiga adalah kerana *cyber war* yang berlaku sebelum daripada pilihan raya.

Namun saya tertarik menjawab apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi disebut sendiri oleh pemimpin kanan UMNO ini sebab kekalahan Barisan Nasional terutamanya UMNO pada Pilihan Raya Umum Kedua Belas baru-baru ini adalah kerana angkuh dan sombongnya sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional. [Tepuk]

Jadi, apa yang saya sebutkan tadi sejarah, fakta dan kemudiannya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon laluan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua orang lagi bangun di belakang, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Sebentar, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pontian. Saya habiskan sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Pontian dulu.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Apa yang saya sebutkan tadi apabila rakyat melihat keangkuhan dan kesombongan yang berlaku kepada barisan kepimpinan parti di sebelah sana mengakibatkan rakyat pergi ke medan dalam perhimpunan-

perhimpunan seperti mana yang telah saya sebutkan. Perhimpunan-perhimpunan besar yang kita adakan ini, Tuan Yang di-Pertua dan juga untuk makluman Dewan tidak berakhir dengan keganasan, tidak berakhir dengan tindakan-tindakan kasar melainkan kalau sekiranya berlaku provokasi daripada pihak-pihak tertentu.

Kemarahan rakyat ini bukan sahaja datang daripada rakyat biasa, saya menerima beberapa cadangan dan permasalahan yang dibawa kepada kita untuk dibawa kepada pengetahuan Dewan. Kemarahan yang datang daripada rakyat ini termasuk daripada golongan profesional. Contohnya satu maklumat yang sampai kepada saya daripada Majlis Permuafakatan Kesatuan dan Persatuan Guru Malaysia yang telah beberapa kali melahirkan rasa marah dan tidak puas hati berikutan dengan tindakan Menteri Pelajaran, JPA dan setiausaha kementerian membawa masuk PTD. Saya bukan anti PTD, tetapi isu yang dibangkitkan oleh puluhan ribu guru-guru di sekolah ini yang kita minta supaya kerajaan memberikan respons dalam jawapannya nanti. Sebagaimana yang kita sedia...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Silakan Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Bachok. Yang Berhormat begitu bangga dengan wujudnya PR ataupun Pakatan Rakyat yang diwujudkan selepas sahaja pilihan raya. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Bachok, adakah PAS mampu sebagai contohnya menasihati rakan-rakan di dalam Pakatan Rakyat terutama DAP yang sering membangkitkan soal-soal mengenai dengan kontrak sosial.

■1220

Kontrak sosial adalah penting kerana ia telah mentakrif bentuk negara kita ini yang berasaskan kepada *Malay polity* dengan izin, menjadi sebuah negara yang berbilang kaum tetapi masih meletakkan Raja Berperlembagaan dalam sistem demokrasinya dan sosial kontrak ini walaupun tidak disebut di dalam Perlembagaan, tetapi dia *real* kerana dia melibatkan soal mampu membantu kita membentuk Perlembagaan dan mampu membentuk masyarakat berbilang kaum, sistem pemerintahan dan sebagainya.

Apabila telah berlaku soal-soal seperti yang kita bahaskan pagi tadi, apakah Yang Berhormat fikir kontrak sosial ini perlu dipertahankan, perlu difahami oleh rakan-rakan di dalam Pakatan Rakyat supaya tidak timbul masalah-masalah yang kita hadapi seperti pagi tadi, untuk kita mewujudkan sebuah negara yang berbilang kaum. Soal menang dan sebagainya yang Yang Berhormat sebut tidak mengapalah. Kita pun menerima apa yang berlaku tetapi kita yakin seperti mana yang berlaku tahun 1969, kita akan dapat pulih dan kembali berkuasa dengan dua pertiga majoriti, tetapi tolong beritahu rakan-rakan di dalam Pakatan Rakyat, jangan mempersoalkan tentang sosial kontrak yang telah mentakrif bentuk negara kita ini.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Kalau difikirkan dari segi umur Pakatan Rakyat itu baru dua bulan selepas daripada pilihan raya seperti mana yang kita sedia maklum, tetapi dalam tempoh dua bulan inilah, walaupun berbeza ideologi, berbeza dari segi pendekatan, kita telah berjaya mewujudkan keseragaman, kesepakatan dalam menyelesaikan banyak hal yang berkaitan dengan rakyat.

Contohnya, di negeri Perak walaupun tiga parti menang seperti mana disebutkan tadi, berbeza ideologi, berbeza pandangan dan pendapat, tetapi negeri kami lebih jauh, lebih dahulu membentuk kerajaan daripada Terengganu dan beberapa negeri yang lain. Ini

hasil berlaku daripada persepakatan yang timbul daripada kesedaran untuk membela hak-hak rakyat dan dalam hal yang berkaitan dengan nasihat-menasihati ini...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang, Wangsa Maju bangun.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ...sudah tentulah program nasihat-menasihati ini akan kita teruskan dan seperti mana kita sebutkan tadi, dalam beberapa bulan lagi...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat setuju atau tidak tentang sosial kontrak itu?

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ... program nasihat-menasihati ini termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan sosial kontrak, dengan apa sahaja akan kita buat. Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Adakah Yang Berhormat Bachok bersetuju bahawa bila kita katakan Pakatan Rakyat yang menggabungkan tiga parti, bukan bermakna apabila kita berkawan dengan DAP, kita korbankan kesemua *contract social*? Itu pertama.

Kalaupun di sana-sini ada beberapa kenyataan yang boleh diberikan gambaran dan konotasi yang membawa seolah-olah tidak menghormati institusi Raja, fakta di hadapan kita ialah saya teringat, ketika menemani sahabat saya Yang Berhormat Batu Pahat dalam membuat kajian mengumpul maklumat untuk tesis Ph.D di Kelantan tahun 1993. Kita berkumpul di waktu itu dalam Majlis Pertabalan Raja di padang Sekolah Kebangsaan Ketereh yang dilakukan oleh pemimpin UMNO di Kelantan.

Itu fakta sejarah yang tidak boleh dinafikan dan tidak boleh dipadam. Yang Berhormat Batu Pahat dia mengumpul data untuk kajian Ph.Dnya dan saya teman beliau sebab saya pergi pun sebagai pelajar. Di padang Sekolah Kebangsaan Ketereh itu, diadakan satu Upacara Pertabalan Raja selain daripada Raja yang sudah pun sedia ada dan dihormati mengikut undang-undang di negeri Kelantan waktu itu. Itu fakta yang tidak boleh kita padam berbanding dengan hal yang dibangkitkan oleh BBC sepanjang pagi ini. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Maksud Yang Berhormat, UMNO lantik Raja baru? [Disampuk] Oh, begitu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mohon Yang Berhormat Bachok sedikit, tambah sedikit.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Sila Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya juga ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Bachok di atas satu peristiwa yang berlaku. Saya ingat sampai kini kita tidak tahu lagilah apakah kesudahannya bagaimana satu demonstrasi diadakan baru-baru ini di negeri Terengganu, di mana di situ ada konsep Islam Hadhari telah diterapkan beberapa tahun dikatakan. Bagaimana dalam salah satu demonstrasi itu dibawa satu sepanduk yang ditunjukkan oleh TV sendiri dan tajuk sepanduk itu bertulis 'Kami hendak Idris natang'.

Jadi, adakah setakat ini ada apa-apa tindakan dari pihak berkuasa terhadap sepanduk ini dan apakah pandangan Yang Berhormat Bachok tentang tindakan daripada kumpulan-kumpulan mereka yang berdemonstrasi. Kemudian yang keduanya juga, tentang 22 orang ADUN yang membantah Upacara Angkat Sumpah Menteri Besar Terengganu yang sekarang telah pun menjadi Menteri Besar. Minta penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat, saya minta sedikit penjelasan. Apa yang berlaku...

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Bagi saya jawab dahulu Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ... di Kelantan itu telah dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Mas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat...

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Saya tidak bagi laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Yang Berhormat bertanding calon bebas guna lambang parti PAS.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Saya tidak bagi laluan kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Hendak menjawab, memberikan respons kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Telah pun saya sebutkan tadi, keangkuhan, rasa bongkak, rasa sombong pemimpin-pemimpin sebelum daripada pilihan raya ke-12 itu telah pun diperakui oleh pemimpin UMNO sendiri. Jadi, seperti mana saya bersetuju amat sangat dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Muar tadi, ini masanya sekarang untuk kita semenjak pilihan raya...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian mohon laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada tiga Yang Berhormat yang bangun. Pontian, Wangsa Maju dan Rembau.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ... untuk kita memberikan perkhidmatan kita semaksimum yang mungkin, sebaik yang mungkin bagi memastikan peranan kita sebagai wakil rakyat itu akan benar-benar dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Yang Berhormat Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat daripada Bachok. Saya ingin menyambung sedikit apa yang Batu Pahat sebutkan tentang *social contract*, tentang asas-asas pembinaan negara ini dan sehingga Parlimen ini berdiri pada hari ini. Perkara 152 tentang bahasa Melayu, 153 tentang biasiswa hak-hak *The Malay Rights* yang PAS tidak pernah terkecuali daripada mempertahankan hak-hak ini, tetapi siapakah sebenarnya yang mengkhianati perjuangan bangsa Melayu? [Tepuk]

Yang menukar pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris yang menafikan pandangan-pandangan daripada UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, pejuang-pejuang bahasa. Siapakah pada hari ini yang tidak memberikan biasiswa kepada anak-anak bumiputera? Janji Pakatan Rakyat, hari ini kami perintah, esok biasiswa kita kembalikan dan semua kaum mendapat pendidikan percuma dalam negara kita. [Tepuk] Ini penegasan *social contract* kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian ambil *point* saya di dalam yang hendak saya sebutkan. Tuan Yang di-Pertua, selepas 50 tahun kita merdeka...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ...negara ini belum pernah diperintah oleh PAS. Negara ini belum pernah diperintah oleh DAP. Negara ini belum pernah diperintah oleh PKR.

Sepanjang tahun selepas kita merdeka, negara ini hanya diperintah oleh UMNO yang mengetuai dan menjadi tunjang kepada Perikatan dan Barisan Nasional. Sepanjang pemerintahan itulah, berlakunya penodaan kepada hal-hal yang berkaitan dengan bangsa Melayu itu sendiri. Contohnya bahasa seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat

Kubang Kerian, isu biasiswa, bahasa Melayu, agama Islam dan sebagainya. Sepanjang tempoh UMNO berpuluh tahun yang negara...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: ...Yang 50 tahun selepas kita merdeka. Yang Berhormat Rembau. Kita *try* Rembau dahulu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih kakanda Yang Berhormat daripada Bachok. Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi adalah satu perkara yang penting lebih-lebih lagi memandangkan bahawa kenyataan beberapa pemimpin daripada Pakatan - *Public Relation* ini telah menyatakan bahawa sebelum tanggal 16 September pada tahun ini, *Public Relation* ini akan mengambil alih Kerajaan Persekutuan. Minta maaf Pakatan Rakyat ini akan mengambil alih Kerajaan Persekutuan.

Jadi kita hendak tahu dari segi persetujuan perkara-perkara asas ini, saya minta Yang Berhormat daripada Bachok jangan cari kelemahan ataupun tuduhan orang lain dan tidak menjawab soalan yang asas. Soalan yang asas itu, saya bagi contoh kepada Yang Berhormat daripada Bachok. Semalam saya baca kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timur yang menyatakan bahawa kita perlu mengkaji semula *contract social* dan dengan izin, "*There should be no more distinction between bumiputeras and non-bumiputeras*". Tidak ada lagi perbezaan antara bumiputera dan bukan bumiputera dan DAP menentang konsep negara Islam dengan izin, "*Because it goes against the structure of our plural society*", menentang masyarakat *plural* yang ada di Malaysia ini. Jadi kita hendak tahu jawapan yang jelas.

■1230

Jadi jangan kita *sweep under the carpet*, jawapan yang jelas daripada Parti PAS hari ini sama ada Yang Berhormat setuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur kerana ini adalah perjanjian ataupun persetujuan asas kepada Pakatan *Public Relation* ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya memperingatkan Yang Berhormat Bachok hanya tinggal lima minit lagi ya.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya rasa baru dua minit berucap. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yalah, bagi peluang banyak sangat, sudah lupa dengan jam itu.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya mendapat maklumat mewakili ketua parti, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Patutnya diberikan sedikit lagi ruang untuk kita menjelaskan. Saya mewakili ketua parti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat berpengalaman dalam Dewan. Apabila kita sudah tetapkan masa itu, tidak kira parti lagi, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta laluan. Kita telah bincang dengan Speaker perkara ini dan Speaker telah bersetuju memberi ruang yang lebih kepada ketua-ketua parti. [Tepuk]

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, meskipun kemenangan luar jangka diperolehi oleh parti-parti pembangkang, namun wajar diperhatikan bahawa Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu tetap disifatkan oleh pelbagai pihak sama ada parti politik, golongan akademik dan sebagainya sebagai masih jauh

daripada kehendak pilihan raya yang adil, telus dan bersih. Kemenangan pihak pembangkang tidak dapat menolak akan hakikat berlaku pelbagai salah laku yang tentunya telah meletakkan kedudukan pembangkang dalam keadaan *disadvantage*...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Rembau bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...atau terhalang daripada mengecapi sokongan sebenarnya. Andainya pilihan raya benar-benar bersih dan adil...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Speaker, tidak menjawab.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...maka pasti Pakatan Rakyat akan memerintah Kerajaan Pusat hari ini. Jawapan saya belum habis...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan Rembau dia tidak jawab ini. *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau dengan Jempol.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pokok Sena.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Ya, Speaker. Orang lama patutnya mengikutilah peraturan, kena bagi laluan dahulu minta izin daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya memperingatkan juga *time* tinggal tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya bagikan laluan. Jawapannya ada dalam kertas yang saya sediakan ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk dulu. Dia tidak bagi.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kalau Yang Berhormat Speaker bagi saya tambahan dua jam lagi, akan saya jawab semua soalan yang disebut oleh Rembau tadi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mohon jawab sekarang. Soalannya mudah sahaja, Yang Berhormat Bachok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi *floor*, tidak bagi laluan.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya bagi Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi Gombak?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pasal apa bagi Gombak? Tak reti nak jawab ke?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok dan juga Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bachok, apakah kita sedar semenjak kebelakangan ini pemimpin elit UMNO sering kali melaungkan soal ketuanan Melayu. Hari ini kita mendengar beberapa suara daripada pemimpin elit UMNO yang menyinggung satu pakatan yang cukup kuat dan kukuh iaitu Pakatan Rakyat. Seolah-olah

kita ini mengorbankan kepentingan Melayu. Seolah-olah kita ini mengorbankan kepentingan umat Islam.

Saya ingin bertanya kepada Bachok dan mungkin minta sedikit penjelasan. Mengapa agaknya hanya hari ini kedengaran suara-suara ketuanan Melayu, sedangkan sebelum 8 Mac yang dibicarakan hanya "ketuanan menantu". *[Tepuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, pembedulan. Minta kebenaran sedikit sahaja, pembedulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita memperjuangkan ketuanan Melayu sudah lama.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini dia orang muda, dia tidak ada terlibat dalam perjuangan Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau duduk dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tidak tahu sejarah perjuangan UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Salak duduk dulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Buta sejarah, buta sejarah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia buta sejarah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Buta sejarah itu! Gombak, Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan mengelirukan Dewan Rakyat. Jangan mengelirukan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawab Rembau punya soalan tadi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau berdiri, Yang Berhormat Bachok. Masa tinggal satu minit.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua akan berikan saya masa tambahan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Itu adalah janji Speaker, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya pohon Tuan Yang di-Pertua bagi masa sampai Yang Berhormat Bachok jawab soalan saya tadi secara jelas. *[Disampuk]*

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya ingin membuat penjelasan di sini apa yang telah dibangkitkan tadi terkandung dalam senarai saya ini. Jadi bagi saya sebut apa

yang hendak saya sebutkan mengikut aturan apa yang hendak saya sampaikan dan akan sampai jawapannya nanti kepada Rembau dan rakan-rakan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menjawab apa yang disebut atau apa yang dibangkit oleh Gombak, saya pun merasa hairan, selepas sahaja 8 Mac tiba-tiba sahaja agenda Melayu menjadi besar. Tiba-tiba sahaja agenda yang berkaitan dengan Islam dan agama Islam menjadi besar. Dulu sebelum pilihan raya, demonstrasi dianggap sebagai sesuatu yang keji, sebagai sesuatu yang melanggar undang-undang. Selepas daripada pilihan raya, kita lihat ramai daripada puak UMNO sendiri yang melakukan demonstrasi ke arah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, mohon kalau boleh Tuan Yang di-Pertua bagi sedikit masa sebab masa cepat sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kena hormat apa keputusan yang telah dibuat. *[Tepuk]*

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, turut merosakkan amalan demokrasi dalam negara kita ini adalah kongkongan media yang keterlaluan sehingga serangan ataupun *media blitz*, dengan izin, pada waktu 13 hari berkempen itu bukan sahaja dibenci oleh pihak pembangkang, bahkan menyelidiki pelbagai pihak membuktikan bahawa *media overkill* itu dibenci dan dikutuk oleh pihak sivil, pihak ahli akademi dan penganalisis politik. Ia jauh daripada memberikan padang yang sama rata dan capaian media yang munasabah seperti yang dijanjikan oleh pihak SPR kepada pembangkang dan gabungan Bersih.

Maklumat adalah kritikal dan memperkasa rakyat membuat pilihan, bahkan sesungguhnya demokrasi itu amat berhajatkan kepada pengundi membuat pilihan berdasarkan maklumat dan pengetahuan atau *voters making informed decision*, dengan izin. Maka apabila pemilik media yang bersekongkol dengan pihak kerajaan untuk melakukan program raksasa memperbodohkan rakyat dalam apa yang dikatakan sebagai propaganda politik semata-mata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa...

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...kepada segala agenda...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat Bachok telah habis.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kita lihat satu tindakan yang mengakibatkan keputusan sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kita lihat sahaja apa yang berlaku di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bachok.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Sudah dijanjikan kepada kami untuk tempoh waktu membolehkan kita membawa isu-isu yang berkaitan dengan rakyat yang telah pun kita persetujuan dengan Tuan Yang di-Pertua supaya ketua-ketua parti diberikan tempoh yang munasabah untuk kita menyampaikan maklumat... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...tetapi kita disekat sekali lagi maklumat. Hatta di dalam Dewan, janji daripada Yang Berhormat Tuan Speaker kepada kami untuk membolehkan saya sebagai wakil ketua parti, sebagai sifat ketua parti untuk memberikan

maklumat-maklumat ataupun pendedahan-pendedahan sewajarnya dalam Dewan ini, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau...

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Sudahlah di luar sana kami disekat, di dalam ini pun kami disekat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham, Yang Berhormat. Yang Berhormat-Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Permatang Puah sudah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...mewakili rakyat dan banyak perkara yang mereka hendak bawa ke sini.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Apa yang saya bawa semua ini isu rakyat. Yang kita himpunkan di sini adalah isu yang berkaitan dengan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta Yang Berhormat tamatkan. Saya sudah bagi lebih dua minit. Tadi saya sudah bagi amaran daripada awal lagi, kalau hendak beri peluang dan ruang dengan kawan bertanya, mencelah, Yang Berhormat terpaksa memberi masa-masa itu dalam masa Yang Berhormat berucap. Jadi oleh kerana masa lebih tiga minit, Yang Berhormat...

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Maksud Yang Berhormat Timbalan Speaker, selepas daripada ini semuanya akan dihadkan masa lima minit seorang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita hanya ada empat hari lagi, Yang Berhormat. Banyak yang hendak berucap, jadi saya ingat Yang Berhormat sudah diberi amaran awal.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya tahu ramai yang hendak berucap, Yang Berhormat Timbalan Speaker tetapi saya menyediakan ucapan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...seperti mana yang telah kita persetujui dengan Tuan Speaker.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Speaker, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak mahu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...panjangkan persoalan ini, Yang Berhormat. Kalau semua berdialog, Yang Berhormat, semua hendak bercakap dan ikut...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...kehendak mereka, saya ingat bermasalah kita, Yang Berhormat. Speaker tidak dengar lagi cakap. Jadi minta Yang Berhormat duduk.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis, 12.38, sudah habis, Yang Berhormat. Minta maaf.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Saya minta gulung, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta maaf, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Satu minit untuk menggulung sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit? Saya bagi satu minit untuk menggulung.

Beberapa Ahli: Gulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit gulung.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Timbalan Speaker, sekali lagi...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk, gulung sahaja parti itu.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan betapa ketidakadilan dalam kita memperjuangkan hal-hal berkaitan dengan rakyat ini bukan sahaja sekatan terhadap pembangkang, nampaknya di dalam ini juga, di dalam Dewan yang penuh dengan kemuliaan ini juga [*Disampuk*] diberikan ruang yang amat terbatas untuk membawa isu-isu rakyat. Bukan ada isi individu, bukan ada isu parti, bukan ada isu politik sempit kampung ala UMNO Barisan Nasional yang hendak kita bawa dalam Dewan ini tetapi isu yang berkaitan dengan rakyat.

Namun, saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan kekesalan terhadap apa yang berlaku pada tengah hari ini dan mudah-mudahan ini tidak akan menjadi satu amalan dalam Dewan ini menyekat suara-suara daripada pihak sebelah sini untuk mewakili rakyat dalam memperjuangkan isu-isu mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita akan bersikap adil. Yang Berhormat Kimanis.

12.40 tgh.

Datuk Anifah bin Aman [Kimanis]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat tengah hari. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, berapa minit yang diizinkan kepada sahabat saya Yang Berhormat Kimanis?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita sudah buat keputusan tadi, tiap-tiap berucap 30 minit sahaja kerana kita sudah fikir semua Yang Berhormat, nama-nama yang hendak berucap itu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi kalau kita tidak menghadkan masa, banyak yang hendak berucap tidak ada peluang hendak berucap.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order* sekejap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat, *point* yang ke berapa Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Point of order* 99.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat *point of order* buku ini, baca dalam buku ini. Saya tahu baca buku ini Yang Berhormat. Tiada *point of order* kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Di bawah apa yang Berhormat berdiri. 37 bukan? Untuk mencelah.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak, perkara 99, izinkan saya baca dahulu. Perkara 99, keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua peraturan mesyuarat ini. Saya ingin merujuk begini, kami dengan hormat telah mengadakan kunjungan hormat dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan

Rakyat dan Tuan Yang di-Pertua telah memberikan bukan satu janji tetapi suatu persetujuan kepada ketua-ketua parti ini diberikan masa yang agak luas untuk berucap.

Jadi itu pertemuan yang telah kita buat secara hormat dan baik dengan Tuan Yang di-Pertua. Jadi cuma itulah, saya mengharapkan setengah jam itu tidak wajar diberikan kepada ketua-ketua parti. Sekian untuk makluman Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat. Kalau saya kata yang lain boleh berucap satu jam, yang lain di hujung sana hendak berucap macam mana? Banyak yang hendak berucap. Kita menerima banyak nota-nota di sini kata hendak berucap jadi saya duduk di sini lebih mengetahui siapa yang hendak berucap.

Jadi daripada nota-nota yang kita terima, kita buat keputusan. Yang Berhormat, saya minta maaf, saya kata setengah jam, setengah jam bermula daripada sekarang, 42 Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di Persidangan Penggal Pertama Parlimen Keduabelas.

Tuan Yang di-Pertua, bawasanya saya Ahli Parlimen Kimanis dari negeri Sabah amat mengalu-alukan komitmen Kerajaan Pusat untuk membangunkan negeri Sabah melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan ditambah pula dengan komitmen untuk melaksanakan rancangan pembangunan koridor-koridor ekonomi termasuk Koridor Pembangunan Sabah (SDC), seperti yang terkandung dalam Titah Ucapan Tuanku pada Majlis Perasmian Persidangan Parlimen Yang Keduabelas.

Tidak dapat dinafikan Tuan Yang di-Pertua bahawa rakyat Malaysia di Sabah amat menghargai keprihatinan Kerajaan Persekutuan seperti yang telah ditunjukkan melalui pengagihan peruntukan bagi negeri Sabah melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dengan pelancaran SDC.

Rakyat Malaysia di Sabah sesungguhnya telah pun memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional iaitu Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Parti Barisan Nasional dan sesungguhnya memberi sokongan kepada dan, telah pun dalam pilihan raya yang lalu telah pun menyumbang kepada 24, daripada 25 kerusi Parlimen dan 59 daripada 60 kerusi Dewan Undangan Negeri pada Pilihan Raya Umum yang lalu iaitu Pilihan Raya Keduabelas yang baru lalu itu.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan supaya rakyat Malaysia di Sabah terus mendapat pembelaan beberapa perkara dan isu utama seperti yang akan saya bantah ini wajarlah diberikan perhatian yang serius oleh para pemimpin di peringkat pusat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen Kimanis sekali gus salah seorang wakil rakyat dari negeri Sabah untuk menengahkan atau dengan izin, *to highlight* isu-isu utama yang telah sekian lama terpendam dan menjadi hasrat dan aspirasi rakyat Malaysia di negeri Sabah.

Isu-isu dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah tersebut ialah seperti berikut; pertamanya perwakilan dan penyertaan rakyat Malaysia di Sabah dalam sistem pentadbiran dan juga pengurusan peringkat pusat dan syarikat berkaitan dengan kerajaan atau GLCs perlu ditingkatkan bagi mencerminkan peranan rakyat Malaysia di Sabah di peringkat nasional.

Rakyat Malaysia di Sabah secara umumnya, masih merasakan terpinggir dalam sistem pengurusan dan pentadbiran di peringkat pusat walaupun telah bersama-sama dalam Persekutuan Malaysia hampir 45 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya penyertaan wakil-wakil dari Sabah dalam Jemaah Kabinet Persekutuan terutamanya dalam pelantikan ke jawatan menteri dan Senator tidak mencerminkan peranan mereka dalam pembentukan Kerajaan Persekutuan.

Kedua, pelantikan anggota-anggota di peringkat pengurusan kanan Perkhidmatan Awam Persekutuan, GLCs, dan universiti-universiti juga perlu menitik beratkan penyertaan rakyat Malaysia dari Sabah.

Umpamanya tidak terdapat seorang pun dari Sabah yang menyandang jawatan ketua perwakilan di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara dan juga Ketua-ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan, ketua-ketua agensi, jabatan-jabatan persekutuan dan naib-naib canselor dan ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat berkaitan dengan GLC di peringkat nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Putatan bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Aman [Kimanis]: Silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kimanis. Saya sungguh tertarik ungkapan Yang Berhormat soal penglibatan rakyat Malaysia dari negeri Sabah.

Semenjak kita sertai Malaysia lebih daripada 45 tahun yang lalu, adakah Yang Berhormat merasa yang sebab-sebab rakyat Malaysia di Sabah ini tidak layak menjawat apa jua jawatan yang ada di peringkat nasional. Adakah ini sebagai tanggapan rakyat Sabah belum pandai, masih bodoh atau sebagainya. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya akan memberi juga jawapan dalam ucapan saya ini dan izinkan saya teruskan sebelum saya memberi jawapan kepada Yang Berhormat Putatan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah empat dekad merdeka, rakyat Malaysia di Sabah tidak lagi boleh menerima apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan tadi, tidak lagi dapat menerima alasan bahawa tidak ada rakyat Malaysia di Sabah yang berkelayakan untuk menyandang jawatan-jawatan penting sebagai ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di Sabah mahu pun di peringkat nasional.

Kita tidak boleh terima alasan seumpama itu Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan bahawa tidak ada ramai rakyat Malaysia dari Sabah menyertai Skim Perkhidmatan Persekutuan juga tidak boleh diterima sebagai satu alasan. Tidak ada sebab yang munasabah mengapa rakyat Malaysia dari Sabah yang berkelayakan tidak boleh dilantik secara pinjaman atau kontrak untuk memperbaiki kedudukan tahap penyertaan mereka di peringkat Persekutuan.

Ini yang kita suarakan Tuan Yang di-Pertua dari semasa ke semasa dan sampai ke hari ini tidak ada satu tindakan yang konkrit yang telah pun dibuat oleh pemimpin daripada pusat yang ianya telah pun kita rasai di Sabah, seperti kita anak tiri atau pun *second class citizens*.

Pertimbangan yang saksama juga wajar diberikan kepada pelantikan dan pengambilan pegawai dan kakitangan baru di kalangan rakyat Malaysia dari Sabah bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan dan GLC terutamanya yang beroperasi di Sabah seperti Petronas, Universiti Malaysia Sabah, UiTM, FELDA, FAMA dan juga FELCRA.

Cadangan ini penting memandangkan kadar pengangguran di negeri Sabah dalam tahun 2007 pada tahap 5.7% lebih tinggi dari kadar pengangguran di peringkat nasional secara keseluruhannya sekitar 3.1% dalam tahun yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang hendak saya utamakan juga iaitu Perancangan dan Pengurusan Dana Persekutuan di Sabah dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah ataupun dikenali sebagai JPPS

Perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah yang melibatkan dana dari Kerajaan Persekutuan, wajarlah melibatkan secara langsung agensi-agensi perancang dan juga pelaksana kerajaan negeri demi mengatasi pertindihan dan duplikasi tugas.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab iaitu fungsi dan peranan JPPS wajarlah dikaji semula. Adalah dicadangkan supaya peranan JPPS terutama sekali yang melibatkan *high impact project*, dengan izin seperti membanteras kemiskinan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pokok Sena berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Dapat diberikan kepada agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri termasuk *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA) yang akan menyelaraskan pelaksanaan SDC. Silakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kimanis. Tadi disebut pasal (JPPS) Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Yang Berhormat minta dikaji semula tentang peranan beliau.

Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kerajaan juga tidak seharusnya mewujudkan (JPP) Jabatan Pembangunan Persekutuan ini di negeri-negeri yang lain, khususnya di negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat. Sepatutnya Kerajaan Persekutuan harus melaksanakan hubungan kerjasama yang lebih baik, meningkatkan hubungan kerjasama yang lebih baik dengan kerajaan-kerajaan negeri. Bagi saya bahawa bila Kerajaan Persekutuan menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan umpamanya, dan begitu juga dikatakan akan diwujudkan di negeri-negeri yang lain, yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat.

Ini sekali gus seolah-olah macam menafikan hak dan kedaulatan negeri tersebut. Seolah-olah kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam negeri tersebut dan kerajaan yang bernaung Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Raja-raja yang memerintah dalam negeri tersebut telah dinafikan kedaulatan Raja-raja itu.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah berucap.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Saya memerlukan masa untuk menjelaskan pasal masa terhad.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Minta penjelasan.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat tidaklah perlu bagi Yang Berhormat untuk menyuarakan tentang perkara Sabah, saya mampu untuk menyuarakan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kalau niat Yang Berhormat itu baik saya terimalah.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang hendak saya utarakan tadi, iaitu projek-projek infrastruktur luar bandar yang lain, seperti menaik taraf jalan kampung dan sebagainya bolehlah diagihkan kepada agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang wujud di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara utama yang hendak saya utarakan ialah pulangan kepada negeri Sabah hasil daripada penyertaan agensi-agensi persekutuan di Sabah termasuk GLC wajar ditetapkan, dan diberikan setiap tahun berasaskan formula tertentu yang telus, adil dan saksama.

Pulangan kepada negeri Sabah hasil daripada pelaburan agensi-agensi pusat termasuk GLC termasuk Petronas, FELDA dan FELCRA yang menggunakan sumber-sumber di negeri Sabah wajarlah sejajar dengan sumbangan yang diperolehi dari negeri Sabah seperti nilai tanah, nilai eksport sumber iaitu minyak dan gas asli. Pulangan tersebut wajarlah diberikan secara konsisten berasaskan satu formula yang telus, adil dan tidak merugikan mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara utama iaitu kos sara hidup dan perniagaan yang tinggi di Sabah. Penduduk di negeri Sabah sudah sekian lama di bebankan dengan harga barangan yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri di Malaysia ini. Ini disebabkan oleh sistem logistik yang tidak efisien dan ditambah pula dengan kenaikan harga minyak petrol dan diesel.

Lanjutan daripada kenaikan harga minyak kos pengangkutan melalui laut, darat dan udara juga telah dinaikkan. Keadaan ini telah memberikan kesan yang begitu negatif sekali kepada industri pembuatan, pengeksport dan pihak pembeli dan *consumer* tempatan. Keadaan ini juga boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

Justeru itu adalah dicadangkan agar Kerajaan Persekutuan:

- (i) bertindak untuk memansuhkan *cabotage policy* secara progresif dan memberi peluang untuk Sabah membina jaringan perkapalan dan pelabuhan dengan operator-operator pelabuhan dan perkapalan antarabangsa. Seterusnya melonggarkan sekatan terhadap lesen perkapalan untuk memberi peluang kepada pengusaha tempatan;
- (ii) mewujudkan Sepanggar Free Zone (SFZ). Seperti yang di kenal pasti melalui SEDC lengkap dengan insentif pelaburan yang istimewa untuk meningkatkan aktiviti perdagangan terutama *transshipment* yang seterusnya berupaya untuk mengurangkan kos penghantaran;
- (iii) mewujudkan dana subsidi minyak khas bagi negeri Sabah. Dengan menggunakan dana terkumpul dari sebahagian daripada keuntungan Petronas yang diperolehi di perairan negeri Sabah. Ini akan dapat mempengaruhi harga pasaran barangan tempatan supaya tidak jauh berbeza kalau ianya di banding di negeri-negeri lain di Malaysia ini; dan
- (iv) mengisytiharkan dan menyokong penuh kedudukan Sandakan sebagai hab *transshipment*, di Sandakan iaitu *Integrated Trade Exchange Terminal*. Ini akan memperhebatkan lagi pengumpulan dan pengendalian perdagangan yang pasti akan menarik perhatian syarikat dan perkapalan antarabangsa untuk berurusan dengan agensi perkapalan tempatan dan operator pelabuhan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dorongan seperti ini akan dapat mengimbangkan kos pengangkutan dan seterusnya dapat mengurangkan kos bahan import dan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang utama juga yang hendak saya ketengahkan iaitu pemberian biasiswa dan pengambilan kemasukan ke institusi pengajian tinggi ataupun IPT. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan adalah salah satu strategi yang amat berkesan dalam usaha membanteras kemiskinan. Kadar kemiskinan bagi negeri Sabah berada di paras 24% pada tahun 2006 berbanding dengan 5.7% pada tahun yang sama di peringkat nasional.

Oleh itu usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan juga adalah sejajar dengan salah satu dari teras utama Misi Nasional yakni membina modal insan. Begitu juga memandangkan insiden kemiskinan negeri Sabah masih lagi berada di paras yang agak tinggi, maka adalah dicadangkan supaya negeri Sabah diberi kuota biasiswa dan kemasukan ke IPT yang sesuai berasaskan kadar kemiskinan dan tahap infrastruktur di luar bandar yang masih lagi berkurangan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan bagi pengagihan penyelenggaraan dan konsultasi projek-projek Kerajaan Persekutuan di Sabah wajarlah juga diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di negeri Sabah. Sekiranya tidak ada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan yang diperlukan, syarikat-syarikat dari luar bolehlah diberikan dengan syarat mereka mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan, dengan tujuan untuk membantu meningkatkan

kepakaran dan pengalaman syarikat-syarikat tempatan. Ini akan menentukan supaya kerja-kerja bekalan dapat memenuhi keperluan tempatan memandangkan syarikat-syarikat tempatan ini lebih memahami masalah dan juga keperluan penduduk negeri Sabah. Ia juga boleh mengurangkan kos projek-projek yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan ekonomi kaum bumiputera. Usaha masih di perlukan untuk meningkatkan ekonomi kaum bumiputera daripada Sabah. Selain daripada penyertaan dalam sektor pertanian, penyertaan kaum bumiputera dalam sektor industri, komersial dan pembinaan juga wajar ditingkatkan.

Justeru itu adalah dicadangkan supaya agensi-agensi di peringkat persekutuan terutama sekiranya GLCs memberikan kerjasama yang lebih serius dan diberikan tanda aras berdasarkan *Key Performance Indicator*, dengan izin bagi menentukan keberkesanan usaha masing-masing. SEDIA (*Sabah Economic Development and Investment Authority*) yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri melalui enakmen negeri Sabah, juga perlu diberi sokongan yang bersesuaian bagi membantu meningkatkan ekonomi kaum bumiputera daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu pengagihan kontrak bagi projek-projek persekutuan di Sabah juga wajar diberi dengan secara telus dengan menetapkan syarat-syarat penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan banyak kontrak yang wujud di negeri Sabah, tetapi malangnya banyak di antara kontraktor-kontraktor itu adalah terdiri daripada kontraktor-kontraktor luar daripada negeri Sabah, yang ianya tidak ada membawa manfaat kepada rakyat negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sekarang sudah pukul 1.00 petang. Masih nak sambung petang ini?

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Ya, sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat persidangan pada sesi pagi kita tempohkan dulu hingga sampai pukul 2.30 petang. Sekian.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kimanis, sila sambung.

2.32 ptg.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung kembali ucapan yang telah pun saya lafazkan pada sesi yang tadi. Tuan Yang di-Pertua, di antara juga isu-isu penting di negeri Sabah iaitu satu isu yang rapat dengan hati rakyat Sabah ialah tentang minyak. Mengkaji semula royalti minyak, pelaburan Petronas di Sabah dan juga penyertaan rakyat Malaysia di Sabah dalam industri minyak dan gas asli...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Libaran bangun. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, ya sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi isu Yang Berhormat yang saya hendak Yang Berhormat beri penjelasan. Isu ini begitu menggores perasaan dan seolah-olah memberi penghinaan iaitu konon-kononnya wakil-wakil rakyat daripada Sabah ini melompat ataupun *cross over* untuk menyertai parti pembangkang. Adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat ataupun boleh memberikan penjelasan tentang isu-isu yang sebegini?

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Yang Berhormat. Apa nasib malang Ahli-ahli Parlimen daripada negeri Sabah sudah pun dianaktirikan dituduh pula untuk melompat. Sebenarnya Yang Berhormat saya tidak ada pengalaman melompat, barangkali ada di antara Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai pengalaman, saya mintalah Ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada pakar-pakar yang lompat. Walau bagaimanapun, demi untuk kepentingan rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Timbalan menteri bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Ya, izinkan saya jawab dulu dan baru saya beri peluang. Walau bagaimanapun, demi untuk kepentingan rakyat Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua bahawa ada apa pada nama? Apa ada pada nama, sekiranya rakyat negeri Sabah dan juga rakyat di negara kita itu, masa hadapan mereka dan generasi yang akan datang tidak terjamin, maka selaku wakil rakyat kita sanggup berbuat apa sahaja untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara... [Tepuk]

Perkara lompat saya ingat tidak begitu serius. Apa yang penting sekali yang serius, bahawa pada hemah saya beratus-ribu, berjuta rakyat di Semenanjung Malaysia dalam lima buah negeri telah pun melompat. Kenapa hendak dipersoalkan tentang beberapa pemimpin di negeri Sabah yang hendak melompat. Kalaupun ia benar, kalau ia ialah sebab untuk memperjuangkan rakyat di negeri Sabah pada hemat saya tidak ada salahnya... [Tepuk] Sebelum pihak pembangkang ghairah, saya pun tidak ada niat untuk melompat... [Tepuk] Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Saya mohon penjelasan, adakah usaha lompat melompat ini dilakukan oleh kumpulan *desperado* yang beria-beria tidak mengakui hakikat bahawa 140 itu sebenarnya duduk di rumah banglo, yang kumpulan itu adalah duduk dalam rumah teres paling besar pun *semi-d*. Kenapa yang daripada rumah besar hendak masuk rumah kecil? Rumah kecilah yang patut masuk dalam rumah besar? Adakah Yang Berhormat setuju?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat sebenarnya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Apa gunanya rumah besar itu melompat ke rumah yang kecil tetapi kalau rumah yang besar itu tidak ada ruang bagi kita, apa salahnya. [Ketawa] Kalau rumah yang sebesar itu, banglo yang sebesar itu tidak ada ruang bagi kita, apa salahnya... [Disorak] Jadi haruslah pada orang-orang yang tertentu, haruslah mengambil kira semua rakyat tanpa mengira suku kaum, bangsa dan agama...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Di negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya. Janganlah setelah kita menyumbang beberapa kerusi yang begitu banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ... maka kita telah pun dikebelakangkan, atau dianaktirikan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Saya bagi Yang Berhormat Timbalan enteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh semula yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada Kimanis awal-awal lagi di mana beliau berkata bahawa ramai rakyat di Sabah ini tidak berapa senang hati oleh sebab, pemberian kontrak itu bukan diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan tetapi ia diberikan kepada orang-orang luar. Bagi kita untuk mengambil tindakan, supaya kita boleh menjustifikasikan *statement* itu bolehkah Ahli Yang Berhormat daripada Kimanis memberikan satu senarai yang lengkap, siapakah kontraktor dari luar itu dan apakah jenis kerja-kerja yang diberi kepada mereka itu?

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa itu bukan adalah alasan oleh kerana kita tidak diberi kontrak bukanlah alasan untuk kita melompat. Walau bagaimanapun, saya ingat mintalah kepada menteri-menteri yang berkenaan senarai-senarai kontrak yang telah pun diberikan kepada mereka...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Pasir Mas.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Pasir Mas saya beri peluang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Apakah Yang Berhormat sedar apabila timbul isu lompat melompat menjadi perhatian di Sabah kerana di Sabahlah paling banyak parti politik di mana ramai parti politik di Sabah bertukar parti. Manakala di Semenanjung, ada juga termasuk saya... [Ketawa] Dan bertukar parti bukan bertukar agama. Dalam parti Keadilan pun dulu UMNO, sekarang parti Keadilan, lompat juga. Dalam PAS pun ada tetapi selalunya orang tuju pada saya. Yang sebenarnya di Sabah sendiri bermula dengan UPKO, USNO, ada AKAR ada BERJAYA kemudian UMNO. Lima, enam parti tukar tetapi kenapa saya pula dituju sebagai katak. Ramai katak dalam Dewan Rakyat ini... [Ketawa]

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti adakah itu satu perkara yang malang bagi Yang Berhormat ataupun satu penghormatan bahawa Yang Berhormat ini fleksibel, boleh dua cuaca atau dua alam...

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kuala Krau bangun.

■1440

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Nanti saya habiskan ini dahulu. Tuan Yang di-Pertua bahawa di Sabah ini, kita sudah bertukar empat kerajaan sejak merdeka. Saya ingat, bertukar satu lagi tidak ada susahnya, tetapi kita sebenarnya yang ajar kita melompat ini bukan daripada Sabah. Ajar kita melompat daripada orang daripada sini juga, dan guru yang ajar kita melompat masih ada dalam pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tukar parti dengan melompat berbeza. Yang Sabah dua orang itu melompat, tapi tukar parti itu mungkin ramai. Jadi dia dua kategori yang berbeza Yang Berhormat ya.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Saya ingat matlamat akhir-akhirnya Tuan Yang di-Pertua, matlamat sama juga. Macam Yang Berhormat daripada Pasir Mas, dia kata Yang Berhormat itu bebas tapi dalam hakiknya dia sudah melompat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Jadi sama ada parti atau dari segi individu, saya ingat matlamat yang akhir-akhirnya sama juga, bahawa ia berhijrah daripada satu parti ke parti yang lain. Sila Yang Berhormat Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kimanis, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Dari sudut manakah sama ada pembangunan atau taburan, yang perlu orang Sabah dapat yang anggapan daripada orang Sabah, Sabah dianaktirikan kerana kalau tengok dari segi pembangunan, pembangunan wilayah ini juga meliputi negeri Sabah dan negeri-negeri yang berada di Semenanjung.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, ada berapa kali Yang Berhormat datang ke negeri Sabah?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dua tiga kali.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Dua tiga kali tidak mencukupi Yang Berhormat untuk menilai rasa hati orang-orang Sabah. Jadi kalau Yang Berhormat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah yang sering menyuarakan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ... tunggu sekejap, tentang perasaan rakyat Sabah. Barangkali inilah daripada satu punca masalah bahawa apabila ada pemimpin-pemimpin datang dua tiga kali sudah membuat satu rumusan, bahawa Sabah itu apabila mereka datang cuma sampai ke Kota Kinabalu sahaja Yang Berhormat. Tidak pergi kawasan-kawasan seperti Kinabatangan, Beluran dan kawasan Kalabakan.

Jadi inilah satu fenomena yang kita sama sekali kita menolak oleh kerana datang ke Sabah dua kali, tiga kali sudah membuat andaian. Sedangkan kita yang selaku Ahli Yang Berhormat yang turun ke kawasan pada tiap minggu maka pandangan kita selalu diketepikan. Ini daripada satu masalah, masalah pemimpin-pemimpin kita termasuklah Yang Berhormat dari Kuala Krau. Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Tadi Yang Berhormat Bagan Datok mengatakan apa gunanya berpindah daripada banglo masuk ke rumah teres. Saya ingin bertanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kimanis, apakah kalau banglo ini ditambah rumahnya, ditambah biliknya dicantikkan, bilik airnya besar, tamannya besar, saya rasa Yang Berhormat Kimanis mungkin tidak mahu mencadangkan supaya ada perpindahan ke rumah teres.

Saya percaya sebelum saya tengok tadi ada juga pihak-pihak pembangkang yang tersenyum sinis, mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Kimanis tetapi saya rasa secara peribadi, saya telah mengetahui perasaan dan cara Yang Berhormat Kimanis bercakap tadi hanyalah mengusik dan meminta supaya hanya banglo ini ditambah. Pertanyaan saya ialah, apakah Yang Berhormat Kimanis mahu meletakkan tarikh atau masa yang tertentu untuk menambah bilik dalam banglo ini? Terima kasih.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud, bahawa bukan kita yang menetapkan tarikhnya. Itu adalah satu-satu isu yang kita mempertikaikan bahawa, biar pun kita dalam satu rumah banglo yang besar, tapi kita tidak merasa nikmat. Nikmat yang dirasakan oleh kumpulan-kumpulan dan orang-orang yang tertentu. Jadi apabila kita bersuara Yang Berhormat, apabila kita mengutarakan perasaan rakyat, mereka menganggap kita hendak melompat. Sudahlah kita dianaktirikan, dihina pula. Jadi kalau sudah dianaktirikan dan di hina pula, ke mana kita nak pergi? Rumah teres pun, tereslah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Apa gunanya banglo kalau sekumpulan sahaja yang merasai nikmat. Kita mahu biarpun teres sama-sama kita kongsi. Kalau pun banglo, sama-samalah kita menikmatinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Jangan separuh banglo separuh teres. Kita dalam banglo pun tidur di tepi tandas, apa gunanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Tuaran silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada persoalan mengenai sebab mengapa rakyat Sabah ini merasakan dianaktirikan. Selain daripada mungkin pengagihan-pengagihan projek dari segi peluang-peluang projek dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat dari Kimanis bersetuju bahawa, ungkapan-ungkapan yang selalu kita dengar bukan sahaja daripada pemimpin biasa atau pun menteri-menteri yang selalu mengatakan "seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak". Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ungkapan seperti itu, selalu mengingatkan kepada kita bahawa kita ini seolah-olah sebagai penggenap sahaja. Terima kasih.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Tuaran. Itu yang susah hendak kita cerminkan pada rakan-rakan kita daripada Semenanjung. Sudah lebih 40 tahun, empat dekad kita merdeka, masih lagi isu seumpama ini timbul Dewan yang mulia ini. Kita telah pun, apabila kita bersuara, apabila mengutarakan, apabila kita cuba melalui saluran-saluran yang tertentu, tapi ianya sampai hari ini masih lagi isu seumpama itu wujud. Kenapa dia masih wujud? Sama juga dengan masalah-masalah yang lain. Bukankah bererti apabila kita menyuarakan hasrat, inspirasi rakyat kita menentang kerajaan.

Bukan erti kalau kita mengeluarkan satu-satu kata-kata yang kemungkinan keras bukan erti kata kita hendak melompat, tetapi sebenarnya saya sering katakan apa yang kita usahakan pada hari ini, apa yang kita suarakan pada hari ini di Dewan yang mulia ini ialah supaya rakyat negeri Sabah jangan melompat seperti apa yang berlaku pada lima buah negeri di Semenanjung Malaysia ini. Itu yang kita hendak pertahankan, bukan kita hendak melompat. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar dan Yang Berhormat Batu Pahat bangun.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kimanis. Agaknya Yang Berhormat Kimanis ini agak sedih sikit. Di mana kita tahu bahawa perjalanan politik khasnya daripada pemimpin-pemimpin pusat ini tidak begitu mengambil berat atas keluhan kita di Sabah, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Adakah Yang Berhormat Kimanis setuju sekiranya kita minta supaya satu kementerian khas bagi Sabah dan Sarawak ini, supaya kita dapat betul-betul meninjau dan juga mengambil berat tentang hal-hal mengenai *affair* di Sabah dan Sarawak ini.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Sepanggar, saya setuju. Saya setuju, tapi apabila kita meminta sesuatu kadangkalanya janji, dan janji tidak pernah ditunaikan. Jadi apa yang ada di hadapan kita itu, kalaulah kita dijanjikan macam kita berjanji dengan rakyat, tolonglah tunaikan pada pihak-pihak yang tertentu, supaya kita juga boleh menunaikan janji kita pada rakyat kita sekalian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Pontian bangun.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Silakan Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kimanis, saya mendengar hujah-hujah Yang Berhormat tadi, yang menyebut tentang daripada rakyat nanti yang melompat, maka lebih baiklah apa Yang Berhormat bangkitkan itu diberikan perhatian, bukannya wakil rakyat yang akan melompat, tapi bimbang rakyat yang akan melompat. Jadi berasaskan kepada perkara tersebut, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat menyebut tentang soal perasaan dan sebagainya, tersinggung, kecil hati.

■ 1450

Jadi apakah perkara ini Yang Berhormat rasa tidak boleh diperbetulkan kerana yang kita pentingkan ialah kepentingan rakyat, rakyat memilih kita. Jadi pandangan Yang Berhormat ialah kalau wakil rakyat itu melompat, apakah ini juga tidak sebenarnya, tidak adil kepada rakyat yang memilih kita dan atas asas itu apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Akta Anti Lompat ini dibawa ke Parlimen ini supaya jangan ada wakil rakyat yang melompat parti, apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Ya, saya tidak setuju. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju kalau *Anti Hop Law* dibawa ke Dewan ini. Adakah kita mahu ia menjadi satu *police state* yang kita tidak mempunyai satu kebebasan untuk memilih. Biar pun kita bertanding pada misalnya tiket sesebuah parti atau sesebuah organisasi, tapi kalau pemimpinnya menyeleweng daripada matlamat asal, adakah kita harus akur, adakah kita harus bertahan dan memperjuangkan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab atau parti-parti yang keluar daripada matlamatnya, *at the expense of the people*, dengan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Tapi cuma apa yang saya katakan di sini, barangkali saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Batu Pahat bahawa apa yang penting bukan soal pemimpin melompat, apa yang penting kita kaji kenapa rakyat sudah melompat. Itu yang harus kita pertikai dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ada empat orang bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Itu yang harus kita lihat dan kaji kenapakah rakyat-rakyat sudah melompat dan apa gunanya yang tinggal pemimpin saja. Apa gunanya pemimpin tanpa rakyat. [*Tepuk*]

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pohon...

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Jadi, itu yang...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pohon laluan, Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...hendak saya suarakan supaya pemimpin faham bahawa supaya rakyat kita tidak melompat di pilihan raya akan datang. Itu yang kita sarankan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian mohon, Pontian.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Shah Alam, Shah Alam.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian, boleh?

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Kalabakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan, silakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kimanis, pada mulanya Yang Berhormat membuka hujah-hujah, kita diberitahu bahawa Sabah merdeka melalui Malaysia 45 tahun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bersama-sama Malaysia, Semenanjungnya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: 45 tahun dahulu, tahun 1963. Semenanjung tahun 1957, kita 1963. Tapi kalau kita banding dari segi pembangunan, infrastruktur dan lain-lain, dia punya perbezaan antara bumi dan langit. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, adakah pucuk pimpinan negara sedar bahawa di kawasan luar bandar di Sabah, rakyat di luar bandar masih lagi minum air perigi. Kalau pun ada paip di luar bandar, ia macam 'teh susu'. Inikah erti kemerdekaan? Mohon penjelasan.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat. Itulah hendak kita suarakan. Itulah kita hendak representasi dalam Jemaah Menteri supaya kita dapat membela rakyat kita.

Yang Berhormat, ingin saya jelaskan di sini bahawa tidak ada niat saya, saya katakan, tidak ada niat saya untuk menjadi menteri. Tapi oleh kerana kita prihatin tentang rakyat kita, terutama sekali di negeri Sabah, maka itulah kita berhadapan dengan isu-isu yang hendak kita selesaikan sebelum rakyat kita memberontak. Jadi Yang Berhormat katakan di Kalabakan, sama juga berlaku di Beluran, sama juga berlaku di Kinabatangan, sama juga di Kimanis yang *semi urban areas*, Yang Berhormat. Jadi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta laluan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Minta laluan, Pontian

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Jadi, biar saya habiskan. Jadi oleh itu, saya ingin mengambil perhatian pemimpin-pemimpin bahawa kalau kita menyuarakan tentang hasrat rakyat tentang...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Minta laluan, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...kepentingan rakyat, janganlah kita dipandang serong. Oleh kerana kita betul-betul mahu ingin berkhidmat kepada rakyat. Kita sudah merdeka 45 tahun, masih minum air 'teh susu'. Kita sudah merdeka 45 tahun, anak-anak kita masih pergi ke sekolah sampai lumpur hampir ke lutut. Kita sudah merdeka 45 tahun, anak kita masih ke sekolah sampai berbatu-batu, berpuluh-puluh batu berjalan kaki.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Pohon laluan, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Itulah yang dikatakan oleh...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah bising lah, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...apa dia erti kemerdekaan dan apa dia gunanya kita menjadi wakil rakyat kalau kerana kita hendak akur kepada kepimpinan kita, kita akur pada parti, kita gadaikan masa hadapan rakyat kita sendiri. [Tepuk]

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat, Pontian.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, laluan, Pasir Mas.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Siapa tadi, Yang Berhormat Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Saya bangun ini sebab isteri saya orang Sarawak dan saya telah beratus kali pergi ke Sabah, beratus-ratus kali pergi ke Sabah atas kapasiti pelbagai jawatan. Isteri nombor satu Sarawak, isteri nombor dua belum ada. Saya juga telah pergi ke banyak kawasan di Sarawak dan saya memahami perasaan itu sebagai orang yang sebahagiannya dibelah sana. Tetapi saya kira isunya ialah ikhlas kita

memahami perasaan rakan-rakan kita di Sabah dan juga Sarawak. Dan saya yakin Sabah dan Sarawak akan terus dibangunkan kerana kita ada jelapang padi baru, koridor baru, Rancangan Malaysia Kesembilan ini puluhan ribu juta yang dicurah untuk Sabah dan Sarawak tetapi mungkin pelaksanaannya dalam proses. Apa komen, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Kita mahu hormat, kita mahu realiti, rakyat tidak mahu satu retorik, satu impian belaka bahawa apa yang rakyat mahu lihat Yang Berhormat, janji-janji itu menjadi satu kenyataan. Bukan dalam buku saja, bukan dalam perancangan saja, begitu elok dan molek, kata orang Terengganu, tetapi akhir-akhirnya...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...selepas 45 tahun merdeka masih juga janji-janji itu masih belum kesampaian.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pasir Mas..

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: YB...

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat, oleh kerana masa adalah terhad, izinkan saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat, gulung.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...menyambung semula, menggulung semula, ada dua isu penting yang hendak saya sampaikan...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Pohon laluan Yang berhormat Kimanis, menyokong ini, Silam.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: ...iaitu untuk mengkaji semula royalti minyak pelaburan Petronas di Sabah dan penyertaan rakyat Malaysia di Sabah dalam industri minyak dan gas asli. Kerajaan Negeri Sabah menandatangani satu perjanjian dengan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) pada 14 Jun 1976 yang memberi milik dan kuasa penuh kepada Petronas untuk mengendalikan proses cari gali dan dagangan minyak petroleum.

Sabah dibayar royalti pada hanya kadar 5% daripada hasil petroleum minyak mentah. Perjanjian ini adalah untuk selama-lamanya. Sejak tahun 2000, beberapa telaga minyak dan gas asli baru ditemui di kawasan laut dalam Utara Barat Sabah. Operasi pengeluaran minyak dan gas daripada telaga-telaga minyak ini dianggarkan berjumlah 400-700 juta *barrel* dan akan menjadikan Sabah sebagai satu negeri pengeluar minyak mentah dan gas asli yang terbesar di negara kita ini.

Petronas sedang membina sebuah kompleks pembentungan minyak mentah dan gas asli yang dikenali sebagai Sabah Oil & Gas Terminal atau SOGT di Kimanis dengan anggaran kos pelaburan sejumlah RM2.5 bilion. Kompleks ini akan dapat menyimpan dan mengendalikan pemprosesan minyak mentah sehingga 300 *barrel* sehari dan gas asli 1.25 bilion standard *cubic feet* sehari. Minyak mentah ataupun *crude oil* telah diproses, akan dieksport menggunakan *floating productions storage and off loading vessel*, dengan izin.

Sementara gas asli pula akan disalurkan melalui paip gas merentasi tanah terus ke kompleks lain di Petronas di Bintulu, Sarawak di mana paip gas sepanjang 90 kilometer akan dibina di kawasan Sabah dan 400 kilometer dalam kawasan negeri Sarawak. Oleh itu, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Petronas memberi keutamaan kepada syarikat tempatan Sabah untuk mengendalikan kerja-kerja pengeluaran pemprosesan minyak dan gas asli yang diperolehi daripada kawasan laut dalam negeri Sabah. Ini termasuk semua bidang seperti penyediaan tapak kompleks, paip saluran, pembekal bahan dan membina struktur telaga minyak dan segala aspek kejuruteraan berteknologi tinggi.

Di mana perlu, syarikat asing dimestikan berusaha sama dengan syarikat tempatan untuk sama-sama menjayakan industri minyak dan gas di negeri Sabah. Juga kerajaan ataupun Petronas mengkaji semula projek pembinaan paip saluran gas asli sepanjang 500 kilometer di Bintulu, Sarawak.

■1500

Sebaliknya Kompleks SOGT wajar diperbesarkan untuk tujuan pemprosesan penggunaan penjana kuasa elektrik dan juga pengeksportan gas asli. Juga saya mencadangkan supaya Petronas mewujudkan Program Pembangunan Vendor atau VDP khas untuk syarikat kontraktor bumiputera Sabah yang terlibat langsung dalam industri minyak dan gas asli di Sabah.

Prestasi Petronas diberikan aras tanda melalui *quarterly progress report* mengenai perkembangan dan pembangunan industri itu di Sabah. Saya juga mencadangkan agar kerajaan Petronas diminta melantik wakil dari setiap negeri pengeluar minyak bukan di Sabah sahaja. Wakil dari setiap negeri pengeluar minyak dan gas asli di Malaysia termasuk Sabah sebagai ahli dan Lembaga Pengarah Petronas dan juga dalam semua anak syarikat milik penuh Petronas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Juga kerajaan meninjau dan mengkaji semula peratusan kadar royalti minyak dengan formula yang berpatutan dan terkini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali menangani isu masalah pendatang tanpa izin dengan berkesan. Tidak dapat dinafikan bahawa kini pelbagai isu dan masalah timbul ekoran kehadiran pendatang tanpa izin yang telah berlarutan sekian lama. Masalah pendatang tanpa izin perlu ditangani dengan lebih menyeluruh. Ini memerlukan pendekatan lebih komprehensif yang melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti majikan, penyertaan pekerja tempatan dalam sektor-sektor berkaitan, kemudahan infrastruktur di luar bandar, peluang-peluang pekerjaan, pengenalpastian teknologi terkini bagi mengurangkan pergantungannya terhadap tenaga buruh dan tidak kurang juga kerjasama dengan negara-negara jiran.

Saya ingin mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen khusus bagi mengubah strategi menyeluruh mengenai kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen termasuk wakil-wakil dari negeri Sabah dan juga ketua-ketua agensi berkaitan. Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab kepada Parlimen dan memberikan tempoh tidak lebih dari satu tahun untuk menyediakan laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku pemimpin dari Sabah percaya bahawa barisan para pemimpin tertinggi Kerajaan Pusat dan juga barisan anggota Jemaah Kabinet Persekutuan akan bersedia menimbangkan usul-usul yang telah pun saya kemukakan itu. Saya juga sedar bahawa pelaksanaan cadangan-cadangan yang dikemukakan ini sekiranya dipersetujui akan mengambil masa.

Namun demikian adalah diharapkan supaya usul-usul dan cadangan-cadangan ini dapat dilaksanakan mengikut satu tempoh jangka yang ditetapkan selewat-lewatnya sebelum pilihan raya yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita berhenti sekejap untuk usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.03 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

3.04 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sangat mustahak yang tidak diambil perhatian oleh pihak kerajaan adalah pengeluaran *birth certificate* kepada pihak-pihak yang dilahirkan di negara ini. Oleh kerana sebab-sebab yang tertentu mereka tidak memberi informasi-informasi yang secukupnya untuk menyediakan sijil lahir. Saya difahamkan sebelum pilihan raya tahun ini, beberapa parti politik Barisan Nasional telah menjalankan satu *public exercise* di seluruh negara untuk mendapat undi kepada mereka dan satu di antara caranya adalah dengan memberi perhatian kepada perkara ini.

Dalam proses itu saya difahamkan lebih 70, 000 telah tampil ke hadapan pegawai-pegawai kerajaan dan memberitahu mereka dan ibu bapa mereka telah dilahirkan di negara ini tetapi oleh kerana pada masa dilahirkan di hospital atau di hospital swasta, anak-anak ini tidak didaftarkan dan tidak memiliki sijil surat beranak. Oleh kerana itu walaupun mereka sudah berusia lebih dari 12 tahun dan masa untuk memperoleh IC, mereka tidak mendapat IC dan oleh kerana perkara tersebut, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran.

Saya difahamkan baru-baru ini ERA Consumer juga telah menjalankan *public exercise* juga di beberapa tempat di seluruh negara dan saya difahamkan lebih 150 ribu orang terlibat dalam hal ini dan kasihan kepada anak-anak ini. *Department* berkenaan melalui soalan-soalan di Parlimen kerap kali mengatakan bahawa tidak ada permohonan yang dibuat oleh ibu bapa, maka mereka tidak mengetahui akan hal itu.

Sebenarnya saya telah berjumpa dengan NGO-NGO baru-baru ini dan mereka memberitahu bahawa anak-anak yang diklasifikasikan sebagai *stateless people* telah pergi ke Pejabat Pendaftaran Negara tetapi terdapat *condition-condition* tertentu seperti mereka perlu membawa ibu bapa mereka. Banyak di antara kes-kes di mana selepas anak-anak ini dilahirkan ibu bapa mereka telah menghilangkan diri dan ada yang telah meninggal dunia dan pegawai-pegawai itu tidak ingin dan tidak mengambil dokumen-dokumen untuk memproses surat beranak.

Oleh kerana itu sekarang kita mempunyai lebih daripada 150 ribu orang di negara ini yang tidak ada dokumen langsung walaupun mereka adalah warga negara Malaysia dari segi undang-undang. Ini adalah kelemahan-kelemahan yang diketahui oleh Kementerian Dalam Negeri, akan tetapi tindakan susulan untuk menolong mereka tidak dibuat. Kerap

kali saya difahamkan masyarakat yang teruk terlibat dalam perkara ini adalah masyarakat India selain dari masyarakat Orang Asli di mana mereka tidak mempunyai surat beranak. Usaha perlu dibuat supaya dan kita perlu faham masyarakat ini bukan sahaja terpinggir, tetapi tidak mempunyai mendapat surat beranak kerana kekurangan beberapa perkara dan ini adalah tanggungjawab sesuatu kerajaan untuk menolong mereka.

Kalau kita boleh memberikan amnesti kepada pekerja-pekerja asing untuk mendaftar, kenapa kita tidak boleh memberikan amnesti kepada warga negara kita sendiri, supaya mereka didaftar diberi surat beranak, diberi kad pengenalan dan diberi hak untuk mengundi di negara ini. Kenapa kita menyingkirkan atau tidak mengambil tanggungjawab tersebut? Saya hairan walaupun Malaysia telah merdeka selama 51 tahun, ini satu tanggungjawab yang senang sahaja. Kita menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, banyak konvensi mengatakan bahawa seseorang yang dilahirkan di sesebuah negara mempunyai hak yang sama dengan *citizen* yang lain. Kenapa kerajaan tidak memberi perhatian supaya pihak-pihak berkenaan ini dapat menikmati apa yang ada dalam negara ini?

Saya difahamkan tahun lalu seorang budak yang ingin melanjutkan pelajaran ke sekolah pun tidak dibenarkan kerana dia tidak mempunyai surat beranak. Ada juga ramai yang tidak mendapat kerja, *stateless person*, kerap kali ditangkap oleh polis kerana mereka tidak ada dokumen-dokumen tertentu. Mereka tidak boleh membuka akaun bank dan tidak dibayar EPF, tidak ada bayaran SOCSO dan tidak boleh menikmati *facilities* di hospital-hospital. Kenapa mereka dipinggirkan? Kenapa kerajaan tidak memberi pilihan yang baik sekali. Ini adalah satu negara yang boleh mengambil kira semua bangsa. Kenapa kita pinggirkan masyarakat-masyarakat macam ini?

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: [Bangun]

■1510

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini adalah satu perkara yang saya rasa kerajaan perlu fikir ambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Adakah selama ini, saya sebenarnya bekas pendidik dan dulu memang kita memberi peluang kepada benda-benda untuk pendaftaran pelajar-pelajar yang begini. Akan tetapi yang saya hairan sikit, adakah selama ini wakil-wakil India yang berada dalam kerajaan selama ini tidak menimbulkan perkara-perkara ini yang menyebabkan kes ini menjadi begitu lama. 50 tahun merdeka baru Yang Berhormat hendak timbulkan. Saya minta komen Yang Berhormatlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya mereka berada di dalam kerajaan tetapi tidak boleh menyuarakan. Itu adalah satu di antara arahan saya ingat dari UMNO, tetapi dekat pilihan raya mereka bukan sahaja menyuarakan tetapi berlawan untuk hak-hak asasi, hak masyarakat India.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mereka ini memperdayakan masyarakat India. Itulah sebab kali ini, mereka telah dibuang...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat Ipoh Barat, mencelah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mereka telah dikalahkan dengan teruk di pilihan raya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Maran, Kuala Krau bangun.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerai, Maran, Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Daripada Perak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri yang mana?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana-mana.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sama-sama dari Perak pun tidak boleh ke?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tertarik dengan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ini, tetapi cerita yang dibawa adalah cerita lama. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya adalah bekas pegawai kerajaan dan saya pernah sendiri terlibat bagaimana langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dari segi pendaftaran ini.

Saya minta kalau Yang Berhormat betul-betul, sila. Sebab itu ditanyakan oleh sahabat daripada Yang Berhormat tadi. Seolah-olah tidak ada wakil baru inilah Yang Berhormat hendak bercakap tentang masalah pendaftaran, masalah seperti ini. Patutnya sudah lama timbul dan kerja yang kita buat selama ini bukan daripada pembangkang. Semua dilakukan oleh pegawai kerajaan yang di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya kita, Yang Berhormat patut malulah. Walaupun kita sudah merdeka 51 tahun, mendapat surat beranak pun susah dalam negara ini. Tak malukah? Kalau anak-anak kita tidak dapat surat lahir, surat beranak, macam mana? Boleh percaya? Kalau boleh tanya Yang Berhormat dalam negara ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap. Boleh, boleh. Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri laluan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *In a few minutes.* Kalau satu soalan dikemukakan kepada masyarakat India, mereka akan tahu. Ramai di antara masyarakat India tidak dapat surat beranak kerana faktor-faktor yang tertentu. Kalau mereka pergi ke pejabat pendaftaran, tidak ada kerani-kerani India atau kerani-kerani Cina untuk mengendalikan perkara yang mereka hadapi. Ini adalah satu di antara perkara yang tersebut tetapi *nothing*.

Kalau kita boleh bagi amnesti kepada orang-orang pelarian dari luar negara, pekerja-pekerja yang bekerja di negara ini yang tidak ada dokumen-dokumen yang tertentu, kenapa rakyat kita sendiri tidak buat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri kepada Yang Berhormat Pasir Salak Yang Berhormat?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau. Dia bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat daripada Perak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah dia apa yang dilakukan oleh pembangkang. Dengar dulu. Bagi *chance* saya hendak bagi soalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau dia buang masa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bertanya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terus, *six million dollar man*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bertanya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He's very specific...*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bertanya, terus. Okey, kalau hendak terus *to the point* boleh?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bertanya, masyarakat India ini datang dari mana? *[Dewan riuh]* Bagaimana kedudukan masyarakat India sejak daripada kita mencapai kemerdekaan? Apa yang kerajaan telah beri kepada masyarakat India? Yang dulu duduk bekerja di estet, bekerja di estet hari ini sudah jadi doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Ipoh Barat, teruskan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah jadi peguam. Sudah jadi usahawan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini tidak perlu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagaimana kata kerajaan tidak... Hei apa pula takut?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Pasir Salak ini...

Seorang Ahli: Besar kepala pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kenyataan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berapa ramai orang India yang sudah jadi doktor, jadi usahawan, jadi jurutera...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mabuk kuasa politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tanya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mabuk kuasa politik.

Dr. Siti Mariam binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bukan kuasa politik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mabuk kuasa politik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa takut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Six million dollar man.*

Seorang Ahli: Sesuatu yang menghina tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semua orang tahu *six million dollar man.*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa di Perak dikatakan Yang Berhormat ini *six million dollar man? Can you answer?* Orang lain tidak tahu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri Yang Berhormat Kota Raja Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini kita punya.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Bukit Gantang hendak bertanya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya belum habis lagi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah habis...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa takut? [*Dewan riuh*]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, tak, kenapa takut?

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Benarkan Bukit Gantang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum Bukit Gantang saya hendak tanya *six million dollar man.* Sudah saya sudah cakap dengan...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduklah apa takut?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cukuplah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak ini tuduhan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya telah diberi *floor* ini dengan izin.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang beri?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya begini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang beri?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kalau kita hendak bertengkar dalam masalah ini dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat telah beri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...saling salah menyalahkan, kita tidak akan boleh menyelesaikan masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang menyalahkan kerajaan?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekarang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasir Salak duduk Pasir Salak. *[Dewan riuh]*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...adakah Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Duduk...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang menyalahkan kerajaan?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Siapa yang memburukkan kerajaan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Ipoh Barat, bolehkah Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang membuat fitnah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Pasir Salak. Ya, Pasir salak, Pasir Salak, cukup.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Oleh kerana kita sudah mengenal pasti bahawa hampir 150,000 yang tiada dokumen untuk mereka mendapat kad pengenalan, bolehkah pihak kerajaan bersetuju kita membuat suatu proses pemutihan *once and for all*, dengan izin untuk kita memberi dokumen yang sah kepada mereka kerana saya telah melihat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siasatlah dahulu hendak beri sahaja, mana boleh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bukan. Itulah sebabnya, tentulah ada prosesnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Jangan beri dengan mudah...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kalau ada *political will*...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: ...kena tau status mereka.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kalau ada kemahuan politik, kita boleh menjalankannya, tetapi janganlah kita meminta sampai 18 syarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukuplah Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: 18 dokumen-dokumen untuk membolehkan mereka untuk mendapat kad pengenalan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukuplah, cukuplah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Itulah cadangan saya. Sila beri penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kota Raja saya hormatkan pandangan Yang Berhormat. Saya ingat sangat... *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...telus dan sangat baik. Ini betul. Ini adalah satu masalah di mana kita hendak cari jalan. Kita datang ke...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Dewan Rakyat supaya kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan kepada Yang Berhormat Kota Belud?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap lagi. Boleh, boleh sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat dia tidak beri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Bukit Gantang boleh, Bukit Gantang?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Masalah yang kita hadapi bukan satu masalah yang unik.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini pembangkang ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini satu masalah yang boleh diselesaikan. Macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja, *very clear* kerana dalam JPN, mereka membuat, memberi beberapa syarat-syarat di mana tidak dapat di - *to full fill by...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Anak-anak yang tidak ada *born certificates*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini menjadi masalah. Saya rasa kalau kita licinkan proses ini. Soalan yang saya tanya adalah senang sahaja. Kalau kita pergi ke...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, ya, ya. Boleh. Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tunggu Yang Berhormat. Tunggu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh tapi tunggu sekejap. *Let me finish my speech*. Sekejap. Boleh, boleh semua boleh. Semua pun boleh, *no problem*. Menteri pun boleh. Tak ada masalah mesti bagi, tapi *six million dollar man* tak boleh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa fasal?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa fasal? *What's the problem?*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah bagi peluang, dia sudah *abuse*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Hendak bagi jalan sekarang Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Standing order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dulu. Dia tak bagi jalan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Standing order* via peraturan mesyuarat. *[Ketawa]* Tarik balik. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan yang mana Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sangkaan jahat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I cannot be wrong this time.*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berniat jahat terhadap saya. Inilah contoh pihak parti pembangkang. Saya minta tarik balik sekarang juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa banyak dicakapkan tentang *six million dollar* ini. Rasanya bagi kita ada kebaikan jika kita tidak merujuk lagi seseorang dengan panggilan sedemikian dan saya beri nasihat dan ingatan agar kita tidak merujuk seseorang dengan panggilan-panggilan sedemikian lagi di Dewan ini.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, tetapi apabila saya kata *six million dollar man...*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... saya katakan *general*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah beri ingatan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya kalau saya memperkatakan kepada seseorang, dia khusus, *I can understand*. Siapa makan cabai dia rasa pedas. *I can...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi memang jelas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Memang jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setiap kali Yang Berhormat, setiap kali perkataan *six million dollar man* ini disebut di Dewan ini, Yang Berhormat Pasir Salak akan bangun. Jadi ...*[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Oh, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi tidak perlu lagilah disebut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berdiri sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bererti ada seseorang yang terkena. Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah sentuh lagi isu itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Seven million dollar man.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta ditarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

■1520

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi, tidak perlu lagilah sebut. Nanti ada seseorang yang terkena. Teruskan Yang Berhormat. Teruskan. Tak payah sentuh lagi isu itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta, saya minta ditarik balik. *No,no,no.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingat ... bunga sekali saya ingat jadi bilion.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no, no, I sudah berceramah 10,000 oranglah. Tak takut itu 70 orang. You ingat / takutkah itu?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau *you* menang Ketua Bahagian UMNO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: 50,000 orang pun saya bersyarahlah. Ini 80 orang tak takutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apalah. Minta tarik balik. Saya tidak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan untuk tindakan kita tidak akan menggunakan lagi perkataan *six million dollar man* dalam Dewan ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak puas hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak ditarik balik. Saya minta ditarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You* pandai *debate* la. *You* dalam Dewan Undangan Negeri tak pernah *debate*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Standing order. You cannot proceed...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, kita sudah buat keputusan Yang Berhormat. Teruskan Ipoh Barat. Nak bagi kepada Kota Belud?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya rasa Ipoh Barat mahu berucap dengan retorik ini kerana ada kawan-kawan yang datang di sini nak menjadi hero kepada satu kaum. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Ipoh Barat. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa ada lebih kurang 18 peraturan yang dikenakan untuk mendaftar, tetapi cara Yang Berhormat Ipoh Barat bercakap seolah-olah 18 peraturan itu hanya dikenakan kepada satu-satu kaum sahaja.

Saya pasti 18 peraturan itu juga dikenakan kepada kaum-kaum yang lain dan kaum-kaum yang lain tahu bahawa peraturan itu dibuat untuk memastikan yang memohon kad pengenalan tersebut ataupun surat lahir tersebut adalah orang yang layak. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kota Belud, nombor satu kita perlu faham. Kita perlu beza antara orang yang terpelajar dan orang yang miskin, yang tidak berpelajaran. Mereka yang terpinggir ini dia tidak faham. *They don't understand* bahawa ada keperluan bila mereka melahirkan anak, mereka perlu mengambil surat beranak. Itu menjadi masalah.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Minta penjelasan, Ipoh.

Seorang Ahli: Tunggulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Krau bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak faham. Dia kelirulah. Lagi tanya soalan. Kita nak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagikah Yang Berhormat? Nak bagi atau tidak Kuala Krau?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lepas inilah. Kita nak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lepas ni Yang Berhormat. Dia tak bagi lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap lagi. Saya habis ini dulu.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Bagi Silam.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Macam Pasir Salak, kita sudah beri tahu sama dia. Dia faham?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Saya beri tahu banyak pendatang tanpa izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silam, duduk Silam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, dia sebut lagi Pasir Salak ini apa tujuan dia? [*Dewan riuh*][*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak salah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, saya nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sebut Pasir Salak tak salah. Dia tak ada *insinuation*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengan izin, *what are you trying to say?* Dengan izin.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No*, tak perlu saya jawab sama *you*. Saya jawab sama wakil pengundi sahaja. Tolong duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Ipoh Barat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pergi dah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mabuk politiklah. Mabuk kuasa politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Itu beres Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih. Dengan itu kita perlu beza. Yang menjadi masalah di antara masyarakat India dan masyarakat Orang Asli

adalah kebanyakan mereka, ibu bapa mereka tidak ada tanggungjawab yang tertentu. Itu sebab mereka. Jadi kita perlu, kita perlu cari jalan dimana untuk mencari, memberi surat beranak, ini bukan menjadi masalah.

Itu saya kata. Yang Berhormat perlu faham. Kalau kita boleh bagi *amnesty* kepada pihak-pihak dari luar negara yang beribu-ribu di sini, kenapa pula kita tidak boleh bagi kepada rakyat kita sendiri. Macam sebelum ini Yang Berhormat Kota Raja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...mungkin di kawasan Yang Berhormat di Kota Belud ini mungkin ada 10 atau 20 orang masyarakat India saja. Mungkin Yang Berhormat tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Laluan, laluan. Yang Berhormat nak bagi Bintulu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau, kalau *you* tak faham, *I cannot educate you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Kuala Krau Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau, kalau Yang Berhormat tak mahu faham, *I cannot further educate you*. Tapi satu perkara...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini masalah kita mesti akui. Ada satu masalah yang tertentu. Kalau pilihan raya dulu, MIC boleh pergi pekan ke pekan. Menteri besar pun datang bagi makanan, beribu-ribu ringgit dibelanja supaya masyarakat India datang dan mendaftar, menunjukkan ada masalah yang tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ipoh Barat nak bagi jalan Yang Berhormat? Nak bagi jalan? Ada tiga wakil Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kuala Krau. Ini Port Klang Free Zone tak perlulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Krau, sila bangun.

Seorang Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Ipoh Barat. Saya ingin bertanya Ipoh Barat. Saya ingin bertanya Ipoh Barat. Sebenarnya Ipoh Barat bukan kali pertama atau penggal pertama di dalam Dewan yang mulia ini. Penggal lepas dan sebelum ini. Sepanjang penggal lepas saya juga berada di dalam Dewan ini. Saya ingat inilah kali pertama Yang Berhormat Ipoh Barat bercakap mengenai isu kaum India, mengenai kad pengenalan.

Sebenarnya, Sabah, Sarawak, Cameron Highland dan juga termasuk wakil rakyat Barisan Nasional memahami tentang masalah pengeluaran kad-kad pengenalan ini. Jadi saya percaya bahawa Ipoh Barat ini dia main politik sajalah. *[Dewan riuh]* Nak tahu Ipoh Barat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini penjelasankah atau perbahasan? Kalau dia nak bahas, mungkin selepas saya hujah, mungkin Yang Berhormat boleh bahas sebab...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebelum ini Yang Berhormat tak pernah bercakap mengenai isu kad pengenalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan. Yang Berhormat, kalau *you* tengok Hansard saya, tahun 1998...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tak, tadi Yang Berhormat bercakap fasal kaum India. Kaum India kata menteri-menteri daripada India telah berjaya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *can I have the floor?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tapi sebenarnya kaum India yang lain daripada Barisan Nasional. MIC bercakap mengenai isu tentang pengeluaran kad pengenalan ini. Bukan saja Ipoh Barat. Ipoh Barat kali pertama. Walaupun tiga, empat penggal menjadi Ahli Parlimen, wakil rakyat di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Bintulu, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap lagilah. Faham apa saya cakap lepas tu tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi, dia tak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ipoh Barat, Ipoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bolehlah Yang Berhormat. Nak bagi atau tak bagi sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pakar Port Klang Free Zone, sekejap, saya habis ini dulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ipoh Barat, bagilah satu minit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No problem, no problem.* Mesti boleh bagi. Semua pun boleh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan semua boleh, boleh tapi tak bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mesti bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, teruskan, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau kita nak *contend* gengster macam mana? Kita perlu mahu cakap dengan Ahli Parlimen yang boleh, sangat pandai cakap dalam hal ini. [*Dewan riu*] Yang Berhormat,

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Merapu, merapu dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan sebut itu isu yang saya sudah sebut. Tadi itu *IC* sama Sabak Bernam, itu isu saya sudah sebut. Sekarang, *sorry*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bintulu, tunggu sebentar, Bintulu. Adakah Yang Berhormat Ipoh Barat merujuk kepada Bintulu sebagai gengster?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak, mustahil.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada niat jahat tu. Itu niat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu tidak boleh disebut Yang Berhormat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, yang mustahak ialah ini. Kalau MIC ada menjalankan tugas-tugas mereka, dan bukan saja saya cakap MIC, UMNO tanggungjawab mereka, MCA...

Seorang Ahli: Jangan tukar topik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semua, semua parti politik negara ini. Kenapa mereka cuai dan tidak menyelesaikan perkara ini. Saya sebelum ini, kawan saya kata ada di sini masyarakat India, kalau saya tidak tahu siapa mereka. Namun, kalau Yang Berhormat berani, tolong turun tanya siapa mereka. Adakah ini...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dia MIC daripada Kuala Krau. Bukan DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan? Ya, Batu Kawan. Sila Batu Kawan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, ini hujah yang dilakukan oleh Ipoh Barat. Saya mahu tau apa sebenarnya satu segmen masyarakat di Malaysia ini dinafikan sivil kelahiran, kad pengenalan. Kenapa kebanyakan mereka ini adalah masyarakat India dan masyarakat-masyarakat yang terpinggir.

Mesti ada satu sebab, punca utama kenapa segmen ini dinafikan satu status yang sangat-sangat mustahak dalam sebuah negara yang sudah merdeka 50 tahun. Kenapa, cuma saya boleh spekulasikan sama ada Kerajaan Barisan Nasional tidak ada *political will* ataupun UMNO mempraktikkan satu jenis perkauman?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat. Baik, cukuplah Yang Berhormat. Ya, nak bagi Kinabatangan, Bintulu?

Seorang Ahli: Bagi, bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah tanya-tanya. Nak bagi tak bagi sahaja Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau *chairman* kita nak bagi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apa. Nak bagi atau tidak? Dia tak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya nak jawab ini dulu, Profesor Ramasamy. Batu Kawan. Yang Berhormat, saya rasa bukan saja *political will*, saya rasa dalam 51 tahun ini mereka telah lalai dan cuai dalam hal ini. Saya rasa jangan kita politikkan secara *because this is political issue*. Saya tidak ada *political mileage*, tetapi ini adalah satu perkara bukan saja khusus kepada masyarakat India, masyarakat Orang Asli dan masyarakat-masyarakat lain juga. Orang Melayu, orang Cina, di mana mereka ada banyak juga, ada ramai di antara mereka yang tidak ada surat beranak.

Apa yang saya katakan adalah kenapa kita boleh bagi *amnesty* kepada pekerja-pekerja asing? Kenapa kita tidak boleh cari satu jalan memberi *amnesty* kepada masyarakat-masyarakat ini. Mereka ada beberapa halangan. Di antaranya tidak boleh ke luar negara, tidak boleh melanjutkan pelajaran. Itu saya ada, Tuan Yang di-Pertua. Kerap kali dalam Parlimen ini, bukan kali pertama bukan kali pertama. Dari tahun 1997, dengan izin, *the highest alcoholic rate, the highest social rate, the highest single mothers, the highest communist cases, the highest of unemployment, highest job poor and school* siapa itu? Masyarakat India.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan? Kinabatangan, Bintulu bangun, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini, ini *chairman*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Chairman* Bintulu. Silakan Bintulu.

■1530

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Ipoh Barat pun sudah bangga dalam Dewan ini. Mengenai ini isu kad pengenalan, surat beranak ataupun sijil mati, saya sudah dua penggal dalam Dewan ini saya sudah bahas perkara ini, tetapi Ipoh Barat sokong. Tapi kali ini, saya mahu tanya Ipoh Barat *you copyright* daripada saya punya ucapankah? Ada *copyright*kah? *You* tak percaya cuba tanya itu Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri. Tanya dia, dulu dia ada dalam kementerian ada dengar tak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia orang dengar tapi pekak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ipoh Barat, bagi saya satu minit lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak perlulah. Kalau saya bagi peluang pun...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ipoh Barat saya mahu bagi tahu kita mahu selesai masalah ini, mesti mahu semua pihak bekerjasama...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak boleh selesai. Bila Barisan Nasional lagi berkuasa tak boleh selesai.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...termasuk keluarga baru boleh selesai. Betul tak?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau Barisan Nasional lagi berkuasa, lagi 50 tahun, 100 tahun perkara ini takkan boleh diselesaikan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan ini macam tuduh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak boleh!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau ini macam tuduh...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini saya cakap benar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita selesai masalah bukan cara letak kuasa boleh selesai.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada Senator...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat, saya memperingatkan Yang Berhormat hanya ada 4 minit lagi. Jadi kalau bagi, tak nak bagi itu atas Yang Berhormatlah. Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Barat. Berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Ipoh Barat tadi berkaitan dengan masalah sijil kelahiran dan kad pengenalan ini bukanlah satu masalah kerajaan.

Yang pertama sekali kita perlu faham, sebagai ibu bapa kita perlu bertanggungjawab setelah kita melahirkan anak kita ada undang-undang yang perlu kita patuh... [*Tepuk*] di mana jika sekiranya kita gagal mendaftar seseorang anak itu setelah tujuh hari, maka ia dikira sebagai...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tak mahu. Bukan penjelasan. Tak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita janganlah menyalahkan kerajaan.

Tuan T. Murugiah: Hari itu yang Yang Berhormat cerita itu, saya yang buat di Ipoh, saya yang kumpulkan orang. Saya berurusan sendiri, waktu itu saya belum ada apa-apa jawatan. Saya sudah melakukan sesuatu, tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat, apa tindakan Yang Berhormat buat? Kami dah usahakan. Takkanlah - kita manalah tau, kalau kita sakit kita kena cari doktor, bukan doktor pergi cari pesakit. Kenalah datang jumpa dengan kami. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, suruh dia meletakkan jawatan. Bila kita ambil jawatan, kita ambil kerajaan, saya boleh usaha semua. *One go I can settle the matter.* Dalam satu hari boleh selesai semua hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang kedua adalah mengenai *full employment*. *Full employment* yang diberitahu oleh kerajaan baru-baru ini, di mana dikatakan bahawa kita telah mencapai *full employment*, tetapi saya nak tanya kerap kali perkara ini saya bangkitkan dalam Parlimen ini. Bila kita ada *full employment*, macam mana kita tak boleh bagi *unemployment benefit*? *No rational*. Kita ada *full employment* di negara ini dan bila saya tanya asas macam mana kita ada *full employment*, statistik mana yang kerajaan dapat untuk mengatakan bahawa ada *full employment*? Kerajaan kata mereka berasas dari apa yang diberi oleh Jabatan Buruh.

Saya telah kerap kali memberitahu bahawa Jabatan Buruh bukanlah satu *source* yang boleh dipercayai, kerana ramai di antara pekerja-pekerja dan penganggur tidak mendaftar dengan *labour office*. Ini menjadi masalah. Kita semua tahu walaupun kerajaan kata *full employment*, tetapi sebenarnya bukan *full employment*. Kerajaan mesti mencari usaha untuk memberi pampasan untuk bayaran bulanan kepada pihak-pihak yang tidak dapat kerja atau menjadi penganggur.

Perkara yang lain adalah pekerja-pekerja asing Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa di negara ini kita ada pekerja-pekerja asing Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat gulung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini bila saya mula, Tuan Yang di-Pertua tidak memberitahu masa untuk kita berucap. [Ketawa] *I don't want to argue with you.* Saya dapati *actually today* yang kedua ialah Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya *there's no time need for them*. Jadi bila saya bermula oleh sebab masa tidak diberitahu boleh saya diberi sedikit kelonggaran. *I will rush out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta maaf Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit, *I will rush out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita dah buat keputusan pagi tadi. Selepas ini mungkin selepas perbahasan ini peringkat kementerian nanti, you boleh bangkitkan sekali lagi, tetapi untuk ini sila gulung Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Foreign workers* di negara ini ada lebih kurang dekat 3 juta orang. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak kerana kita tak perlu pekerja sebanyak itu berada di negara ini kerana ia:

- (i) mengambil tempat kerja pekerja-pekerja negara kita;
- (ii) ramai di antara pekerja-pekerja negara kita diusir, disingkir daripada beberapa *factories* dan pekerja-pekerja asing diberi keutamaan dan ini perlu diambil perhatian oleh kerajaan, dan

kita perlu ambil tindakan juga kenapa *outsourcing* menjadi satu perkara yang sangat lumayan, di mana pihak-pihak yang ada *connection* dengan parti-parti politik mendapat lesen-lesen yang tertentu di antaranya 221 agensi, di mana mereka diberi untuk membawa pekerja-pekerja asing...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung Yang Berhormat. Habiskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tak boleh habis. Boleh, lagi dua perkara sahaja. Lagi satu perkara adalah bayaran gaji mingguan...

Seorang Ahli: Yang Berhormat cukup, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... yang kerajaan perlu kaji. Di sesi yang dulu bila saya membangkitkan perkara ini Yang Berhormat Alor Gajah menjawab dia tak faham apa yang saya cakap. *Weekly wage he doesn't understand. He doesn't have a clue. What is weekly wage ?*

Kita bekerja untuk 52 minggu, tetapi kita hanya dibayar untuk 48 minggu. Kerajaan dan swasta menipu pekerja-pekerja dalam negara ini. Sebenarnya kalau gaji mingguan dibayar, ini semua akan memberi lebih manfaat kepada pekerja-pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akhir sekali Gareth Api Richards siapa tu? Dia adalah seorang *senior research officer* dalam AG Chambers. Ini kali ketiga saya bangkitkan perkara ini. Kenapa beliau diberi satu *senior research fellow* dalam AG Chambers? Dia adalah seorang pegawai di University of Philipine di mana dia telah disingkirkan kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat dah *repeat* perkara tiga kali dah. Tak boleh lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dalam *policy stage*. Dahulu dalam *Committee stage*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya baca Hansard Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini *last* sekali, Gareth Api Richards lagi ada di sana. Kalau kita taip dalam internet, dia lagi pegawai yang atasan di sana. Saya nak tanya soalan ini satu hal saja. Macam mana pegawai ini boleh dilantik? Dia menjadi seorang pegawai yang tertinggi dalam negara ini untuk memberi kursus tertentu kepada DPP, Majistret dan *Session Sourt Judges*. *What kind of quality of law officer we are going to get when this kind hopeless, useless, fraudulent man is working with AG Chambers.*

Saya nak tahu kalau dia boleh disingkir dan dibuang kerja oleh University of Philipnie, kerana beliau mengatakan beliau tak ada Ph.D dari Manchester University dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, di sini pun Yang Berhormat baru sedikit kuasa diberi, tak nak berhenti, Tuan Yang di-Pertua bagi tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Last*. Ini adalah satu perkara yang saya rasa perhatian perlu diambil supaya jangan kita adakan *fraudulent foreigners* bekerja di negara kita, kerana ini juga satu perkara, kita ada peguam-peguam yang lebih dari layak. Kenapa mereka tidak dilantik untuk bekerja di AG Chambers. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang Sarawak yang pertama bercakap hari ini. Batang Sadong.

3.38 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berucap mengenai pembangunan infrastruktur awam khususnya di kawasan saya, iaitu di kawasan Batang Sadong. Terlebih dahulu saya bagi pihak mereka di Batang Sadong dan mereka di Sarawak mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, yang mana telah membawa banyak pembangunan di negeri Sarawak. Oleh sebab proses pembangunan ini merupakan satu proses yang berterusan, maka saya mohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan peruntukan untuk pembangunan agar jalan raya dibina dengan segera bagi kawasan-kawasan terpencil yang masih belum menikmati kemudahan asas khususnya di kawasan saya di Batang Sadong.

■1540

Sekarang ini, rakyat yang duduk di seberang sungai di Simunjan dan Sadong Jaya, terpaksa mengharungi laluan sungai yang dihuni oleh sang buaya. Sementara itu jumlah penduduk miskin tegar adalah tinggi iaitu seramai 572 berbanding dengan penduduk seramai 3,141 orang di kawasan itu sahaja - bukan seluruh Batang Sadong. Saya memohon agar jalan raya dibina kerana ia memang dapat dibina berdasarkan jalan *ban* mohon izin, yang telah wujud di situ, namun ia sudah mendap dan tidak dapat digunakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk yang tinggal di seberang sungai ini bukan sahaja ketinggalan dari segi kemudahan jalan raya, malah mereka juga dinafikan dari menikmati pembangunan dari segi bekalan tenaga elektrik dan bekalan air bersih. Mereka terpaksa menakung air hujan, seperti rakan kita dari Kimanis, Sabah tadi menyentuh mengenai air perigi, begitu juga kami di Batang Sadong.

Keadaan amat menyedihkan apabila musim kemarau. Pernah berlaku kematian waktu kemarau di mana orang kampung menghadapi masalah untuk memandikan mayat. Agak sedih, apabila menghadapi masalah seperti itu. Sehubungan dengan itu, tidak ramai remaja yang mahu tinggal di kampung kerana kesempitan hidup, mendesak mereka untuk keluar mencari pekerjaan di bandar. Kalau ada pun yang tinggal hanya kerana mereka terpaksa menjaga orang tua mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya di kawasan mereka ini dibina jalan raya dan kemudahan asas yang lain sebagai penghubung dari kampung mereka ke pekan yang berdekatan, maka kuranglah kesengsaraan yang mereka tanggung. Sekurang-kurangnya mereka boleh menaiki van atau kenderaan darat dan dalam masa yang cepat boleh tiba ke destinasi mereka. Selain itu juga penduduk boleh mencari rezeki di pekan. Mereka juga boleh memasarkan produk mereka dari hasil pertanian penduduk.

Buat masa sekarang hasil-hasil pertanian hanya dapat dipasarkan ke kawasan-kawasan setempat yang amat terhad. Sejumlah 21 buah kampung yang termasuk di bawah kawasan miskin tegar ini adalah di kawasan Sadong. Sekiranya projek pembangunan jalan raya, tenaga elektrik dan bekalan air bersih diberi kepada rakyat, maka ia boleh membantu meningkatkan taraf ekonomi dan sosial penduduk di sekitar kawasan ini, dalam usaha kerajaan menghapuskan kemiskinan tegar. Perkara seterusnya ialah mengenai aktiviti pertanian dan asas tani...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Yang Berhormat Batang Sadong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa sedih sekali mendengar hujah-hujah daripada sahabat saya Ahli Yang Berhormat Batang Sadong. Ada

20 buah kampung yang sungguh terpencil dan tidak mempunyai jalan raya, jalan-jalan kampung serta tidak ada bekalan air dan elektrik, tetapi saya faham bahawa KPLB ini ada sekatan sedikit kerana tidak mempunyai cukup peruntukan dalam masa satu tahun setengah. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada KPLB untuk mendapat peruntukan yang secukup-cukupnya, supaya ini dapat diatasi dalam masa yang terdekat? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya untuk perkara ini memanglah kita tidak mengharapkan semuanya sekali diberikan kepada kita, tetapi sekurang-kurangnya berilah keutamaan kepada kawasan kita.

Kita telah menyenaraikan kawasan-kawasan yang perlu diberi keutamaan, kerana ia memang dalam keadaan yang darurat. Kalau kita biarkan mereka melalui jalan sungai risikonya amat tinggi kerana banyak buaya. Siapa yang hendak bertanggungjawab terhadap nyawa mereka. Inilah yang kita hendak bawakan di Dewan ini supaya mereka yang bertanggungjawab dalam mengagihkan peruntukan boleh membantu kita untuk meningkatkan lagi peruntukan, supaya mempercepatkan lagi pembangunan di kawasan kita.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Mohon laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Saya teruskan. Kerajaan baru-baru ini mengumumkan untuk menjadikan Sarawak salah sebuah tempat sebagai jelapang padi Malaysia.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Batang Sadong dan Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju apabila jalan raya-jalan raya, tenaga elektrik dan bekalan air bersih diberikan kepada penduduk luar bandar akan membantu tujuan kerajaan untuk mewujudkan modal insan yang lebih baik lagi? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih di atas soalan tersebut kerana ia memang akan saya sentuh nanti. Saya memang bersetuju kerana itulah yang kita kehendaki.

Saya teruskan. Kawasan Batang Sadong mempunyai beberapa kawasan yang telah pun mengusahakan aktiviti tanaman padi. Metodologi yang digunakan adalah cara tradisi dari tahun musim pemerintahan Jepun lagi sehinggalah sekarang. Ada juga di kalangan penduduk sudah memberhentikan kerja-kerja penanaman padi kerana tidak tahan mengusahakannya lagi. Ramai dari petani ini adalah terdiri dari golongan orang tua kerana orang muda meninggalkan kampung untuk mencari rezeki di luar kampung. Tambahan pula tidak berbaloi bagi mereka mengusahakan tanah mereka yang memenatkan mereka, sedangkan hasilnya tidak begitu lumayan berbanding dengan hasil dari kelapa sawit. Ini adalah akibat daripada teknologi dan teknik yang terlalu banyak menggunakan tenaga manusia yang tidak menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan keluaran padi yang berterusan dan bagi menyahut seruan kerajaan untuk menggalakkan penanaman padi sebagai makanan utama kita, di samping menyokong dasar kerajaan dalam perancangan makanan negara dengan izin, iaitu *food plan*, kita menyeru agar agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, mengkaji tanah yang digunakan untuk bertanam padi. Di kawasan Gedung dan Simunjan misalnya, tanah amat sesuai untuk tanaman padi malah sudah menghasilkan beras wangi yang dipasarkan di pasar raya. Sebagai langkah untuk menggalakkan penanaman padi ini, apa kata kalau Jabatan Pengairan dan Saliran membuat sistem perparitan dan saluran di kawasan tanaman padi ini kerana ia sudah mula susur dan tanaman yang dimasuki air sungai telah banyak yang rosak.

Kita juga menggalakkan pihak-pihak tertentu yang berminat untuk mengusahakan projek pertanian, khususnya penanaman padi ini untuk memperkenalkan teknologi pertanian yang moden. Dengan cara begini kita boleh membantu penduduk kampung untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka dan juga boleh menarik minat lepasan sekolah ataupun lepasan pengajian tinggi, untuk mengusahakan tanah mereka daripada ia terbiar. Golongan muda yang menjalani usaha tani ini bolehlah menjadi usahawan tani. Kerajaan

perlu memberi galakan agar bidang usaha tani ini diberi pengiktirafan oleh masyarakat niaga.

Seiringan dengan harga barangan yang lain, naikkan harga padi agar para petani tertarik untuk menanam padi. Dengan meningkatnya bilangan orang yang menanam padi maka tinggilah produktiviti kita, dan dapatlah kita menghasilkan dan menjual beras kepada negara luar selain dari untuk makanan dalam negeri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pembangunan modal insan. Kita sering mendengar fokus kerajaan yang menjurus kepada pembangunan modal insan. Di kawasan saya, terutama sekali di Simunjan dan Gedung, tiada tarikan kepada lepasan sekolah untuk menceburkan diri dalam kursus-kursus meningkat kemahiran. Kalau ada pun yang berminat mereka terpaksa meninggalkan kampung dan berhijrah ke bandar. Oleh sebab itu mereka yang balik ke kampung setelah begitu lama di bandar dapat merasakan bahawa tiada apa-apa pembangunan ataupun tiada apa yang boleh menarik minat mereka, kerana tiada perubahan ketara bagi mereka. Mereka membezakan dengan keadaan di Semenanjung ataupun di luar negeri.

■ 1550

Saya mencadangkan agar dibina pusat seperti mini Giat Mara dan tempat khas untuk remaja dibina di Simunjan bagi membolehkan belia-belia mempelajari kemahiran yang diminati mereka.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada tiga orang yang berdiri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Biar saya habiskan semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Bagi membolehkan belia-belia mempelajari kemahiran yang diminati mereka dalam bidang teknikal, dan juga perkhidmatan kaunseling diberi kepada mereka yang memerlukan. Silakan, terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Saya bersimpati dengan yang Berhormat yang membela nasib masyarakat di sini. Kita ini sebuah negara membangun. Saya dahulu pun di kawasan saya macam kampung Yang Berhormatlah. Alhamdulillah kerana berminat Yang Berhormat sebagai calon Barisan Nasional. Bahkan saya minta pandangan Yang Berhormat.

Sebahagian daripada kawasan kita di Semenanjung termasuklah kawasan-kawasan dimenangi oleh pembangkang ini, sebenarnya yang membangunkannya ialah Kerajaan Barisan Nasional, Barisan Nasional, bukan mereka. Mereka ambil kesempatan sahaja. *[Ketawa]* Apakah pandangan Yang Berhormat tentang kawasan Yang Berhormat? Siapakah yang membangun sekarang? Kerajaan mana yang membangunkan walaupun dalam proses pembangunan seterusnya? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]: Okey, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya sambung sedikit Yang Berhormat. Saya sambung sedikit soalan itu, kalau boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong. Sedikit waktu lalu, saya membuat penyelidikan tentang jurang digital ataupun *digital divide* dengan izin. Apa yang paling saya agak terkejut dengan penemuan bahawa dalam laporan Kementerian Pelajaran sendiri, wujud 1,500 sekolah yang bukannya dipisahkan jurang *divide* tetapi tidak punya bekalan air dan api.

Apabila saya menekuni fakta-fakta ini, 95 peratusnya datangnya daripada negeri-negeri Sarawak dan Sabah sementara kedua-dua negeri ini merupakan negeri paling kaya di seluruh Persekutuan ini. Tentunya Yang Berhormat sedia maklum betapa penting dalam hal modal insan ini bagaimana kedudukan ini masih berterusan setelah empat purnama merdeka dalam Persekutuan Malaysia ini. Sila Yang Berhormat komentar perkara ini.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Dari saya memulakan ucapan saya tadi, saya telah mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Saya bersetuju memang pembangunan yang dibawa adalah dari Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jadi, apa-apa yang berlaku memang tidaklah dapat kata orang dapat dilakukan untuk sekali gus semua kita hendak capai, tetapi apa yang kita hendak ialah kita hendak cepatkan lagi sekarang sebab kawasan kita luas berbanding dengan di Semenanjung.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pohon laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Tidaklah dapat hendak dibuat sekali gus dan terus mendapat apa yang kita mahu. Saya tidak dapat beri peluang dahulu ya. Saya hendak habiskan ini takut momentum sudah hilang nanti.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Okey, saya teruskan ya, terima kasih. Sekurang-kurangnya lepasan sekolah yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang akademik boleh mempelajari kemahiran lain mengikut minat masing-masing sebab semasa saya pergi ke kawasan situ, saya nampak potensi penduduk-penduduk di situ dari kecil sampai ke tua pun, mereka mempunyai bakat-bakat tertentu. Berpotensi untuk diketengahkan.

Jadi saya rasa kalau dibina satu pusat seperti Giat Mara, itu satu *resemblance* dengan izin macam mini Giat Mara, ia boleh membantu. Mengikut banciaan yang dijalankan pada tahun 2006, terdapat seramai 69 peratus daripada 3,141 orang tadi terdiri dari golongan belia dan dari keluarga miskin tegar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalaulah diwujudkan sebuah pusat meningkatkan kemahiran diri, maka kuranglah bilangan remaja yang meninggalkan kampung mahupun menganggur. Mereka boleh juga menemani keluarga mereka yang sudah tua. Selain itu, mereka yang sudah mendapat latihan kemahiran ini bolehlah pada satu hari nanti membuka perusahaan sendiri.

Namun begitu, pembangunan modal insan tidak akan dapat dicapai dengan jayanya tanpa pembangunan fizikal infrastruktur asas diberi kepada mereka. Kedua-dua ini perlu diseimbangkan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Saya masih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak bagi peluang Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Nanti kalau ada cukup masa, saya bagi peluang ya. Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan Program *Homestay* yang diusahakan di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia. Program ini telah banyak membantu penduduk kampung dalam pelbagai aspek. Misalnya penduduk kampung digalakkan mengamalkan tradisi masyarakat kampung supaya ianya tidak pupus. Kalau mereka yang dalam bahasa Sarawak kita sebut 'berambeh' dengan izin, dalam bahasa Sarawak ia bermakna orang yang datang bermalam di rumah mereka, boleh mengetahui sambil mempelajari adat dan budaya orang di situ.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar juga perlu dipelihara dengan baik kerana untuk menarik pelanggan yakni pelancong untuk menyukai sesuatu tempat itu ialah dengan memulihara persekitaran. Ini termasuklah memulihara binatang di kawasan tersebut. Misalnya saya mempromosi buaya di kawasan saya. Misalnya kawasan saya terdapat banyak buaya di Batang Sadong. Kita boleh bina satu tempat khas dengan izin *look out*

point untuk menyaksikan buaya yang terapung di sungai ataupun menyaksikan buaya yang berjemur *sunbathing* dengan izin di tebing sungai.

Sebab ramai daripada kita tidak mempunyai peluang tersebut, maka saya mempromosi kawasan saya supaya Yang Berhormat semua boleh datang ke kawasan saya. Banyak lagi sumber-sumber asli mahupun sumber lain di kampung tersebut berpotensi untuk dijadikan bahan tarikan pelancongan. Sekali lagi saya mohon di sini agar kawasan kami dibina pembangunan fizikal bagi memudahkan pelancong untuk datang ke kawasan kami.

Semua keperluan kami untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di Batang Sadong berkisar kepada keperluan asas iaitu *accessibility* seperti jalan raya, bekalan tenaga elektrik dan bekalan air bersih.

Saya ingin menyentuh mengenai kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi tanggung jawab kita semua untuk memulihara alam sekitar bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan generasi yang akan datang. Ramai orang meninggal dunia akibat dari penyakit kanser dan seperti mana yang sering dijadikan sebagai penyebab penyakit kanser ialah pemakanan, air dan amalan hidup masyarakat yang terlalu sibuk sehingga tidak ada masa untuk menjaga kesihatan diri. Di sini saya ingin menyeru kepada kerajaan agar meningkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat bagaimana untuk menjaga kesihatan mereka. Tingkatkan program-program dan prasarana seperti mana yang dibawa ke bandar untuk dibawa ke kawasan luar bandar supaya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat, minta laluan. Penjelasan sahaja sedikit.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Sekejap ya. Supaya mereka sama-sama dapat menikmati hasil dari kemerdekaan negara selama 50 tahun. Silakan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Sadong. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, sebenarnya saya agak kelirulah dengan ucapan Yang Berhormat yang pada awalnya mengucapkan terima kasih kepada Barisan Nasional untuk pembangunan yang dibawa dan selepas itu mengkritik Kerajaan Barisan Nasional kerana tidak membawa pembangunan. Ini merupakan satu kenyataan yang agak mengelirukan. Sambil kita berkata terima kasih, selepas itu semasa itu, kita kata sudah 46 tahun tidak ada perbezaan, keadaan kita macam itu juga dan ada pula yang bertanya sama ada pembangunan yang dibawa itu datangnya daripada Barisan Nasional. Adakah Yang Berhormat mengenali mana-mana kerajaan yang memerintah Persekutuan, negara Malaysia ini selain daripada Barisan Nasional?

Sekiranya pembangunan tidak datang kepada tempat Yang Berhormat, tidakkah ianya menunjukkan bahawa dasar pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional itu tidak adil dan berat sebelah? Saya rasa apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat daripada Kimanis dan daripada Sabah dan daripada Sarawak yang lain, semuanya menunjukkan kepada kita bahawa walaupun ada pembangunan, hakikatnya Kerajaan Barisan Nasional telah bertindak dengan secara yang tidak adil. Inilah satu perkara yang saya rasa perlu ditegaskan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ini selalunya memang kita menghargai apa yang orang beri kepada kita. Sebab itu kita berterima kasih kerana Kerajaan Barisan Nasional telah membawa pembangunan dari awal. Namun memang tidaklah mencapai apa yang kita kehendaki setakat ini. Sebab kawasan kita luas. Jadi memang saya tidak mengkritik kerajaan.

■1600

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Saya memang ucapkan banyak terima kasih, menghargai apa kerajaan telah bagikan, iaitu Kerajaan Barisan Nasional kepada kita. [Tepuk]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Soal keadilan...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon laluan dulu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dari segi agihan kekayaan negara. Bukankah itu..

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bagi laluan dulu, jangan terus cakap.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Satu persoalan...

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Biar Yang Berhormat Shah Alam sambung dulu ya. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita memang sebagai orang Islam, orang Melayu, kita bersyukur dengan segala yang diberi dan ini memang satu perkara yang bagus, tetapi sambil itu ianya adalah amat penting bagi kita untuk juga menuntut keadilan. Lalu sekiranya kita duduk di dalam satu banglo seperti mana yang diberikan contoh oleh Yang Berhormat Kimanis tadi, duduk di sebuah banglo tetapi terpaksa tidur di tepi tandas. Kalau begitu lebih baik kita punya rakan kongsi banglo yang lain. Kita usir keluar rakan kongsi yang ada sekarang ini [*Ketawa*] dan kita cari rakan kongsi yang lain yang akan bertindak dengan lebih adil terhadap kita walaupun kita berterima kasih dengan apa yang telah diberi. [*Disampuk*]

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Persoalannya, tidakkah persoalan keadilan dan hak kepada rakyat di negeri Sarawak perlu juga diperjuangkan oleh Yang Berhormat dari negeri Sarawak. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Sekarang ini Yang Berhormat duduk sebelah sana, sebab itu bercakap sedemikian. [*Disampuk*] [*Tepuk*] Sebab Yang Berhormat pun tahu kawasan Sarawak itu luas berbanding dengan di Semenanjung Malaysia ini, satu-satu negeri itu kecil. Kita di Sarawak itu besar. Jadi kita faham sebab itu kita di Sarawak ini orang sentiasa bersyukur. [*Tepuk*] Orang sentiasa bersyukur dan berterima kasih dan dengan itu kita sering meminta sahaja supaya ianya dipertingkatkan dan difahami oleh semua supaya rakan di sana pun faham kenapa kita minta lebih supaya tidak ada yang bising kepada kita. Faham kerana bukanlah kerajaan tidak adil kepada kita tetapi terpaksa mengagihkan kerana keluasan yang begitu besar tempat kita, kawasan kita. [*Tepuk*] Terima kasih.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batang Sadong, saya memperingatkan masa itu berjalan cepat. Kalau hendak bagi peluang, bagilah. Terima kasih.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Batang Sadong. Saya juga berkesempatan untuk pergi ke negeri Sarawak. Saya punya persoalan daripada apa yang diutarakan tadi ialah tentang apakah persoalan peruntukan yang menjadi masalah atau adakah peruntukan itu ada tetapi dari segi pelaksanaannya, macam mana ia diagih-agihkan peruntukan itu. Itu pun saya kira perlu diambil kira dan ini akan memberi kesempatan kepada sejauh mana kita kata kecekapan pentadbiran di negeri Sarawak itu untuk mengagih-agihkan segala projek pembangunan yang diberi kepada negeri Sarawak.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat dengar tadi, saya menyeru agar ditingkatkan peruntukan. Jadi tidak ada masalah peruntukan. Dipertingkatkan sahaja untuk kita. Jadi saya teruskan ya, terima kasih.

Saya menyarankan agar diadakan program pemeriksaan *pap smear* secara percuma, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kaum hawa yang tinggal di kampung kawasan pedalaman. Kita juga memerlukan pendidikan dari segi penjagaan pemakanan

dibawa ke kawasan luar bandar agar kita mempelajari mengenai pemakanan yang seimbang.

Dari segi penguatkuasaan pula, terutamanya kebersihan di sekitar bandar, saya berharap agensi-agensi berkaitan menguatkan lagi kerja-kerja penguatkuasaan. Saya berkata demikian kerana kebersihan alam sekitar merupakan salah satu faktor yang menarik minat pelancong ke negara kita. Kalau kita pergi ke klinik, misalnya, terdapat sebilangan klinik swasta yang masih belum dapat mencapai tahap kebersihan tandas yang baik. Begitu juga dengan tandas di tempat makan serta di pejabat-pejabat kerajaan.

Pernah saya pergi ke satu agensi, apabila ditanya kepada jabatan tersebut kenapa tandas tidak bersih dan tidak dijaga dengan baik. Jawapan mereka ialah tiada peruntukan untuk membayar orang membersihkan tandas. Jawapan ini tidak memuaskan hati kerana siapakah yang mengguna tandas tersebut? Ianya sebagai satu tempat yang diguna sama oleh semua, maka kita perlu bertanggungjawab terhadap penggunaannya. Ini bukan soalan peruntukan. Saya harap semua kita mengambil inisiatif untuk membersihkan tandas yang kita sendiri guna agar ianya tidak menjadi satu tempat yang begitu menjijikkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai peluang untuk penjawat-penjawat awam di jabatan Kerajaan Persekutuan di negeri Sarawak. Apa yang menjadi keresahan kepada pegawai-pegawai dari Sarawak yang bekerja di jabatan Kerajaan Persekutuan ialah peluang untuk mereka naik pangkat dan memegang jawatan seperti pengarah mahupun jawatan-jawatan utama yang lain amat tipis. Apabila ada kekosongan, peluang itu diberi kepada rakan-rakan dari negeri lain. Ini adalah diserukan oleh mereka dari Sarawak, minta saya bawakan ke Parlimen. Tiadakah mereka yang berkelayakan? Selama ini memang mereka membuat kerja-kerja tersebut dan untuk diberi peluang memegang jawatan-jawatan yang tersebut. Mohon diambil perhatian serius mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Gawai, "*gayu guru gerai nyamai*" kepada rakan-rakan berbangsa Dayak dan Selamat Hari Keamatan kepada rakan-rakan dari negeri Sabah. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

4.06 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan nada tegas Seri Paduka Baginda telah memberi pesanan kepada semua rakyat Malaysia termasuk juga wakil-wakil rakyat sama ada daripada kerajaan mahupun pembangkang supaya lebih bertanggungjawab membawa arus pembangunan negara ke arah yang lebih adil dan lebih saksama dan ini memperlihatkan bahawa Seri Paduka Baginda begitu yakin terhadap institusi politik negara agar dapat disusun dan disemai kepada generasi rakyat Malaysia yang baru ke arah bagaimana mereka mewarisi kepimpinan negara masa akan datang.

Walau bagaimanapun, saya melihat atau memerhati rata-rata wakil rakyat daripada pembangkang jauh berubah. Ini mungkin disebabkan mungkin mereka mendapat sokongan lebih sedikit daripada pilihan raya-pilihan raya yang lalu iaitu mereka mendapat kemenangan di Dewan Rakyat, 82 Ahli Parlimen. Dengan sombong, dengan bongkak, dengan ego, mereka mengatakan bahawa tsunami telah berlaku dalam politik negara kita. Tidak ada tsunami, Tuan Yang di-Pertua. *No such thing*, dengan izin. Yang ada cuma perubahan.

Sudah adaltah pepatah Melayu memang jelas, setiap air ada pasang ada surutnya, ada kalah ada menangnya, ada menangis ada ketawa, ada susah ada senang – perkara biasa.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada siang ada malam, ada lelaki ada perempuan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini proses biasa dan bagi saya, dalam Barisan Nasional, kekalahan ini merupakan satu hikmah dan memberi kekuatan kepada kami untuk terus berjuang kepada rakyat. *[Tepuk]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Titiwangsa bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu cepat. Kalau rasa panas, dengar dulu sekejap.

Seorang Ahli: Takut!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak pernah takut, ini anak laki-laki. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap. Saya bagi, sekejap. Mana ada tsunami, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Bagilah soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Barisan Nasional menang 140, pembangkang dia kata ada pakatan. Mana ada pakatan rakyat? Rakyat tidak berpakat menjatuhkan Barisan Nasional, rakyat masih sokong Barisan Nasional. *[Tepuk]* Tidak ada ungkapan Pakatan Rakyat. Cuma pembangkang berdegar-degar dengan perkataan rakyat, tetapi pembangkang yang minoriti. Yang majoritinya kata Barisan Nasional *is the good, is the best*. *[Tepuk]* Masih memerintah. Apa dua pertiga, Tuan Yang di-Pertua?

Kita sudah berapa tahun pilihan raya, majoriti dua pertiga. Kita tidak guna kuasa dua pertiga untuk menggubal Perlembagaan, undang-undang untuk mendiskriminasikan lain-lain kaum untuk menganiayai suku kaum tidak pernah berlaku.

■1610

Dalam sejarah politik dunia saya telah membuat kajian, jarang yang ada mendapat 2/3, tidak ada. Apa 2/3, menang satu pun kita menang, kita memerintah, kita berkuasa. *[Tepuk]* Itu peraturannya dan pembangkang harus menerima hakikat pilihan raya kali ini rakyat masih memilih Barisan.

Dr. Siti Mariam binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa perlu ada ungkapan-ungkapan provokasi-provokasi yang menyinggung kita. Ini perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Laluan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya semenjak masuk Parlimen ini, macam-macam saya dengar, saya orang baru tetapi bila kita menuduh orang lain bongkak dan sombong.

Sebelum pilihan raya dulu, Barisan Nasional juga mendabik dada dengan mengatakan Barisan Nasional sahaja yang mampu memerintah negara ini dan Barisan

Nasional sahaja mampu membawa pembangunan. Ini pun bongkak dan sombong juga Yang Berhormat.

Sekarang ini kita tidak perlu, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita bercakap begini ia juga bongkak dan sombong. Jadi sekarang ini masing-masing *the pot is calling the kettle black* dengan izin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, biar pun baru tapi sudah lama dalam politik. Yang Berhormat sendiri boleh menilai mana kaca mana permata. Kita ini dianugerahkan oleh Allah S.W.T. dengan pancaindera yang penuh sempurna. Manusia itu dicipta dengan penuh sempurna, ada mata, ada telinga cukup *perfect*. Jangan kita jadi Pak Pandir.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lualan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan ada mata tutup, ada kaki goyang... [Ketawa] ...ada mulut makan. Kami di sini tidak pernah menjadi *yes man*. Sayalah salah seorang daripadanya. Mana kerajaan buat tidak betul, saya kata tidak betul. [Tepuk] Kita ingin memperbetulkan keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya nampak wanita minat ini Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun tidak tahu apa ilmu yang saya pakai. [Ketawa] Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa kita manusia adalah manusia yang terbaik sebagaimana dengan izin firman Allah... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Walaupun manusia itu diciptakan dengan sebaik-baik kejadian tetapi manusia yang menolak hukum Allah, manusia yang menolak kebenaran, keadilan adalah seburuk-buruk kejadian.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tak payah ceramah di sini.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tidak payah ceramah. Ini bukan ceramah di sini.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tak payah ceramahlah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan apa Yang Berhormat kata bongkak dan sombong tadi sebagaimana dalam pilihan raya yang lalu slogan yang digunakan oleh BN '*Pade Doh 18 Tahun Kepada Kelate*' dan rakyat Kelantan telah membuktikan bagaimana kita telah menolak BN. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Alhamdulillah. [Ketawa] Sebetulnya begini Yang Berhormat, memang manusia itu ciptaan paling sempurna tetapi perilaku dia, kelakuan dia tidak sempurna, *nobody perfect* tidak ada. Jadi memang begitulah hakikatnya dan bagi saya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lualan Yang Berhormat, pohon lualan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ... apabila rakyat Kelantan menolak Barisan, di Perak tolak, di Selangor tolak, Pulau Pinang tolak, Kedah tolak bermakna ada hikmah dia, bermakna pemimpin Barisan kena bekerja meyakinkan rakyat. Bermakna tidak cukup kerja.

Macam saya, kami di Sabah, di Sarawak kerja cukup. [Ketawa] Siapa pun datang lawan saya di sana tetap kalah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu bongkak Yang Berhormat, itu bongkak. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan bongkak, saya tidak mendahului kuasa tuhan tetapi insya-Allah, datanglah.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Saya minta laluan Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang bagi tapi kalau saya yang bahas pertama tidak ada *limit*, saya bagi semua tetapi saya ada isu-isu yang penting perlu saya bawa. Yang Berhormat dengar, yang tidak dapat, inilah *last* satu kasihan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ampang duduk dulu.

Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Bismillahir Rahmaanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya cuma ingin menyebut di sini meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan kerana beliau mengatakan perkataan tsunami politik. Saya rasa itu adalah masalah semantik. Jadi kalau beliau kata tadi ada air pasang surut, ada roda pusing naik atas turun ke bawah kadang-kadang kita di atas kita di bawah, maka ketika ini dia harus menerima hakikat bahawa keadaan tsunami politik itu seperti yang dikatakan oleh Pakatan Rakyat adalah satu perkataan yang kita dapat terima di peringkat kita.

Namun sekiranya ia menyinggung perasaan Yang Berhormat Kinabatangan tidak perlu disebut di sini kerana telah *oversensitive* di atas perkataan itu dan saya rasa juga saya tidak mahu sampai bila Tuan yang di-Pertua harus *ban* perkataan 'tsunami politik' seperti '6 juta man'. *Thank you*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tiada soalan. Saya mungkin seorang laki-laki yang jarang tersinggung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat bawa perkara-perkara yang penting sahaja Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Namun sebagai pemimpin politik, memang saya tersinggung dengan ungkapan-ungkapan yang dicipta-cipta tanpa ada kebenarannya. Ini namanya provokasi kepada masyarakat. Kalau kita buat banciaan di seluruh negara, tidak semua mengatakan ada tsunami politik, tidak ada. Kalau orang yang rasional berfikir dia memang orang politik, ini qada' dan qadar. Kita terima, apa mahu susah-susah. Kita ada masa pilihan raya lima tahun akan datang. Pilihan raya lagi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat sana buat kerja, kita buat kerja.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, saya bukan tidak bagi. Ini rakan saya. Pembangkang kata ada kronisme, ada nepotisme, ada kronisme semua mah, mah, mah. *[Ketawa]* Mari kita lihat siapa yang *nepotism*, siapa yang nepotisme.

Ini pembangkang, Yang Berhormat Ipoh Timur anak dia Yang Berhormat Bagan, anak menantu dia Adun di Melaka, ini nepotisme. *[Tepuk]* Ketua Pembangkang, anak dia Yang Berhormat Lembah Pantai nepotisme.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Kepala Batas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Puchong anak-beranak, ini nepotisme.

Lainlah Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Johor Bahru, lain sikitlah. Lain parti okeylah, adik-beradik pun lain parti. *[Ketawa]* Ini sama parti. DAP lain diam-diam, tidak boleh cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Boss is always right.* Yang berpotensi pun *out* ke belakang.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kawan lama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena. Ini rakan lama. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat fasal isu nepotisme ini. Saya rasa Yang Berhormat bersetuju dengan saya yang sebenarnya tujuan Yang Berhormat itu bukan hendak sebut kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, bukan kepada Ketua Pembangkang tetapi hendak menyindir kepada Yang Berhormat Kepala Batas dengan Yang Berhormat Rembau. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu persepsi Yang Berhormat Pokok Sena. Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai. Tadi saya nampak ada berdiri. Yang Berhormat Lembah Pantai hendak ambil masa lagi atau tidak?.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebelum ini saya memang banyak mendengar ucapan Yang Berhormat dan saya mahu menjawab mungkin selepas itu mendapat penjelasan.

Pertama sekali kami wakil-wakil Parlimen yang bertanding di bawah tiket pembangkang sebenarnya terpaksa berkorban banyak demi untuk mendapat tempat di hati rakyat. Kami selalunya memang tidak mendapat peruntukan dan saya sendiri atas keputusan parti diletakkan di kawasan *politically suicidal*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap kalau Yang Berhormat Kinabatangan mahu membuat pada saya andaian atau pertuduhan sedemikian baiklah *check* ataupun mengesahkan dahulu dengan wakil-wakil Parlimen di peringkat Barisan Nasional yang secara nyata menggunakan kuasa yang ada, *position of power to give something in the facilities that exists to give to people in government*. Pada saya itu adalah penting kerana bagi kami dari pembangkang ini jelas.

Saya harap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan kenapakah diberitahu sedemikian. Terima kasih.

■1620

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dah cukup panjang Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya akan jelaskan. Yang Berhormat mana ada perjuangan tiada pengorbanan. Nabi berjuang pun kena berkorban. Apa lagi perjuangan moden ini! Tidak boleh korban nyawa kita korban harta benda dengan apa cara sekalipun.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat duduk dululah, dia nak buat wanita dulu bagi jawapan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini hari saya kasi wanita sahaja sebab 'Hari Wanita' baru berlalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini Hari Wanita'.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya beri penghormatan pada wanita. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soal pokok.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kalau kita bagi betis dia nak peha.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita bagi dia laluan dia nak berucap, ini masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah jangan berucap, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Janji jangan berucap tanya boleh. Boleh janji? Jikalau tidak janji saya tidak bagi. Dia tidak jawab, *that silent mean* tidak mahu, *refused*. Soal pokok Tuan Yang di-Pertua, janji manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya. Saya petik untuk Sabah dan Sarawak bukan mewakili mereka, tetapi janji tetap janji, kata mesti dikota. Inilah wakil rakyat Barisan Nasional. Saya mahu kerajaan tunaikan janji-janji ini. Pertama, selesaikan masalah masyarakat luar bandar. Jalan raya, jalan kampung perlu dinaik taraf, api elektrik, air bersih perlu di bagi, perumahan perlu dibagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bercakap macam ini, ada *injury time* ni.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mesti ada sebab kawasan Tuan Yang di-Pertua pun luar bandar juga. *[Ketawa]* Perlu di beri perhatian. Saya bukan apa kebimbangan saya...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: 'Hari Wanita'.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap saya bagi. Kebimbangan saya apabila janji ini tidak dikota, maka pembangkang akan meraih kemenangan, dia kata tsunami lagi yang kedua.

Namun apabila kerajaan menunaikan janji-janji ini rakyat ini ada akal, ada mata, ada telinga, dia boleh fikir mana baik mana buruk. Mana yang perlu dia sokong mana yang perlu dia tolak. Hari ini dia tolak kita, kita perbetulkan keadaan. Janji kerajaan untuk Sabah dan Sarawak dalam lima tahun ini kena ditunaikan, kita merdeka 51 tahun hampir-hampir, rakyat di kawasan saya masih belum merdeka.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Tukar partilah! Tukar kerajaan, tukar kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak merdeka pun. Kita sokong Kerajaan Barisan Nasional, sehingga kita boleh jadi pemerintah.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Lompat, lompat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Perempuan, perempuan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Shah Alam lama berdiri ni hah!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Banyak wanita berdiri Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak betul, bagi Yang Berhormat Batu Gajahlah dia sudah lambai-lambai saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kasihannya Yang Berhormat Kinabatangan! Ini teks ucapannya penggal yang lalu beliau telah bangkitkan. Penggal yang lalu Yang Berhormat telah beri amaran kepada kerajaannya. Jadi saya rasa sangat kasihan kepada Yang Berhormat Kinabatangan!

Jadi apakah Yang Berhormat setuju kalau ada *political* tsunami? Di Sabah ada pembangkang yang kuat. Tidak payahlah Yang Berhormat Kinabatangan bersusah payah merayu, berucap, meminta seolah-olah meminta sedekah di dunia ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, faham, faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, apa Yang Berhormat boleh harapkan ialah kuatkan pembangkang, adakan pembangkang di Sabah. Saya percaya itu sahaja *solution*, penyelesaian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pasti ada pembangunan di kawasan Kinabatangan dan Sabah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ini masih rasional. Mana ada dalam dunia parti pembangkang boleh membangun rakyat? [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Mana ada! Tanya itu Machang kalau ada, tidak ada! Namun yang ada parti kerajaan, itu yang boleh memberi kemenangan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jelas dulu, Yang Berhormat kurang jelas saya jelaskan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Mohon laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini orang baru ke ni?

Beberapa Ahli: Ya.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Mohon laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi dia, orang baru bagi *chance*. Dia punya orang sendiri nak kasi *chance*, kita kasi *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kuantan, Kuantan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tanya Yang Berhormat Kinabatangan bukan sebab saya minat dengan Yang Berhormat, ya. [*Ketawa*]

Saya juga ingin mengukuhkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Berkenaan dengan bagaimana rakyat boleh mendapat keuntungan apabila mereka memberi sokongan kepada pembangkang. Kita lihat sahaja di Terengganu, selepas lima tahun Parti Pakatan Rakyat memerintah Terengganu, rakyat Terengganu mendapat banyak keuntungan. Malah Kuala Terengganu sekarang sudah jadi bandar raya.

Saya tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, mungkin kalau rakyat Sabah memberi peluang kepada Parti Pakatan Rakyat mungkin pembangunan akan datang ke Sabah pada ketika itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebetulnya pepatah Melayu ada menyatakan, 'lain hulu, lain parangnya; lain padang, lain

belalangnya'. Tidak bermakna kalau pembangkang diberi peluang, sudah jelas jaminan sudahlah tidak ada, harapan pun memang tidak ada untuk mencari pembangunan.

Namun dalam Kerajaan Barisan Nasional kalau pun tidak ada harapan sekurang-kurangnya jaminan mesti ada, sebab jaminan itu kita tuntutan. Oleh sebab itulah kami di sini *backbencher* yang di belakang ini menuntut janji kerajaan! Tidak bermakna kita mahu tukar kerajaan, kita perbetulkan kerajaan yang sedia ada. Itulah realiti dia.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta laluan. Dah banyak kali dah tidak dapat-dapat lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya masa, minta maaf Yang Berhormat berjalan betul. Saya bagi wanita sebab mereka 'Hari Wanita' kalau tidak pun saya tidak bagi.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 'Hari Ibu', 'Hari Ibu' minta maaf. Kita harus hormati ibu-ibu kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila janji ini tidak ditunaikan, keuntungan dia kepada pihak pembangkang, 'sebelum terhantuk, jangan kita baru tengadah', 'sebelum nasi menjadi bubur, jangan kita terlambat'. Kita harus melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku adalah merupakan satu amaran kepada kerajaan. Amaran ini harus diambil tanggungjawab, kalau tidak saya bimbang harapan-harapan menggunung di pihak pembangkang akan menjadi kenyataan.

Ini amaran dari atas untuk kita semua supaya berhati-hati, supaya tidak ada yang selama-lamanya dalam dunia ini, semuanya bersifat sementara. Apa yang kita rebut ini pun sementara, yang berterusan adalah negara kita, perjuangan kita, itu sahaja. Siapa pun jadi pemerintah bersifat sementara tidak ada yang kekal untuk di bawa mati, cuma amalan dan lain-lain kebaikan, betul tuk imam? [*Ketawa*] Tengok Yang Berhormat ini.

Jadi itulah kalau boleh kita perjuangkan secara saksama buat apa kita bertelagah, buat apa kita bergaduh? Kita satukan bangsa kita, negara kita, kita damaikan masyarakat kita, bangunkan! Pembangkang ada negeri dia jaga, bangunkan, tunaikan manifestasi dia, sebab kalau tidak ditunai rakyat pun memberontak. Tidak akan undi pembangkang, mungkin lima negeri itu akan balik kepada Barisan Nasional. [*Tepuk*] Kami pun ada tugas sama-sama, buat apa maki hamun, gaduh-gaduh! Ini Ipoh Barat selalu gaduh-gaduh. Apa punya gaduh!

Ini soal *IC* di kawasan saya Yang Berhormat satu tahun tiga kali pegawai itu buat, saya pun tanya ini jangan sensitif ya. Saya kata, kamu pandai kahwin pandai bikin anak tidak pandai urus anak. Macam itulah. Apabila dia lahir, saya tengok di Kinabatangan sehingga hari ini 35,000 orang tidak beridentiti, macam mana? Ada yang dua orang kena hantar ke Filipina kerana disangka orang Filipina, inilah keadaan dia.

■1630

Satu lagi isu Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan isu negara iaitu soal belia. Belia dalam negara kita, belia ini aset ataupun harta harapan negara. Belia masa depan, belia pada hari ini akan mewarisi kepimpinan masa akan datang. Hamka pernah berkata, "Kekuatan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan belia dia pada hari ini". Sekiranya belia dalam negara itu lemah-longlai, tidak bermaya maka negara itu akan menuju kehancuran. Bagaimana kita mengatasi masalah belia ini. Yang Berhormat Menteri dia adakah? Dia sibuk mungkin kerja-kerja di luar.

Saya ingin mencadangkan memandangkan sudah bertahun-tahun kita memerintah, dan saya telah cadangkan pada satu ketika yang lalu bahawa Kementerian Belia dan Sukan harus dipisahkan sebab kita melihat kejayaan belia kita tidak memberangsangkan, kejayaan kita dalam industri sukan begitu merudum bukan lagi berjaya Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita dilanda dengan gejala rasuah bola sepak pula berlaku lagi, apa yang perlu kita lakukan? Kerajaan perlu melihat dari sudut yang sebaik mungkin sebab akhirnya sama ada kita setuju atau tidak setuju, sama ada kita suka atau tidak suka, peralihan kuasa akan berlaku kepada generasi masa depan anak bangsa kita.

Kita juga ingin melihat, saya percaya di kawasan Tuan Yang di-Pertua pun memang banyak masalah belia, dan ini memang memerlukan fokus yang lebih serius sebab kita melihat belia ini merupakan satu butir mutiara harapan masa depan negara kita. Kalau belia kita di negara ini penagih dadah bertambah dari hari ke hari, mat rempit bertambah, lepak bertambah, moral yang rendah bertambah, majoriti dia orang Melayu. Saya hairan apa sudah jadi dengan orang Melayu. Ini yang patut kita perbincangkan, perdebatkan bagaimana kita membentuk budaya masyarakat remaja Melayu pada hari ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita letakkan di tahap yang lebih berkeyakinan. Ini bukan lagi berkeyakinan, tetapi mereka menjadi gejala dan menjadi beban kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta laluan. Walaupun lelaki tetapi berjiwa ibu juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap. Saya hendak masuk isu lain. Saya banyak isu ini sebetulnya. Minta maaf Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua pun sudah tengok-tengok, tetapi dia tahu masih ada 20 minit lagi dia kata. *[Ketawa]*

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak polis dan pihak keselamatan sebab selama ini mereka telah menjaga keselamatan masyarakat kita, pemimpin-pemimpin negara kita termasuk diri kita. Saya hairan pembangkang selalu mengatakan, menggembar-gemburkan bahawa keselamatan dalam negara kita tidak wujud lagi. Saya pun hairan kenapa dia kata kita tidak selamat. Satu ketika dahulu Ahli Parlimen Batu Gajah menyatakan bahawa wanita hari ini tidak lagi boleh jalan-jalan di mana-mana sebab tidak selamat, dirogol, dirompak dan sebagainya. Saya kata, saya ini memang suka jalan, saya pergi Bandar Raya Kuala Lumpur pukul 1.00 pagi ramai wanita jalan sehingga saya yang takut pula. Saya betul-betul mahu pastikan betulkah wanita di negara ini sudah tidak selamat. Saya yang takut pula, *[Ketawa]* mereka hebat begitu kadang-kadang *short...* nampak semua, mereka selamat sebab saya hendak buktikan dakwaan tersebut betulkah wanita kita sudah tidak selamat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap soal keselamatan ini begitu serius sebab pihak polis telah berjaya membongkar sindiket pengedar dadah antarabangsa. Persoalan yang ingin saya timbulkan, kenapa dadah-dadah tersebut sudah sampai di tanah kita, di bumi kita, sudah dimasukkan dalam adunan dia baru ditemui. Kenapa semasa masuk tidak boleh dikesan? Mana silapnya? Adakah pegawai sempadan kita bersekongkol? Adakah pihak penguat kuasa kita ini tidak bekerja ataupun di mana silap dia? Ini saya perlu tanya pihak penguat kuasa. Saya mahu jawapan yang jelas sebab rakyat minta saya bertanya.

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat Kinabatangan. Saya beri tahu...

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Beri laluan Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: ...bahawa ...itu *smooth*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berhubung dengan...

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Kinabatangan, beri laluan. Jerai, jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hari ini negara kita memang dilanda satu krisis, walaupun belum ketara dan telah kita bahaskan hari kelmarin, iaitu masalah krisis makanan dan memang banyak subsidi, langkah-langkah yang telah diambil

oleh kerajaan untuk memastikan bahawa krisis ini dapat ditangani dan diatasi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar semua bentuk subsidi dalam negara kita kalau boleh diseragamkan, dikenal pasti mana-mana subsidi yang yang tidak perlu dilaksanakan minta ditarik balik, dan saya ingin mencadangkan subsidi-subsidi yang telah diijamatkan untuk meringankan beban rakyat kita kembalikan, jimatkan subsidi tersebut kepada rakyat. Walaupun saya Ahli Parlimen Kinabatangan, tetapi saya Ahli Parlimen Malaysia. Wang penjimatan tersebut, kerajaan kena ambil balik lebuh raya-lebuh raya yang bertol dalam negara kita. Kita mulakan dengan Lebuh Raya Kuala Lumpur Seremban, buka itu tol bagi *free* kepada rakyat dan masyarakat. Ini baru subsidi nama dia.

Kalau kita tidak laksanakan, maka selama-lama itulah rakyat akan berhadapan dengan masalah, dan juga bagi membendung krisis makanan ini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan dan mengadakan satu dana di kawasan Parlimen Kinabatangan, iaitu ternakan ikan siakap dan ikan lain-lain yang berteknologi tinggi sebab projek yang seumpama ini telah dibina di Tok Bali, Kelantan, di Pagoh dan di Kedah. Peruntukan dia lebih kurang RM15 juta. Saya mahu supaya kerajaan dapat memberi peruntukan untuk menjana ekonomi masyarakat luar bandar, sebab ini sahajalah saya lihat salah satu jalan untuk merealisasikan hasrat kita supaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita secara saksama.

Saya juga ingin menyentuh sedikit bagaimana pengajian tinggi di dalam negara kita. Di negara Eropah mereka menjuruskan teknologi berskil tinggi kepada pelajar-pelajar mereka. Kita di sini bersandarkan kepada *exam oriented*, dengan izin. Bermakna, siapa gagal peperiksaan, dia tidak akan dapat apa-apa, tetapi di negara-negara maju, walaupun dia tidak lulus peperiksaan dia pakar dalam sesuatu bidang dan dia boleh mendapat pekerjaan sebab bidang yang dia ceburi begitu *marketable*, berpasaran. Jadi kementerian dan kerajaan harus mengkaji ke arah bagaimana kita mengunjurkan masyarakat kita, pendedahan dia ke arah yang lebih menjamin sebab kalau kita biarkan begini berterusan tanpa ada kajian sistem pembelajaran kita, maka mungkin kita akan mendapat purata beribu-ribu yang mendapat diploma, ijazah, sarjana dan sebagainya tetapi akhirnya mereka tidak akan ke mana-mana dan cuma duduk di rumah ataupun mereka menjadi penganggur di jalanan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Insya-Allah akan saya penuhi hasrat Tuan Yang di-Pertua untuk satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Justeru itu, kerajaan harus ada fokus, harus ada *priorities* ataupun harus ada keutamaan ke arah bagaimana kita menjana ekonomi negara kita, kalau kita kekurangan masyarakat kita yang berteknologi. Tidak berpengetahuan, tidak *knowledgeable*...

■1640

Sedangkan negara-negara membangun, negara-negara maju ini mereka bergantung kepada mereka yang mempunyai kepakaran ini, barulah mereka maju. Jadi adakah kita ada *time frame*, ada perancangan atau pun kita tidak ada apa-apa perancangan. Maksudnya kita menunggu takdir yang mengubah. Jadi kalau ada saya mahu tanya, bila? Kalau tidak ada, kenapa? Dia tidak boleh kita adakan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan tunaikanlah janji-janji pilihan raya, khususnya untuk rakyat dan Sabah dan Sarawak supaya, insya-Allah rakyat akan memberi kepercayaan kepada kerajaan, kepada Barisan Nasional pada masa akan datang. Sekian, saya mohon menyokong.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang ini? [Ketawa]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

4.41 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan perkara pertama yang ingin saya sentuh dalam ucapan ialah tentang bagaimana Baginda telah dengan penuh hormat dan dengan penuh keprihatinan menyentuh tentang isu integriti yang mestilah terus berjalan dalam tanah air kita ini bagi memastikan, beberapa institusi penting negara dapat terus diberikan kepercayaan oleh rakyat, dan meningkatkan kredibiliti mereka sebagai badan yang penuh wibawa bagi kepentingan rakyat.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang institusi Parlimen ini sendiri, yang menjadi harapan kepada kita semua. Kita bukan sekadar berbahas di sini, dan dalam penggal yang lalu kita berbahas tentang kenaikan elaun, kita berbahas tentang Akta Saraan Parlimen yang memberikan sedikit imbuhan kepada Yang di-Pertua, Timbalan-timbalan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat di sini.

Akan tetapi yang lebih penting ialah integriti dan peranan Parlimen ini sendiri, di dalam memainkan peranannya untuk memastikan, yang pertama berlakunya penyuburan demokrasi. Kedua demokrasi itu dapat dikembalikan dalam bentuk keadilan untuk dirasai oleh seluruh rakyat di dalam negara kita.

Kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, kita di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita juga sebagai pemimpin-pemimpin, dan saya menanggung kita semua adalah merupakan *leaders of tomorrow*. Pemimpin untuk hari esok, yang mesti memberikan sumbangan besar kita dalam Dewan yang mulia ini, supaya anak cucu kita pada masa yang akan datang, dapat mewarisi satu Parlimen yang boleh kita banggakan. Kalau kita bertanya dengan orang Jepun dan orang Korea pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, apakah di antara mereka yang paling bangga. Orang Jepun akan menjawab dengan penuh ikhlas dan jujur, bahawa mereka bangga dengan Parlimen mereka. Orang Korea bangga dengan Parlimen mereka, orang Inggeris juga berbangga dengan Parlimen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen bukan sekadar menempatkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Meletakkan Speaker untuk mengendali Dewan yang mulia ini, tetapi rakyat pada masa yang akan datang, mahu melihat Parlimen berperanan untuk memastikan yang pertama, institusi penguatkuasaan negara seperti Polis Diraja Malaysia, Badan Pencegah Rasuah dan seumpamanya dan orang-orang yang penting seperti Ketua Polis Negara, AG memainkan peranan mereka dengan penuh beramanah supaya mereka tidak menyalahgunakan kuasa mereka. Dan demikian juga peranan Parlimen, di dalam menentukan nasib orang-orang politik, menentukan jatuh bangun mereka, kerana Parlimen dianggap sebagai institusi yang paling dihormati oleh mana-mana bangsa yang bertamadun.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau saya merujuk kepada beberapa isu yang pernah berlaku dalam Parlimen-parlimen yang terhormat di Jepun. Sebagai contoh, seorang pengerusi 'Yamaichi Sozue Mozawa' yang pernah terlibat dalam satu skandal yang mana berlakunya penyelewengan ke atas syarikat ini apabila nama beliau disebut di dalam Parlimen. Isu beliau dibangkitkan oleh Ahli Parlimen di Jepun pada waktu itu. Isu salah guna kuasa yang telah mengelapkan duit rakyat Jepun yang bernilai jutaan Yen pada waktu itu. Beliau telah mengambil tindakan hara kiri iaitu tindakan membunuh diri. Bukan bermaksud...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya pada hari untuk menyuruh kita atau mengajak kita melakukan amalan yang seperti ini, tetapi ini menggambarkan, nanti saya habiskan dalam tajuk Parlimen. Ini menggambarkan betapa bila tokoh-tokoh besar seperti ini, isu mereka diperdebatkan, nama mereka disebut dalam Parlimen tanpa menunggu mahkamah, mereka telah mengambil tindakan yang mereka anggap memiliki integriti dan moral yang tinggi untuk membersihkan nama mereka dan bangsa mereka.

Demikian juga dalam tahun 1994, bila 'Lady Van Rederback' yang menjadi perempuan simpanan kepada Ketua Staf Angkatan Bersenjata Diraja British, 'General Sir Peter Hardem'. Bila isu ini sebagai contoh disebut dan diperbahaskan di dalam House of

Common, maka beliau telah mengambil tindakan meletakkan jawatan secara bermoral, dan tidak menunggu mahkamah untuk menghukum mereka. Demikian juga Tuan Yang di-Pertua apabila skandal seks teragung dalam politik British moden melibatkan John Profumo, Menteri Pertahanan British di bawah 'Hared MacWalen' dengan seorang pelacur yang bernama Christine Killer. Tanpa berlembang isu ini bila dibahaskan dan diperdebatkan dalam House of Common, memperlihatkan bahawa dengan segera menteri ini meletakkan jawatan.

Di sinilah peranan yang sebenarnya yang mesti dimiliki oleh Parlimen Malaysia supaya apa jua yang berlaku salah guna kuasa yang dianggap oleh rakyat, *the public out cry* ini dapat dipertanggungjawabkan oleh Parlimen untuk memastikan keadilan rakyat ini dapat ditegakkan. Dan perkara-perkara yang seperti ini menunjukkan dan membuktikan Parlimen bukan sekadar menempatkan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat elaun bulanan, Speaker dan Timbalan-timbalan Speaker menunaikan tanggungjawab mereka, tapi institusi ini, Parlimen tidak boleh dianggap sebagai sebuah badan yang penuh integriti berdasarkan kepada nilai jumlah *renovation*nya ratusan juta ringgit.

Parlimen tidak boleh dianggap sebagai sebuah institusi yang canggih berdasarkan kepada keempukan kerusi-kerusinya, tetapi belajarlah daripada House of Common, belajarlah daripada Parlimen Jepun dan Korea yang sangat konservatif, tetapi integritinya sangat diyakini dan kewibawaannya apabila nama-nama orang-orang politik, pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang melakukan skandal ataupun rasuah, ataupun apa jua. Apabila nama mereka ini disebut dalam Parlimen ini, maka moralnya jatuh, dan mereka mengambil tanggungjawab moral membersihkan nama mereka dan rakyat yang mendapat manfaat daripada integriti Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, yang sila rakan saya daripada Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Kubang Kerian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat dan pohon penjelasan. Apabila Yang Berhormat membangkitkan tentang Parlimen perlu diletakkan ke tahap yang begitu tinggi, dengan membuat perbandingan dengan Parlimen-parlimen terkenal di seluruh dunia. Cuma, adakah perlu kita balik kepada keadaan *separation of power* itu yang perlu ada, bahawa Parlimen ini benar-benar bebas yang memungkinkan kita mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen, supaya Parlimen ini tidak terikat pada mana-mana badan-badan ahli yang lain seperti eksekutif dan *judiciary* dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Arau, sahabat saya yang bijaksana dan mengingatkan saya di waktu bangku sekolah dulu, kita belajar tentang *separation of power* yang tidak silap saya dikemukakan oleh John 'Loock' dan kemudian dikemukakan oleh 'Montosque' dan ini menjadi satu dokumen penting dalam sistem perundangan dalam dunia pada hari ini iaitu tentang *separation of power*. Terima kasih kerana boleh bersetuju dengan saya.

■ 1650

Ini menunjukkan bahawa dalam menegakkan keadilan dan Parlimen ini, Pembangkang dan pihak kerajaan boleh bersama demi untuk kepentingan rakyat, insya-Allah. Sila, Yang Berhormat Temerloh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begini, tidak payah ada pengerusi persidangan. Main berjempit-jempit sendiri. Sila, sila. *[Ketawa]*

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tak apalah saya bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat. *It's okey.*

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kan bagus begini.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Saya mungkin tak berkesempatan nak berbahas, tapi saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian tapi sebelum itu, sebelum 'Montesque' adalah Thomas Hobbes, sebelum 'Montesque', Yang Berhormat tertinggal satu nama.

Adakah Yang Berhormat juga memikirkan bahawa Parlimen, selain daripada meluluskan undang-undang dan selain daripada menjadi badan pemantau yang tertinggi kepada segala dasar, program dan gerak laku semua orang termasuk Ahli-ahli Parlimen sendiri, adakah Yang Berhormat juga berfikir bahawa Parlimen juga harus mencetuskan idea-idea besar untuk tamadun masa depan yang tidak mengira kepentingan politik tetapi hanya mengambil kira kepentingan bangsa, agama dan tanah air. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih rakan saya dari Temerloh. Saya rasa apa yang saya akan cakap lepas pada ini ialah apa yang Yang Berhormat telah sebutkan tadi. Jangan bimbang, kita boleh berkongsi di dalam perkara-perkara yang demi kepentingan rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Parlimen mestilah menyuburkan budaya menubuhkan kokus-kokus yang lebih aktif dan saya harap sahabat saya yang menjadi menteri daripada Padang Rengas boleh berkongsi pengalaman tentang ini. Ada banyak isu dalam negeri, isu dalam masyarakat, isu wanita, alam sekitar, isu pentadbiran awam dan seumpamanya yang perlu diperhalusi oleh kokus-kokus yang lebih aktif supaya Parlimen ini terus berwibawa dan memberikan juga peranan kita di peringkat antarabangsa. Kokus-kokus ini perlu diberikan mereka peluang yang lebih di samping kita dapat menempatkan Parlimen kita di persada antarabangsa dan benar-benar menjadi *world class Parliament*.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai, Yang Berhormat, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini dihitung dalam masa setengah jam.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, ya. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada *injury time*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Pendek saja. Supaya tidak merugikan masa, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nak memperkukuhkan Parlimen ini, kita dalam prosedur di Parlimen ini, kita bila membincangkan rang undang-undang contohnya, kita akan masuk ke peringkat jawatankuasa tapi kalau dalam konteks Parlimen kita ini, yang saya tengok, saya perhati sebab saya orang baru, bila tiba jawatankuasa, kita turunkan cokmar.

Lepas itu kita bincang macam ini juga, sedangkan kalau kita tengok di *House of Representative* di Washington sana, sebagai contoh bila mereka pergi ke peringkat jawatankuasa, betul-betul jawatankuasa, bersidang di tempat lain, panggil semua NGO-NGO atau badan-badan yang ada relevan dengan rang undang-undang yang hendak dibincangkan, dapatkan input, bincang, bawa balik ke dalam Dewan. Apakah Yang Berhormat Kubang Kerian boleh bersetuju kalau kita pindah ke cara itu?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti saya bersetuju kerana kita perlu mempelajari perkara yang baik daripada mana-mana Parlimen yang telah menunjukkan kewibawaan mereka. Kokus sangat penting dalam kita memperhalusi rang undang-undang sebagai contoh yang kita perdebatkan pada hari ini. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, hanya dua tiga hari diletakkan di atas meja, kemudian barulah kita dibenarkan, diizinkan untuk membahaskan. Ini perkara yang perlu diperbetulkan.

Kalau kita lihat peranan Dewan Negara, *Senate*, sampai bila kita akan terperangkap, sampai bila generasi akan datang esok akan terus membaca dalam *Hansard* mereka, kita ini dan sampai bila Dewan Negara akan hanya digelar sebagai "*rubber stamp*" tanpa kita mengubah paradigma itu untuk kepentingan generasi kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh bagaimana saya melihat, kita mengimpikan kalau kesalahan-kesalahan besar yang dianggap oleh rakyat isu penting, bila lagi kita mahu menghadapkan sebagai contoh Ketua Polis Negara ke dalam Parlimen ini. AG, kalau mereka menyalahgunakan kuasa, kita boleh panggil mereka untuk menghadap kita.

Mungkin ini tidak ada dalam peraturan mesyuarat, tetapi kita boleh meminda peraturan-peraturan mesyuarat ini untuk apa, untuk kepentingan rakyat. Untuk apa, untuk kita memastikan Parlimen ini akan dapat berdiri sebagai sebuah badan yang hari esok, hari esok, anak cucu kita akan mengucapkan terima kasih di atas usaha yang kita buat pada hari ini. Ini yang saya maksudkan tentang integriti Parlimen yang mesti kita perjuangkan pada hari ini.

Dan saya harap *it's a very timely*, dengan izin, dah sampai masanya kita menganjak paradigma ini. Kita bersama, ayuh kami Pakatan Rakyat kami ada ramai kepakaran, ada profesor, ada *all the professionals' here*, kita boleh berkongsi...

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Minta laluan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ..kekuatan ini.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap..

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Minta laluan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...saya habiskan ayat saya. Dalam kepakaran ini, untuk apa, untuk kita membuat suatu *benchmark* bila kita tidak ada esok di sini maka rakyat akan memberikan kepercayaan kepada Parlimen ini dengan penuh integriti. Sila.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa *the separation of power* yang berlaku dekat Malaysia ini, kita lihat bahawa Yang Berhormat yang menjadi Ahli Parlimen, mereka juga menjadi Menteri Kabinet dan juga mereka juga menjaga bidang kehakiman.

Ertinya tidak wujudnya sesuatu *the separation of power*. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan perkara ini yang menyebabkan berlaku perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih rakan saya dari Bukit Gantang. Tentang perkara yang dibangkitkan itu, saya rasa kita, sebab itu perlu ada *check and balance* yang jelas. Sistem yang ada pada hari ini masih lagi boleh diperbaiki supaya yang penting pada saya ialah *delivery system* itu, sistem penyampaian itu dan *separation of power* itu jelas supaya mana-mana pihak yang mendapat kuasa yang di amanah kepada mereka itu dapat menjalankan tanggungjawab mereka demi kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang kehakiman sebagai contoh, yang mesti Parlimen mengambil perhatian, dulu kita ada tokoh-tokoh yang dianggap penting, nama-nama besar yang izinkan saya menyebut nama-nama mereka dengan penuh hormat, tokoh-tokoh seperti Tun Salleh Abbas, Yang Mulia Raja Azlan Shah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerlun berdiri.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ..Tun Sufian, belum, saya nak habiskan dulu. Tun Sufian kemudian Eusoffe Abdoolcader, George Seah. Ini nama-nama besar yang pernah mengharumkan institusi kehakiman negara. Tetapi ada satu *...* yang berlaku selepas pemecatan Tun Salleh Abbas yang kerajaan pada hari ini mengakui perkara itu. Tapi ialah satu perjuangan yang cukup panjang, suatu pengorbanan yang terpaksa dibuat tapi akhirnya kita dapat menegakkan keadilan ini.

Kemudian kita melihat kepada contoh kepada badan penguatkuasaan yang paling penting iaitulah yang diketuai oleh AG, Peguam Negara. Ini perlu diperbetulkan. Kita berbangga bila AG pergi ke Mahkamah Dunia, *The Hague*, di Belanda untuk berhujah,

untuk menyampaikan pandangannya, untuk mempertahankan kedaulatan negara dan isu Batu Puteh, dan kita berbangga.

Tapi bila pulang ke Malaysia, AG boleh pergi ke Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret untuk mendapatkan perintah reman. *It's a mockery* dengan izin, *ridiculous*, untuk mendapatkan perintah reman, berperintah reman ini Tuan Yang di-Pertua dengan penuh hormat, Tuan Yang di-Pertua juga seorang pengamal undang-undang, kalau tok penghulu yang dah banyak kali masuk mahkamah pun boleh minta perintah reman, AG turun untuk mendapatkan perintah reman.

Saya rasa ini perkara yang perlu dielakkan yang semata-mata kerana apa, kononnya perhimpunan-perhimpunan haram itu mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan negara.

■1700

AG mesti dipanggil, kalau ada sesuatu peruntukan, ada *standing order* yang boleh kita pinda sama ada mereka hakim, sama ada mereka ini AG, sama ada mereka ini ketua pengarah pentadbiran dan sebagainya, datang ke Parlimen berhadapan dengan kita untuk kita membahaskan isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Tragedi Batu Burok sebagai contoh, saya mengatakan AG ada banyak yang lain, yang besar, berpuluh-puluh laporan polis yang dibuat, berpuluh-puluh laporan yang kita buat mengenai masalah rakyat. Di Sabah yang menjadi rintihan rakan-rakan saya, 80 laporan polis terhadap Ketua Menteri Sabah, kenapa ini tidak disiasat? Kenapa ini tidak diambil tindakan sewajarnya?

Ini kerja AG, ini tanggungjawab mereka. Bukan datang ke Mahkamah Majistret minta perintah reman dan berhadapan dengan peguam-peguam muda kita. Kadang-kadang menjadi bahan ketawa yang memalukan kita yang ada pada hari ini. Jadi ini semua perlu kita perbaiki Tuan Yang di-Pertua, supaya semua badan penguatkuasaan ini mendapat *respect*. Mereka dengan penuh integriti dihormati oleh rakyat. Demikian juga dengan Ketua Polis Negara dan pasukan polis. Bukan niat saya untuk menghina dan memperlekeh dan bukan niat saya untuk tidak berterima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia. Dengan penuh hormat saya ingin merujuk bekas Perdana Menteri Malaysia Tun. Dr. Mahathir dan bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif sendiri mengatakan ada segelintir, ada sebahagian yang duduk di Bukit Aman itu perlu diberikan perhatian yang serius kerana besar kemungkinan mereka melakukan salah guna kuasa.

Isu contoh yang rakyat bertanya ialah isu Tengku Goh. Pelepasan yang begitu mudah yang dibuat, wujudnya surat-surat daripada KDN kepada PDRM yang disampaikan kepada saya untuk saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara. Ini semua siapa yang mahu perbetulkan? Kalau *gangster* paling besar dalam negara kita ini boleh bebas dengan begitu sahaja, apa lagi harapan rakyat terhadap keselamatan negara? Di mana lagi rakyat ingin menumpang rasa selamat mereka kalau *napoleon- napoleon* besar ini terus wujud dalam negara kita.

Jadi kita harapkan Parlimen boleh memanggil mereka ini, menghadapkan mereka ini supaya integriti ini dapat kita pelihara. Demikian juga ACA Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memetik tentang pandangan-pandangan tokoh-tokoh tersohor dalam bidang perundangan dalam bidang kehakiman, dalam bidang yang menyentuh tentang BPR ini. Sebagai contoh kes yang berlaku terhadap bekas Pengarah Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Ramli Yusoff. Kes beliau telah pun dibawa ke mahkamah dan saya tidak berniat untuk menyatakan beliau ini betul atau salah, itu kita serahkan kepada mahkamah untuk menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang didedahkan oleh Datuk Ramli di dalam *press conferences*nya dua hari sebelum beliau dihadapkan ke mahkamah, waktu itu beliau sendiri sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, kenapa dengan tiba-tiba beliau dan pegawai-pegawai tinggi beliau diambil tindakan pelbagai. Ditukar 24 jam, diturunkan pangkat dan sebagainya, setelah beliau mendedahkan di dalam *press conference* tersebut bahawa pada waktu itu beliau telah menerima arahan untuk menyiasat kes Tengku Goh ini. Ini satu perkara yang mesti diambil perhatian. Ini keselamatan negara dan rakyat. Di manakah lagi? Kita tidak ada polis swasta Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kita tidak ada badan-badan yang dianggap yang lebih berwibawa untuk kita meletakkan harapan keselamatan. Oleh itu saya mengharapkan tokoh-tokoh macam Tunku Abdul Aziz, telah mencadangkan ACA ini mesti ada *the right to prosecute*. Ini dibuat zaman Tun Razak dahulu. Dibuat tetapi diambil balik kuasa ini untuk apa? Memang apa yang disebut oleh Tunku Abdul Aziz ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ' *as the ACA has suggested that it should ask for more powers to enable itself to go up to any public official and demand an account to how he or she has come into possession of asset which appear to be inconsistent with his or her earnings*'. Kalau tidak percaya kata Tunku Abdul Aziz, *every time I raise this with the ACA I'm told "yes we would like to do it, but the Anti Corruption Act 1997 does not allow for it. If you don't believe me, pick up your telephone and ask the Hong Kong Independent Commission Against Corruption about the importance of this enabling power in its own success story."* Ini perlu kita contoh. Yang Berhormat bagi Kulai hari ini bercakap macam pembangkang juga minta supaya ACA ini diberikan *the right to prosecute*, hak untuk mendakwa. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang UKM. Satu badan yang ditubuhkan oleh rakyat dan kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat lagi...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap ya, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minta laluan. Yang Berhormat bagi Rembau dan Yang Berhormat bagi Jerai. Mana satu?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, sila.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat yang telah menyebut berkaitan dengan kehakiman. Setiap kali berlakunya dan individu-individu tersebut yang dituduh sebagai rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat apakah cukup sekadar Peguam Negara sahaja membersihkan nama beliau ataupun mesti dibawa ke mahkamah membersihkan nama orang tersebut. Minta penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, saya mengambil maklum Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebut oleh sahabat saya dari Jerai itu memang tepat dan saya rasa penyesuaiannya mestilah diambil dan dipandang serius oleh kerajaan supaya apa yang dibincangkan tadi itu dapat kita jadikan satu kenyataan pada masa akan datang. Saya beralih kepada UKM, kalau saya minta Menteri Pengajian Tinggi...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rembau berdiri.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya tidak ada masa, minta maaf. Saya hendak beralih kepada UKM. Kita berjumpa di lain gelanggang insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada dua minit lagi. Sila.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya minta dengan serta-merta supaya Menteri Pengajian Tinggi dan pegawai-pegawai Kementerian Pengajian Tinggi pada hari ini kalau boleh besok pergilah ke UKM. Adakanlah pertemuan dengan mereka yang bertanggungjawab terhadap isu pelantikan Datuk Tan Hock Lim dengan gaji RM168,000 ini dan beliau telah menjadi suatu masalah besar kepada UKM pada hari ini. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut nama Dr. Tan Hock Lim bukan kerana namanya berbangsa Cina, tidak. Kalau ada doktor berbangsa apa sekali pun yang lebih baik, yang lebih berintegriti daripada beliau sila, tetapi ini masalah yang sedang berlaku dalam UKM sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat UKM ditubuhkan oleh rakyat. Ingat pejuang-pejuang UKM dahulu membawa tabung-tabung ke kampung-kampung dahulu. Ini sejarah UKM. Rakyat memberikan derma untuk menubuhkan UKM. Rakyat yang menubuhkan UKM. Hari ini jangan ada tangan-tangan dan termasuklah apa yang saya hendak sebut pada hari ini adalah tentang Naib Canselornya Prof. Dr. Sharifah Habsah. Mestilah diadakan satu tribunal khas untuk menyemak kembali prestasi beliau untuk menjaga UKM pada hari ini. Ini menjadi satu rungutan besar di UKM pada hari ini.

■1710

Wang rakyat dihabiskan dengan gaji yang begini besar. Tidak ada lagi tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh yang boleh menggantikan tempat beliau dan jangan dikorbankan UKM ini demi masa depan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Setengah minit Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi saya mengharapkan dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah tentang AUKU iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Sudah sampai masanya saya mengharapkan AUKU ini dikaji semula. Apa yang berlaku di universiti pada hari ini benar-benar kita melihat, pelajar-pelajar dijadikan macam budak sekolah rendah. Pensyarah-pensyarah universiti dijadikan macam guru-guru sekolah rendah. AUKU mesti dipinda demi masa depan generasi muda.

Berikan kebebasan. Wujudkan demokrasi. Kalau bangsa yang bertamadun, negara yang bertamadun, di manakah lagi kita ingin melihat suburnya demokrasi? Universitilah tempatnya. Bukan dengan satu memorandum yang dihantar oleh pelajar-pelajar, satu surat yang dihantar oleh pelajar kepada dekannya, komputernya dirampas, diajak bertanding dalam setiap kali berlakunya pilihan raya dalam kampus. Ada pelajar yang menyokong pembangkang, diambil tindakan, didenda, diugut, digantung pengajiannya, universiti apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi saya mengharapkan supaya diambil perhatian. Kalau kita hendak pelajar kita, pensyarah kita, kalau kita mahu warga universiti ini, beri mereka kebebasan. Pas kalau mentarbiah, seluruh pun pelajar universiti tidak semua, esok *end result* nya akan pergi kepada Pas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Begitu juga dengan UMNO. Setengah minit. Kita lihat negara maju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Pelajar-pelajar mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi saya okey, tapi bagi kawan yang selepas ini.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Setengah minit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, setengah minit.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Negara maju. Amerika ada dua Parti. Di Britain ada dua parti, *labour and conservative*. Pelajar-pelajar mereka boleh menyokong *labour* parti dan *conservative* parti, tidak ada masalah. Tidak ada kita dengar hendak gantung, hendak rampas komputer. Ini kerja-kerja yang tidak bertamadun. Berilah kebebasan. Pindalah AUKU demi masa depan mereka. Beri peluang kepada pensyarah-pensyarah menentukan, bagi balik autonomi universiti. Biar satu hari esok, universiti kita ini ada macam *Harvard*. Jangan belajar di *Harvard*, belajar di *Oxford*, belajar di *Cambridge*, balik pemikiran SPM. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang.

5.13 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh. Selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teman-teman Ahli Parlimen, pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan. Saya bangun untuk mengambil bahagian pada perbahasan Titah Ucapan Diraja dengan menarik perhatian kita kepada sebuah mafhum sebuah hadis Baginda Rasulullah s.a.w. Nabi menyebut, kesejahteraan sesebuah negara bergantung kepada empat perkara:

- (i) pemerintah yang adil;
- (ii) ilmu para ulama;
- (iii) orang kaya yang murah hati dan dermawan; dan
- (iv) rakyat biasa yang sentiasa redha dan mendoakan.

Saya menyimpan harapan agar negara kita yang tercinta Malaysia ini, sedang bergerak ke arah cuba memenuhi keempat-empat perkara yang disebut oleh Nabi s.a.w. Keadilan pemerintah, maknanya adil dalam melakukan satu perkara. Meletakkan satu perkara kena pada tempatnya. Kalau dibuat satu dasar atas nama dasar kerajaan yang miskin dibantu, pada yang kaya diambil keuntungan atau bahagian daripada mereka. Begitulah seterusnya perjalanan sesebuah negara telah diatur dan dirancang.

Satu komponen penting yang menjana pendapatan besar kepada kerajaan yang saya maksudkan di sini ialah agensi Petronas. Dewan yang mulia inilah pada tahun 1974 di bawah Akta Kemajuan Petroleum, telah memberikan hak ataupun meletakkan hak kepada Petronas seluruh kepunyaan mengenai petroleum. Kuasa-kuasanya, keistimewaan eksklusifnya dan mengawal perjalanan aktiviti-aktiviti. Maknanya, Parlimen inilah yang meletak hak kepada Petronas untuk menjalankan kegiatannya.

Hari ini Petronas muncul sebagai sebuah agensi perniagaan yang cukup berjaya dan paling besar sumbangannya kepada pendapatan kerajaan. Semakan terhadap laporan kewangan Petronas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, setakat yang sempat saya teliti menyebut bahawa daripada pendapatan negara 35.4% adalah merupakan sumbangan daripada Petronas. Dalam kata lain, semenjak Petronas lahir sehinggalah hari ini, sejumlah RM336 bilion dilaporkan Petronas telah sumbangkan kepada kerajaan. Barang kali lebih besar daripada itu.

Hadirin yang saya hormati sekalian, Tuan Yang di-Pertua, 35.4% ini satu angka yang cukup besar. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu...

Tuan Yang di-Pertua: Ini, *mood* pilihan raya masih...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Belum habis lagi. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Bagi peluang fasal orang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Beri peluang. Orang baru pun ada orientasi dia. Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Penyelidikan Parlimen bila saya minta keluaran maklumat, apakah soalan yang serupa yang saya bangkitkan pernah ditanya, mereka keluaran kepada saya *Hansard* Jun 1979 tatkala Tuan Lim Kit Siang pada waktu itu bertanya kepada Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, berapakah hasil pendapatan? Bilakah laporan Petronas akan dibentangkan di Dewan Rakyat? Jawapan yang diberikan Perdana Menteri pada waktu itu ialah Petronas adalah satu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 seperti syarikat lain, ia tak perlu membentangkan laporan tahunannya di Dewan Rakyat.

Saya fikir, harus ada semangat baru setelah 50 tahun kita merdeka. Kalau Parlimen ini yang meletak hak kepada Petronas, apakah wajar Parlimen ini juga diberikan

keistimewaan untuk mendengar ke manakah komponen-komponen perbelanjaan hasil Petronas yang diserahkan kepada kerajaan dibelanjakan. Berapa untuk sektor kesihatan? Berapa banyak untuk sektor prasarana? Berapa banyak untuk sektor pendidikan dan sebagainya? Ini penting sebab sebagai agensi tunggal yang menyumbang kepada pendapatan besar kerajaan, saya fikir tempat yang paling wajar untuk diberikan tanggungjawab ataupun *accountability* ini adalah Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya kerajaan dapat mengambil pendirian sama ada bersedia untuk mengemukakan laporan-laporan kewangan kerajaan yang datangnya daripada Petronas ini kepada Dewan yang mulia ini dengan memberikan tumpuan kepada sektor perbelanjaan kesihatan berapa banyak, pendidikan berapa banyak, prasarana berapa banyak.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya fikir kalau itu dapat dilaksanakan, sekurang-kurangnya prinsip *accountability* dan juga ketelusan itu dapat dihayati oleh kerajaan dalam konteks pemerintah yang adil.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Ahli Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Sebenarnya sudah pun diumumkan. Ambil contoh tahun lalu. Daripada keuntungan RM79.6 bilion itu, RM46.3 bilion, diserahkan balik kepada kerajaan dalam bentuk royalti, cukai, duti dan sebagainya. Maka terpulanglah kepada kerajaan hendak hasil-hasil ini, hendak beri kepada Kementerian Kesihatan dan sebagainya berapa. Jadi tak perlulah, itu bukan urusan Petronas sebenarnya untuk hendak beritahu, untuk Kementerian Kesihatan berapa bilion, berapa ratus juta dan sebagainya. Yang penting ialah RM48.6 bilion itu dipulangkan kepada kerajaan dalam berbagai-bagai bentuk subsidi, royalti, cukai dan sebagainya. Saya rasa tidak perlulah dibangkitkan soal tersebut.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Sebab itu premis yang saya letakkan tadi ialah Parlimen ini meletak hak kepada Petronas. Soal sumbangan kepada kerajaan dalam bentuk *tax*, dividen, royalti, eksport duti, silakan, tetapi untuk sejumlah RM346 bilion, tentu sahaja tidak terlalu sukar untuk kerajaan mencatatkan rekod-rekod perbelanjaan dan pengagihan peruntukan yang bersumberkan pendapatan ini kepada sektor yang saya nyatakan. Bukanlah satu tuntutan yang berat untuk dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang saya percaya masih lagi menghayati dan menilai prinsip pertanggungjawaban.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, saya berganjak kepada topik yang kedua. Sekitar Ogos 2007, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan dengan bangganya bahawa negara kita akan memperoleh satu sistem jaringan internet jalur lebar yang di sebut *high-speed broadband* setelah idea asalnya itu di telurkan pada Julai 2007. Pengumuman kemudiannya dibuat dengan tumpuan pelaksanaan penyediaan kemudahan internet jalur lebar berkelajuan tinggi ini kepada bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang antaranya. Dengan pemain utamanya ialah Syarikat GLC kerajaan iaitu TM, iaitu Telekom Malaysia dan kemudiannya difahamkan akan melibatkan beberapa koperasi Melayu termasuk Pulau Pinang dan Pahang. Khabarnya, tatkala proposal ini dikemukakan *there is no* dengan izin *competing proposal*.

Padahal, saya difahamkan jumlah dana yang terlibat cukup besar. RM15 bilion. Satu angka yang cukup besar. Dan dalam proses untuk melaksanakannya, tidak ada satu *proposal* saingan untuk memenuhi memilih yang terbaik di kalangan yang baik-baik. Ini bukan soal *direct nego* dengan izin. Ini sudah jadi kes *direct award*. Pakai bagi gitu, tidak ada *nego* dah. Ini serius sebab negara jiran kita sekarang dalam proses untuk mengundang bidaan bagi menyediakan kemudahan internet berkelajuan tinggi. 1Gig. Apa

yang kita nak buat ini cuma 1Meg, Singapura 1Gig. Itu pun di undang dua pembida dari luar negara. Satu dari Kanada, satu Hong Kong akan ada usaha sama dengan syarikat tempatan. SingTel dan sebagainya.

Dalam kes kita ini, untuk makluman semua, ini sudah melibatkan dana hampir RM15 billion. Dalam proses untuk membuat keputusan, ini kes bagi sama dia ni. Bedak sama dia. Ini kes berat dan parlimen tidak boleh untuk membelakangkan ataupun untuk dibelakangkan dari segi maklumat. Nanti saya bagi sahabat saya, *exco* pemuda UMNO lama, sekejap ya, Pulai. *Broadband*, jalur lebar memang diiktiraf sebagai satu kriteria *United Nation* dalam mengukur tahap *knowledge based economy* sesebuah negara.

Ukuran yang biasa digunakan ialah *rate of broadband penetration* dengan izin. *Broadband* boleh digunakan dengan pendekatan *fixline*, atau *wireline*, atau *mobile* atau satelit. Di Malaysia, *mobile broadband* sekarang ini dibekalkan oleh Celcom dan Maxis melalui khidmat 3G. Penggunaan 3G masih di tahap yang rendah kerana kurangnya aplikasi yang menarik. Digi juga akan memperkenalkan khidmat 3G. Jadi, *wireless broadband* sudah pun ada di Malaysia walaupun penggunaannya agak rendah. *Wireless broadband* juga boleh dilaksanakan menggunakan teknologi *Wi-Max*.

Pada tahun 2007, empat syarikat yang bukan syarikat telekomunikasi telah diberi lesen untuk beri perkhidmatan *broadband* melalui teknologi *Wi-Max*. TM, melalui TMnet sekarang ini memberi perkhidmatan *broadband* melalui teknologi *wireline* ADSL dan ADSL2. Jelas bahawa di Malaysia teknologi *broadband* sedia ada tetapi *demand* dari pelanggan tidak setinggi yang dijangkakan kerana kurangnya aplikasi tempatan yang menarik.

Setakat nak undi Akademi Fantasia ataupun *Malaysian Idol* atau *English Premier League* hanya perlu SMS, tak payah *broadband*. Tidak apa. Setakat ini kerajaan membiarkan syarikat telekomunikasi TM, Maxis dan Digi dan syarikat swasta untuk membangunkan teknologi *broadband*. Hasilnya ada perkhidmatan *broadband* tapi kadar penggunaannya masih rendah padahal rakyat berhak mendapat lebih baik daripada itu. Isunya ialah kenapa kerajaan menukar pendekatan mahu belanja duit sendiri untuk memberi kontrak secara *direct award* atau *direct nego* kepada TM sebanyak RM15 billion untuk inisiatif *broadband penetration*.

Kedua, kenapa dibelanja duit yang banyak untuk *broadband technology fixline* sedangkan trend teknologi *broadband* jelas mengutamakan pendekatan *wireless*. Kita semua hari ini yang boleh akses kepada internet biasa dengan Nokia, Samsung, Motorola dan Blackberry dari modem ADSL yang diguna pakai di rumah bagi yang melanggan *streamyx* dari TM. Saya habiskan, saya habiskan dulu.

Trend teknologi menjamin dengan jamin dengan izin, *faster, better and cheaper overtime*. Lebih baik kita buka peluang *broadband* servis secara kompetitif kepada syarikat swasta termasuk TM dari kita belanja melalui *direct award* yang tidak *transparent* atau telus. Biar *demand for the service*, dengan izin dari rakyat menggalakkan daya saing antara syarikat dari TM, TM International, Maxis, Digi dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, saya buka izin pada rakan saya, Pulai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih. Yang Berhormat daripada Machang. Dulu orang lain. Sekarang orang baru tapi kawan lama. Saya sebenarnya ada kepentingan dalam membincangkan perkara mengenai TM Berhad kerana saya merupakan pengarah TM Berhad. Jadi saya nak menyatakan kepentingan saya dalam perkara ini.

Cuma saya nak tanyakan dan minta penjelasan daripada rakan daripada Machang sama ada cara untuk kerajaan memberikan kontrak untuk projek jalur lebar ini merupakan satu keputusan yang salah dari segi keperluan *broadband* di negara kita ini ataupun ia merupakan satu perkara yang perlu dibuka kepada tender secara terbuka?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih sahabat saya dari Pulai. Pulai, terima kasih. Saya tahu dia kuat dalam Telekom. Dalam pembentangan dalam hujah saya tadi saya tidak menolak keperluan teknologi ini. Kita tidak boleh menolak

teknologi. Semakin ke depan teknologi makin canggih. Apa yang saya timbulkan ini ialah ketika trend teknologi dunia bergerak ke arah *wireless*, tanpa wayar, yang kita nak laksanakan ini *fixed line*.

Dan ongkosnya itu cukup besar. Dilakukan secara *direct nego* atau *direct award*. Tidak dibuka kepada pembida yang lain bagi memastikan harga yang terendah dengan teknologi terbaik. Itu persoalan pokok. Fundamentalnya. Sebab itu, saya habiskan ya, saya teruskan isu. Nanti saya bagi peluang lagi. Insya-Allah.

Sebab itu saya sebut tadi dalam kes Singapura misalnya. Dalam kes Malaysia yang saya sebut tadi, yang didefinisikan sebagai *high-speed broadband* ini, kelajuannya cuma 1 Meg. Saya baca berita terkini daripada Singapura menyebut, Singapura dalam proses membuka bidaan kepada *a new ultrafast national broadband network* dengan pembidanya termasuk Asia Net Media dari Kanada, Hong Kong City Telecom dari Hong Kong, dan dengan kelajuan 1Gig. 1 GBPS. Jauh kita ketinggalan pada ketika harga, ini tidak apa. Kalau saya sebut harga Singapura, Singapore Dollar750 juta, tentulah kerana ia cuma pulau kecil. Kita ini apakah tidak mungkin kita mendapat teknologi yang lebih canggih dengan harga yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya Pulau, setakat itu dulu. Saya nak berganjak kepada yang ketiga. Saya difahamkan Kementerian Alam Sekitar sedang dalam peringkat akhir menyediakan satu draf akta yang dipanggil akta yang di panggil Akta Taman Laut. Hari ini di negara kita sudah lebih 41 taman ataupun pulau yang di wartakan sebagai taman laut. Ia merupakan khazanah kekayaan negara. Ada satu yang memusykilkan saya iaitu sehari sebelum Perdana Menteri yang lepas, yang dulunya meletakkan jawatan. Sehari sebelum melepaskan jawatan, telah dibuat satu *soft launching* di Putrajaya untuk mengumumkan cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Pulau Tioman dan ini menyentak tumpuan saya.

■1730

Ekoran daripada itu beberapa kajian saya percaya dijalankan baik kajian fizikal mahupun kajian biologi. Saya ke Pulau Tioman untuk melihat kesan dan berjumpa dengan penduduk tempatan bagi meninjau kalau-kalau diteruskan projek ini, apakah kesan akibat daripada pembinaan lapangan terbang ini dari sudut biologi dan dari sudut fizikal di Pulau Tioman itu sendiri.

Dalam tempoh terdekat ini kita akan membahaskan ataupun akan dibentangkan Akta Taman Laut bagi tujuan untuk memelihara khazanah ini, tetapi apabila kita menyemak hasil-hasil laporan daripada *team* dari Universiti Malaya dan sebagainya, mereka memaklumkan bahawa kesan kemusnahan kalau diteruskan projek ini impak biologinya kepada terumbu karang, di mana terdapat 306 spesies batu karang termasuk antaranya 25 yang jarang ditemui di dunia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Terumbu karang ataupun kita panggil *coral reef* ini tumbesarnya cuma dua inci dalam masa setahun. Kalau hendak dapat dengan jumlah yang ada sekarang di Pulau Tioman, yang merupakan khazanah kekayaan tinggalan generasi akan datang ini kemusnahan 306 spesies ini adalah satu kemusnahan yang cukup parah. Kesan biologi kepada *micro invertebrate*, 100 spesies ditemui termasuk 14 yang jarang ditemui dan ini juga merupakan kehilangan dan kerosakan yang tidak terhitung jumlah dan kesan akibatnya.

Ikan, 209 spesies ikan ditemui di sekitar perairan Pulau Tioman ini dan jika sekiranya pembinaan ini diteruskan berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh *team* penyelidikan ini disebut, bahawa kerosakan ini akan memusnahkan atau memberikan kesan jangka panjang yang cukup teruk.

Saya juga ingin menarik bahawa apabila impak fizikalnya pula dibuat penelitian akan berlaku proses sedimentasi. Pendedahan kepada sedimen melebihi 30 miligram per liter ini akan menyebabkan kemusnahan penuh kepada kawasan terumbu karang, dan

hakisan yang teruk juga akan terjadi di kawasan sebelah selatan Kampung Genting. Kualiti pantai akan rosak terus akibat tapak yang ditebus guna untuk tujuan pembesaran ini.

Saya juga ingin menyentuh bahawa pada akhir syor kajian itu dicadangkan agar diusahakan kaedah lain, kerana dari kajian awal dan kajian alternatif yang dilakukan oleh pasukan penyelidikan profesional ini adalah disyorkan landasan kapal terbang sedia ada di pulau tersebut dipanjangkan kepada satu setengah kilometer, dari keadaan asal landasan sepanjang 0.2825 kilometer. Kaedah ini disokong memandangkan masih terdapat ruang tanah dataran rendah sepanjang 0.725 kilometer, iaitu menjadikan penambahan sejumlah 87.87%, cukup untuk menerima pendaratan kapal terbang. Ia tidak perlu dirosakkan dengan tebus guna yang mengakibatkan kerosakan impak fizikal dan biologi yang tidak dapat kita tukar ganti dari segi nilai kewangan.

Saya beralih kepada topik berikutnya, daripada alam sekitar kepada *broadband* kepada Petronas, saya hendak mendarat dengan isu rasuah. Kebetulan saya pernah sembilan tahun dalam UMNO dan kerajaan. Sembilan tahun dalam kelambu bukan di kaki lima. Saya pernah berada dalam Jawatankuasa Disiplin UMNO Malaysia. Bab itu, bab mengambil tindakan ke atas kesalahan rasuah dan politik wang dan salah laku dan pelanggaran terhadap peraturan pemilihan UMNO ini, saya masih hafal lagi.

Due process dalam bab ini, UMNO saya tabik memang dia ikut sungguh. Orang yang dituduh dinyatakan pertuduhan. Orang itu diberi peluang membela diri. Satu Jawatankuasa Pengadilan yang dipengerusikan waktu itu oleh Tun Zaki Tun Azmi yang hari ini sudah jadi Presiden Mahkamah Rayuan. Dia jadi pengerusi, saya jadi ahli jawatankuasa. Pernah kita adili seorang menteri. Menteri di depan ini pun ada, tetapi tidak ada pada hari ini fasal dalam kempen bagi kain batik kepada perwakilan. Kita bicarakan menteri itu, tetapi dia bukan makin terkeluar tetapi makin naik pangkat.

Ada Exco Kerajaan Negeri yang kita adili, duduk dalam Jawatankuasa Tanah. Permohonan tanah dapat kepada syarikat dia, kemudian buat litar memandu bukan di syarikat dia. Ada Exco Kerajaan Negeri dan Speaker sebuah kerajaan negeri kita adili dalam Jawatankuasa UMNO ini, katanya hendak kutip derma untuk buat bangunan. Orang kaya bagi, berderu pergi bagi. Kemudian duit itu digunakan bukan untuk bangunan tetapi masuk akaun sendiri.

Ada Exco sebuah kerajaan negeri duduk dalam Jawatankuasa Tanah, buat keputusan untuk dapatkan tanah milik dia. Tanah itu tanah pertanian *convert* jadi tanah industri. Keuntungan berlipat kali ganda. Tidak tahu hendak buat apa buka *petrol pump*, bela kuda dan buka gelanggang *go-cart*. Hari kami pergi melawat pada hari itu kuda mati, sebab kuda ini sensitif dengan perubahan cuaca. Saya akan sebutkan nanti. Kalau tanya saya boleh sebutkan nanti dan lebih banyak yang terdedah. Saya hendak sebut begini...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, sila.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini sebenarnya apa yang hendak disampaikan? Saya pernah diambil tindakan semasa Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah, bagilah *chance* saya bercakap, bolehkah tidak?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat hendak bertanya atau hendak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini hendak bertanyalah. Duduklah dulu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Silakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang hendak ditakutkan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tidak takut. Terus sahaja bertanya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey. Pada masa itu Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin. Saya tidak tahu menahu, tiba-tiba semasa Warta Berita terus dia umum saya dipecat. Keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan saya tidak diberi pertuduhan, tidak ada diberi peluang untuk menjawab, tidak ada *trial*, tidak ada *appeal*, tidak ada - *nothing*. *No, nothing*. Bila saya tulis surat kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim pun dia tidak layan. Jadi, macam mana boleh Yang Berhormat boleh mengatakan bahawa kes-kes...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya jelas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan belum habis lagi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya jelas. Ini *floor* saya. Setakat itu saya bagi. Saya jelas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, macam mana tindakan...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan saya macam mana tindakan boleh diambil kepada saya manakala saya tidak bersalah?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Sila duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang, teruskan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jangan marah saya, marah UMNOlah parti Yang Berhormat. Buat apa marah saya pula?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab Anwar...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Apa pula? Saudara Anwar Pengerusi Jawatankuasa Disiplin. Di sana ada Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Tan Sri Zaki, itu maksudnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pengerusinya...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Dalam kes kemudian keputusan Jawatankuasa Disiplin diserahkan kepada Timbalan Presiden UMNO yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dibentang dalam Majlis Tertinggi. Bukan Anwar Ibrahim, tetapi jawatan Pengerusi Timbalan Presiden yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin yang kemudiannya dibentang dalam Majlis Tertinggi. Itu UMNO. Saya bercerita ini pengalaman dalam UMNO. Saya tidak ada pengalaman dalam parti baru saya lagi, sebab tidak ada rasuah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tanya soalan lagi?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Duduk dulu, saya tidak bagi *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, tidak apa.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Duduk dulu. Yang Berhormat tidak payah kecil hati pun bab itu. Saya sendiri pun diambil tindakan oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Duduk, duduk dulu. Saya pun diambil tindakan oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO. Tiba-tiba dapat surat daripada Setiausaha Agung, "Saudara dengan ini dipecat daripada UMNO kerana dilihat hadir di kediaman Timbalan Perdana Menteri yang telah dipecat". Dua minggu selepas itu. Saya juga tidak diberi peluang bela diri. *I was not even called to defend myself*, dengan izin.

Ya, tetapi saya mengambil pengalaman ini mengingatkan bahawa alhamdulillah, parti baru yang saya anggotai ini alhamdulillah rekod bersih tidak ada sesiapa pun lagi diheret ke mahkamah. Tidak ada. PAS sudah 18 tahun memerintah sebuah negeri, menteri besar dan barisan Exconya silih berganti tetapi tidak ada satu kes pun dibawa ke mahkamah atas kesalahan rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini perkara kedua. Begitu juga rakan-rakan daripada DAP tidak ada, tetapi saya boleh ceritakan parti yang hendak banteras rasuah, kes daripada Perlis sampai ke Sabah. Kes kesalahan politik wang ini, tetapi BPR tidak boleh masuk, Tuan Yang di-Pertua. Kebal. Hanya UMNO sahaja boleh ambil tindakan BPR tidak boleh sentuh mereka.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sila, sahabat saya Yang Berhormat Jerlun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih, Yang Berhormat Machang. Tidakkah UMNO yang memecat Timbalan Presidennya di atas salah lakunya?

■1740

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya tidak dengar Yang Berhormat Jerlun. Kuat sikit.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Bila Yang Berhormat Machang sebut tadi, UMNO ini kononnya macam banyak orang yang buat salah laku, kita tidak pernah ambil tindakan. Tidakkah kami sendiri yang mengambil tindakan ke atas Timbalan Presiden UMNO waktu itu, Anwar Ibrahim sebelum ini? *[Tepuk]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Yang saya ceritakan tadi, Yang Berhormat Jerlun tidak kenalah sebab dia baru. Semasa saya dalam UMNO, dia tidak ada lagi. Itu baru. Yang Berhormat Rembau pun baru, baru balik. Itu saya tidak hendak sentuh. Saya boleh lafazkan satu demi satu, menteri mana, timbalan menteri mana, exco kerajaan negeri mana, UMNO ambil tindakan? Akan tetapi, apabila diangkat aduan kepada perdana menteri waktu itu supaya dilaporkan kepada BPR, jawapannya ialah, "Ini masalah dalaman parti. BPR tidak payah masuk campur". Itu persoalannya.

Saya masih ingat, Majlis Tertinggi UMNO yang mengambil tindakan memecat saudara Anwar Ibrahim. dimulakan dengan khutbah panjang oleh presiden parti pada waktu. Saya tidak hendak ungkit, sebab *is no more in power*, dengan izin. *None of my business* atau *interest* saya buat masa ini. Namun, apa yang berlaku ialah, hukuman kemudiannya dijatuhkan *before Anwar was given the floor to explain*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, baik. Saya akhiri dengan mendarat setakat itu. Maknanya begini Tuan Yang di-Pertua, UMNO boleh berubah sebagai parti pemerintah kalau dia ada kekuatan, tekad dan azam politik untuk lawan rasuah, dia boleh buat. Akan tetapi kalau saya rasa pesimis...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai sebelum *landing*.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...terhadap keupayaannya, saya juga ada alasan tersendiri kerana pernah berada dalam sebahagian daripada sistem itu, tahu. Sebab itu saya kata, bukan di kaki lima, tetapi dalam kelambu UMNO. Ya?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kenapa lama sangat nak *landing*?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Belum *landing*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sebelum *melanding*, Kuala Krai.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Machang. Saya yakin UMNO juga benci kepada rasuah ini. Sebab itu dalam perbahasan Menjunjung Kasih pada Titah Tuanku ini, kita dengar tadi dan semalam, dua hari lepas tentang rasuah ini. Namun begitu, salah seorang daripadanya menyebut tentang rasuah yang paling berat di Malaysia iaitu rasuah dalam bola sepak. Saya hendak bertanya, bola sepak ini FAM jaga. Tidakkah ada Timbalan Presiden FAM mengambil isu ini dengan berat? Agak-agaknyalah Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Rembau?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya *landing*. Sekejap ya Yang Berhormat Rembau. Saya *landing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak ada masa Yang Berhormat. Sila gulung.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, ya. Sebelum Yang Berhormat Rembau dapat Timbalan Presiden, sebelum itu mesti dikeluarkan arahan oleh Perdana Menteri bahawa menteri tidak boleh pegang jawatan dalam persatuan bola sepak. Selepas itu, barulah Yang Berhormat Rembau boleh masuk bertanding. Baru menang. Itu arahan tetap terpakai kepada Yang Berhormat Rembau.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir akhir sekali, mesej saya ialah, pilihan raya kali ini sama ada setuju kita guna tsunami atau tidak sebagai istilahnya, tetapi dalam rumah tangga UMNO itu sendiri sangat jelas.

Petunjuknya bahawa Presiden Parti yang juga Perdana Menteri dilihat sebagai satu beban dan liabiliti yang menyebabkan keadaan yang berlaku sekarang, penolakan rakyat. Ini jelas. Pertama, bekas Perdana Menteri suruh dia berhenti. Kedua, ada Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana, dari Barisan Nasional dalam Parlimen ini, suruh dia berhenti. Ketiga, anakanda kepada bekas Perdana Menteri pun suruh Perdana Menteri berhenti. Tengku Razaleigh juga suruh Perdana Menteri berhenti. *[Tepuk]*

Post mortem UMNO kalah, dibuat daripada Perlis sampai ke Sabah, cuma Wilayah sahaja belum buat lagi, pandangan akar umbinya ialah, dengan bahasa lembut, "siapkanlah *subsection plan*". Itu bahasa lunak. Sebenarnya, berhentilah. Itu mesejnya.

Dalam rumah tangga yang kucar kacir, tidak biasa menjadi pihak yang kalah, inilah yang sebenarnya cuba diberi gambaran oleh teman saya di BBC bahawa mereka boleh mengatur langkah, kembali memukau dan mengangkat sokongan rakyat. Saya khuatir hal ini tidak berlaku. Penolakan rakyat ini cuma permulaan. Ini satu *trend*, ini bukan satu protes. *This is only the beginning*, sebenarnya kepada satu perubahan yang lebih baik yang menunggu rakyat Malaysia, yang akan didatangkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. *[Tepuk]* Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Gajah.

5.44 ptg.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan junjungan kasih yang tidak terhingga di atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud, mencemar Duli bagi merasmikan Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ke-12 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan pilihan raya umum baru-baru ini telah membuka mata kita semua, khususnya kepada Kerajaan Barisan Nasional. Dengan kata mudah, rakyat sudah bersuara, mereka mahukan perubahan. Namun ini tidak bermakna, rakyat menolak Barisan Nasional. Hakikatnya, mereka masih perlukan Barisan Nasional. Namun, rakyat mahu Barisan Nasional mengubah sikap dan caranya menerajui negara. Kerajaan Barisan Nasional telah mentadbir negara sejak lebih 50 tahun dahulu dan berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang.

Sebagai sebahagian daripada kerajaan, itulah apa yang saya rasa. Bukankah rakyat telah memberi mandat kepada Barisan Nasional dari semasa ke semasa, dan dia menjadi pegangan kerajaan untuk memberikan apa yang dia percaya diperlukan oleh rakyat. Pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosioekonomi, naik taraf hidup dan menjaga kebajikan rakyat. Peluang pendidikan lebih luas, mengurangkan jurang pendapatan, ini semua membuktikan Barisan Nasional berjaya membawa negara daripada ekonomi tradisional kepada negara perindustrian yang dikenali dunia. Kita di Barisan Nasional percaya, bahawa kita telah melakukan sesuatu yang betul. Dalam pilihan raya umum Mac lalu, kerajaan menerusi Barisan Nasional telah ditimbang dan diukur secukupnya.

Keputusan yang diperoleh, kerajaan tidak dapat memenuhi sepenuhnya harapan dan aspirasi rakyat. Rakyat berpendapat Barisan Nasional tidak lagi berupaya mendengar sepenuhnya suara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kini bukan lagi masa untuk memberi alasan atau menuduh sesiapa. Perkara yang sepatutnya disegerakan ialah memperbetulkan kelemahan yang dikenal pasti. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan melakukan apa yang Barisan Nasional dengan pengalaman dan sumber yang luas, selain kuasa yang dipegang selaku jentera kerajaan boleh lakukan. Lagipun rakyat telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk mentadbir negara selama lima tahun lagi. Kepada yang tidak mengundi Barisan Nasional, kami meminta mereka agar tidak menutup pintu, tetapi berikan kami peluang untuk mengembalikan keyakinan, kepercayaan yang hilang. Tidak boleh dinafikan, jalan ini adalah panjang dan berliku dan Barisan Nasional perlu menghilangkan segala penawar yang pahit untuk memenangi semula hati dan pemikiran rakyat Malaysia. Rakyat yang saya maksudkan di sini ialah semua warga negara yang tinggal dan bekerja keras untuk hidup di tanah air yang tercinta.

Saya tidak hanya maksudkan orang Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban. Apa yang saya maksudkan ialah semua individual yang membentuk penduduk-penduduk Malaysia secara keseluruhannya. Soalannya sekarang, di mana kita silap? Mari renungkan perkara-perkara asas. Setiap kerajaan memegang amanah kepada rakyat masing-masing untuk menyediakan segala keperluan asas seperti keselamatan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan keadilan. Di mana kedudukan kita dalam isu-isu daripada kaca mata rakyat? Kerajaan Barisan Nasional telah menunaikan tanggungjawabnya dengan baik sejak pada tahun yang lalu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Nanti, nanti saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Malah, dalam beberapa bidang, dia berjaya melaksanakan dengan cemerlang. Namun, dalam beberapa bidang lagi, masih ada ruang yang perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan keselamatan. Kadar jenayah telah meningkat secara ketara, terutamanya dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Tahun lepas statistik menunjukkan jenayah keganasan meningkat kira-kira 13%.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun] [Mengetuk-getuk pembesar suara]*

■ 1750

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Padang Serai bangun lagi, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya habis ayat ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Kes rogol bertambah 30% dan rompakan berkumpulan melonjak hampir 160%. Keadaan ini amat membimbangkan dan perlu ditangani segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Bolehkah saya habis perenggan ini dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Duduk dahulu Padang Serai.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Keadaan ini amat membimbangkan dan perlu ditangani segera. Bagi menghapuskan kebimbangan rakyat, kita perlu mengambil beberapa pendekatan. Antaranya memastikan lebih ramai anggota polis ditempatkan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi berlakunya jenayah dan menubuhkan lebih banyak pondok polis termasuk di kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian. Jumlah polis pelancong juga perlu ditambah di lokasi-lokasi tumpuan pelancong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita dengar tadi bahawa rakyat hari ini sudah tidak begitu cenderung terhadap Barisan Nasional. Boleh tidak tolong perelaskan apakah faktor-faktor yang menyebabkan ketidacenderungan ini? Adakah ini bersangkutan paut dengan sokongan jitu daripada rakyat pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, yang hari ini menyokong satu tsunami yang dipanggil "*The People's Power*" ataupun *Makkal Sakti*. Boleh tolong perelaskan, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah terangkan kita terima hakikat bahawa rakyat sudah bersuara. Mereka mahu perubahan. Namun mereka masih perlukan Barisan Nasional. Mereka hendak Barisan Nasional dengar suara mereka dan membuat sesuatu. Inilah menjadi ucapan saya di sini. Saya akan *highlight*kan isu-isu yang kita sebagai wakil rakyat sudah dengar daripada rakyat jelata dan di Dewan yang mulia ini kita akan suarakan dengan harapan dan keyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan ambil sesuatu untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat? Padang Serai?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Batu Gajah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta penjelasan yang boleh memberi satu...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya tidak bagi dia lagi. Ini Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Batu Gajah. Padang Serai sila duduk Padang Serai. Dia bagi Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Penjelasan Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mengenai tsunami...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat. Sila duduk Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Penjelasan itu tidak begitu tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Padang Serai.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Alor Gajah, saya hendak tanya Yang Berhormat, bukankah isi kandungan ucapan Yang Berhormat sebelum ini dan baru-baru ini berkenaan kadar jenayah, semua perkara ini sebelum ini, ucapan Yang Berhormat Kulai, semua kandungan ucapan ini telah pernah disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam pembangkang atau Barisan Nasional. Jadi yang penting, apakah peranan?

Kami hendak tahu dalam Dewan sekarang, apakah peranan yang telah dimainkan oleh Yang Berhormat Alor Gajah apabila Yang Berhormat berada di Kabinet pada ketika itu? Jadi apa makna sekarang apabila Yang Berhormat membangkitkan hal ini? Sebenarnya rakyat tidak perlu melalui kesengsaraan dan hidup dalam ketakutan kerana kadar jenayah kalau awal-awal Barisan Nasional mandat 92% diberi oleh rakyat dan juga amanah yang diberi oleh orang ramai kepada Yang Berhormat Alor Gajah sebagai menteri didengar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan ke ucapan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya hendak tahu, Yang Berhormat Alor Gajah, apakah peranan yang telah dimainkan apabila Yang Berhormat berada dalam Kabinet?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, baiklah, cukuplah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuduhan Ahli Yang Berhormat Batu Gajah ini memang merupakan tuduhan dia sendirilah. Apabila saya jadi Menteri Kabinet ini, beliau telah bangkitkan beberapa masalah berkaitan dengan kawasan dia dan saya cuba selesaikan. Sekarang kita di kedudukan

yang tidak sama dan kita memainkan peranan yang tidak samalah. Sekarang saya boleh bagi pendapat saya di Dewan yang mulia ini. Dulu saya boleh beri pendapat saya di forum yang tidak sama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada empat orang yang bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Okey, saya hendak baca ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Kini keyakinan rakyat terhadap polis sedikit terhakis disebabkan oleh kerana jumlah kes bunuh berprofil tinggi yang masih belum berjaya diselesaikan. Contohnya, pembunuhan bekas anggota Dewan Undangan Negeri Lunas, mendiang Dr. Joe Fernandez, lapan tahun lalu dan pembunuhan seorang profesional IT warga Singapura, nama dia Miss Wong di satu hotel *five star* di Kuala Lumpur, dua, tiga tahun dahulu belum selesai. Dalam usaha untuk memperkukuhkan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pembunuhan Altantuya macam mana?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bolehlah macam ini. Padang Serai, tidak bolehlah macam itu, Padang Serai.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu *contempt of court*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta izin, Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Contempt of court*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jangan kacaulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jangan kacau.

Seorang Ahli: Padang Serai duduklah, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai sila duduk, Padang Serai.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Dalam usaha untuk memperkasakan bidang siasatan polis, kita perlu memperkukuhkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Padang Serai.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: ...sains forensik dan menubuhkan makmal-makmal jenayah yang moden. Mungkin kita perlu menimbang dengan serius untuk menerima pakai 125 cadangan oleh Suruhanjaya Diraja, menambahbaikkan perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia. Marilah kita memberi perhatian kepada saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa masih banyak ruang yang boleh diperbaiki bagi menjadikan PDRM sebagai sebuah pasukan yang ulung.

Alasan yang diberi termasuk statistik kadar jenayah di Malaysia lebih rendah berbanding dengan beberapa negara yang lain tidak akan menimbulkan rasa selamat dan selesa dalam kalangan rakyat, malah...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun. Hendak bagi?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Orang baru? Okeylah, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, orang baru. Ya, sila.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Alor Gajah, boleh Yang Berhormat terangkan adakah Yang Berhormat menyokong cadangan IPCMC dalam Kabinet di mana semua itu merupakan cara kita kerja sebagai bekas Menteri Sumber Manusia, adakah Yang Berhormat Alor Gajah bertanggungjawab terhadap masalah jenayah di negara ini kerana di bawah pimpinan kementerian beliau, pekerja-pekerja di Malaysia tidak dapat gaji yang sederhana dan ada di kalangan mereka itu memilih jenayah sebagai *last resort*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu, keputusan Kabinet memang secara kolektif dan tidak bolehlah saya katakan apa yang disuarakan dalam Kabinet di mana semua itu merupakan cara kita kerja. Berkaitan dengan gaji dan isu ini, itu ada berlainan dengan kadar jenayah ini. Namun demikian, isu-isu gaji itu selalunya dipikul dengan baik oleh kerajaan dan dalam forum yang lain itu kita boleh berbahaslah berkaitan dengan isu-isu gaji.

Malah rakyat rata-rata kurang mengambil endah dengan statistik berkenaan. Rakyat cuma tahu sejumlah wang perlu dibelanjakan untuk mengupah pengawal keselamatan bagi menjaga kawasan kediaman mereka. Persoalan yang timbul, mengapa mereka perlu mengupah polis profesional? Ironinya, pakar dan konsep kawal yang dahulu ini hanya boleh ditemui di kawasan-kawasan kediaman yang mewah kini boleh dilihat di mana-mana premis kediaman. Bukan untuk tunjuk-menunjuk tetapi sudah menjadi satu keperluan. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu pendidikan.

■1800

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin di belakang. Silakan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah. Sebenarnya kita memang cukup bersetuju dan menyedari bahawa kadar jenayah di negara kita semakin meningkat bahkan kerajaan pada ketika ini telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi jumlah anggota polis serta peralatan dan juga logistik.

Dalam masa yang sama, kita juga mengucap terima kasih di atas kehebatan anggota polis walau dalam jumlah yang sedikit. Dalam masa yang sama apabila polis mahu menjalankan kerja mereka dengan baik, semalam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat kononnya polis negeri Melaka telah menangkap Ahli-ahli Yang Berhormat dan melakukan kekejaman.

Sebenarnya ini adalah satu tuduhan. Kami di negeri Melaka Tuan Yang di-Pertua cukup masak dengan muslihat parti pembangkang ini. Sebenarnya polis telah menjalankan kerja mereka bagi membanteras jenayah dan pada ketika itu sebenarnya ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat mahu menunjukkan kejaguan mereka.

Apabila mereka melakukan kesalahan jenayah, maka memang cukup tepatlah polis mengambil tindakan dan sekarang dituduh pula kononnya polis melakukan kekejaman. Kalau boleh kita buktikan kerana sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat minta penjelasan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya minta sedikit sambungan daripada Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Nanti saya jawab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Memang kita semua ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak polis kerana telah menjaga keadaan keselamatan di negara kita dengan baik dalam keadaan yang amat mencabar. Itu, kita semua bersetuju.

Sesiapa yang tidak mematuhi undang-undang, saya yakin pihak polis akan terus mengambil tindakan sepatutnya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan kadar jenayah ini, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang kes Sharlinie, tentang kes Nurin yang masih belum selesai sehingga kini dan yang terbaru kes Asmawi di mana kanak-kanak ini telah hilang. Ada yang balik, mayat dan yang tidak balik, tidak tahu ke mana sehingga sekarang.

Sehinggakan dikatakan tadi Yang Berhormat mengatakan iaitu terpaksa diupah pengawal-pengawal persendirian bukan rumah-rumah elit tetapi rumah-rumah perumahan biasa pun terpaksa mengupah pengawal-pengawal persendirian.

Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa pada hari persidangan yang pertama Yang Berhormat Bintulu mengatakan bahawa ada sebahagian tenaga pengajar di pusat latihan polis adalah terdiri daripada polis yang telah diambil tindakan ataupun yang hendak disejuk bekukan? Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ada saya sebut tadi memang ada kes-kes yang *high profile* dengan izin, yang belum selesai dan kita harapkan pihak polis akan ambil tindakan yang lebih tegas, akan memperluaskan usahanya untuk menyelesaikan kes-kes seperti itu. Isu berkaitan dengan pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun, Yang Berhormat Sungai Siput bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya habiskan dulu. Ada masa nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat ada masa 10 minit tinggal, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan sememangnya rakyat boleh berbangga dengan sistem pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka dia tidak bagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Ada 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat Kota Melaka. Dia tidak bagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Pendidikan sekolah rendah adalah wajib dan percuma. Bagi peringkat menengah subsidi disediakan dan terbuka kepada

semua rakyat yang memerlukannya. Sehubungan dengan itu tiada sebarang isu yang timbul mengenai dengan perkara berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya hendak habiskan *point* ini dulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini berkenaan dengan pendidikan. Amat penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini penjelasan tentang pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Isu sebenarnya ialah ruang pendidikan di peringkat tinggi. Saban tahun, ramai pelajar yang benar-benar layak tidak mendapat tempat di universiti tempatan dan ini menyebabkan timbul persepsi berlaku ketidakadilan dari segi pengagihan tempat dan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak dan dasar meritokrasi tidak dilaksanakan sewajarnya.

Malah timbul tuduhan berhubung dasar kemasukan secara berat sebelah ke universiti-universiti tempatan. Ramai pelajar tidak berpuas hati kerana mereka tidak diberi peluang memasuki program matrikulasi yang hanya mengambil masa lebih kurang satu tahun berbanding dengan dua tahun bagi STPM. Untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan sistem tunggal bagi kemasukan ke universiti tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Namun jika sistem, biar saya habiskan isu ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Beri seminit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat Jasin sila duduk.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Namun jika sistem yang sedia ada diteruskan peluang untuk memasuki matrikulasi wajar dibuka kepada semua kaum.

Pendapat belajar secara adil dan saksama di universiti tempatan, bantuan kewangan dan biasiswa kepada mereka yang benar-benar layak, dasar meritokrasi yang berterusan akan memperkukuhkan modal insan negara ini.

Ini merupakan ruang-ruang dalam pendidikan yang diharap dapat diberi perhatian. Rakyat juga tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Gajah, bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Just one question only*, amat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat tidak bagi jalan, saya akan mengingatkan kepada Ahli supaya tidak bangun. Yang Berhormat kena berhenti.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah. Yang Berhormat Alor Gajah, pendidikan sekarang ada satu sekolah bantuan modal. Satu lagi sekolah bantuan penuh.

Saya mendapati bahawa apabila sebut tentang sekolah bantuan modal, selalunya alasan yang diberikan oleh kerajaan adalah bahawa tanah-tanah itu adalah milikan persendirian dan bukan milik kerajaan.

Jadi bolehkah kerajaan membuat sesuatu supaya tanah milikan itu boleh juga diperuntukkan tanah yang lain, di tempat lain untuk pemilik tanah itu dan kerajaan membeli atau ambil alih sekali gus tanah milikan sekolah itu supaya semua sekolah-sekolah di negara ini hanya satu status saja iaitu sekolah bantuan penuh dan saya mohon agar kerajaan mencari jalan supaya semua sekolah hanya satu status iaitu sekolah bantuan penuh. Itu sahaja, tolong beri penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua cadangan saya yang lebih luas, saya habiskan berkenaan dengan isu pendidikan dulu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga tidak berpuas hati dengan layanan yang diberi kepada sekolah-sekolah vernakular. Mereka mempersoalkan mengapa sekolah-sekolah berkenaan dipinggirkan dan tidak dianggap sebagai sebahagian dalam sistem pendidikan nasional? Mengapa penubuhan sekolah-sekolah vernakular termasuk SJK(C) dan SJK(T) tidak dimasukkan dalam program pembangunan biasa Kementerian Pelajaran mengikut keperluan rakyat tetapi penubuhannya dianggap sebagai satu tolak ansur politik?

Kenapa tidak ada sebarang cadangan untuk menubuhkan sekolah-sekolah vernakular dalam program pembangunan biasa Rancangan Malaysia Kesembilan?

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan dengan Yang Berhormat Padang Serai, saya cadangkan semua sekolah-sekolah di negara kita, termasuk sekolah bantuan modal, sekolah bantuan penuh diiktiraf sebagai sebuah sekolah kerajaan dengan syarat bahawa tanah sekolah itu diletakkan dan diisytiharkan untuk kegunaan pendidikan sahaja.

■1810

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tidak mengambil kira siapa yang mempunyai tanah tersebut.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Bekas student.*

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Di lihat tanah itu dihadkan untuk kegunaan pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ada masa enam minit lagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya tidak ada masa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setengah minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan keadilan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tidak dapat dinafikan bahawa sistem kehakiman merupakan satu lagi elemen yang menggores rakyat. Sejak bertahun-tahun lamanya imej dan integriti badan kehakiman telah terjejas.

Dalam hal ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan penubuhan satu suruhanjaya bebas bagi mengendalikan urusan pelantikan hakim dan kenaikan pangkat hakim. Ini dilihat sebagai satu langkah pertama untuk mengembalikan maruah institusi kehakiman di negara ini. Bagi sesetengah pihak ia mungkin satu tindakan yang sudah terlambat. Namun saya berpendapat ia lebih baik dari tidak melakukan apa-apa.

Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyegerakan usaha ke arah pembaharuan sistem kehakiman. Penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim, penstrukturan semula Badan Pencegah Rasuah ini merupakan antara contoh apa yang boleh kita lakukan apabila kerajaan mengambil berat mengenai perkara itu. Seperti titah Seri Paduka Baginda, langkah Perdana Menteri untuk memperkasakan institusi kehakiman menggambarkan komitmen kerajaan untuk memastikan sistem kehakiman adil, dihormati dan bebas daripada pengaruh mana-mana pihak. Kami berharap lebih banyak pembaharuan dapat di lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan sosioekonomi. Barisan Nasional telah terbukti berjaya mentadbir negara dengan cemerlang. Pertubuhan ekonomi dalam semua bidang berjaya ditingkatkan. Barisan Nasional juga berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat ke paras yang baru...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: ... ini termasuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan, memperluas bidang pendidikan dan mengurangkan jurang pendapatan serta mewujudkan ruang pekerjaan yang lebih luas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat nak bagi Padang Serai?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Saya habiskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jikalau cemerlang mana boleh kalah lima negeri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jangan kacaulah, dia ada peluang dia sendiri untuk bercakap. Apa sebenarnya punca pengundi mula membelakangkan Barisan Nasional? Saya tidak mempunyai jawapan yang diberikan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jangan wayang kulitlah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Menerusi kajian sebab umumnya disebut-sebut oleh mereka yang mahu perubahan ialah sikap Barisan Nasional yang tidak boleh mendengar sepenuhnya. Saya tidak berhasrat untuk memperdebatkan sama ada tuduhan itu adalah benar. Cukuplah dengan kenyataan bahawa keputusan pilihan raya antara lain menegaskan tangkapan pengundi yang cenderung kepada tuduhan-tuduhan tersebut.

Sejak penubuhan MCA kami sentiasa yakin kepada modal kerjasama antara semua kaum. Setiap parti mewakili kumpulan etnik yang berbeza tetapi berkongsi perjuangan yang sama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Mengimbas kembali zaman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini politik-politik perkauman tidak boleh dipakai lagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jangan kacau, jangan kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai cukup Padang Serai. Dia tidak bagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Jangan kacau, dia ada peluang sendiri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini minta penjelasan tentang anti perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: *Please don't disturb, you have the chance.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Mengimbas kembali zaman pemimpin-pemimpin dahulu menuntut kemerdekaan daripada British. Perlu diingat tiga parti terlibat adalah setaraf. Perlu juga diingat bahawa antara cabaran tujuan rombongan yang dihantar ke England ialah membuktikan kepada penjajah walaupun mempunyai pelbagai perbezaan kita mampu hidup bersama dengan harmoni.

Ketika itu 'orang putih' berpendapat adalah mustahil bagi masyarakat berlainan kaum duduk sebungung secara aman. Rakyat Malaysia adalah berbeza, mereka mempunyai agama yang berbeza dan bertutur dalam bahasa yang berbeza malah makanan mereka juga berbeza. Perbezaan ini telah wujud sejak dahulunya namun kita berjaya meyakinkan mereka bahawa kita berupaya hidup aman bersama.

Media baru penuh dengan kritikan terhadap keharmonian dan amalan hormat-menghormati antara kaum. Jika seseorang itu biasa menggunakan nilai baru dia akan menemui banyak kenyataan yang tidak baik terhadap kaum-kaum tertentu yang ditulis oleh ahli politik yang terlalu ghairah.

Tidak ada salahnya menggalakkan satu-satu kaum untuk memajukan diri tetapi adalah salah jika melakukannya dengan menghina dan mencetuskan perasaan tidak puas hati terhadap kaum yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Ya. Selagi ada kelompok rakyat yang menganggap kaum mereka tidak mendapat hak yang sewajarnya, keharmonian yang diidam-idamkan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia akan kekal sebagai impian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan perlu dilihat membawa manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan harus berlandaskan keperluan. Sebahagiannya kerajaan berada di barisan hadapan memperjuangkan konsep meritokrasi di semua peringkat. Dalam konteks ini syarikat berkaitan dengan kerajaan atau GLC dengan izin tidak seharusnya memberi tumpuan kepada satu kaum sahaja, rakyat akan menimbulkan persoalan kenapa GLC hanya di terajui oleh satu kaum? Adakah kerana tidak ada kaum yang lain layak untuk mengetuai GLC tersebut?

Sektor perkhidmatan juga perlu mencerminkan komposisi pelbagai kaum dengan lebih adil terutamanya melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan di kaunter. Pemberian kontrak-kontrak kerajaan tidak sepatutnya berdasarkan kepada kaum tetapi perlu berasaskan kemampuan dan pengalaman. Kriteria seperti pengalaman sesebuah syarikat ada kontraktor, latar belakang dan rekod prestasi wajar menjadi kriteria penting untuk di

pertimbangkan. Malah, institusi perbankan juga harus menggunakan kriteria tersebut dalam meluluskan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata mahukan perubahan, perubahan berada dalam tangan kita. Daripada perspektif MCA saya sedari masyarakat Cina di Malaysia yang hak mereka kami perjuangkan menganggap kami sebagai mengecewakan. Namun, saya tidak mahu membuat anggapan bahawa Pilihan Raya Umum Ke-12 menjadi titik tolak daripada kejatuhan parti-parti politik berasaskan kepada kaum.

MCA bermula sebagai sebuah pertubuhan yang membantu pekerja Cina menyesuaikan diri di Tanah Melayu yang dipilih sebagai tanah air yang baru. MCA memutuskan untuk membabitkan diri di dalam politik selepas ia merasakan pihak British meminggirkan masyarakat Cina dalam peruntukan Perlembagaan. Saya ingin tegaskan kami telah melakar pelbagai kejayaan, memartabatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Okey. ...sekolah-sekolah Cina, kampung-kampung baru dan sebagainya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai kita tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Hakikat rakyat bukan menyebelahi pembangkang. Namun keyakinan mereka kepada Barisan Nasional sedikit terhakis.

Secara kesimpulan rakyat mahukan perubahan. Perubahan ini boleh datang dari kita atau tanpa kita. Tempoh lima tahun dari sekarang merupakan waktu yang amat penting, perubahan amat mustahak bagi kelangsungan kerajaan. Dengan ini saya ingin menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

6.18 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. apa yang diucap oleh Yang Berhormat Alor Gajah memang adalah sama *tune* dengan Yang Berhormat Presidennya iaitu Yang Berhormat Kulai. Dulu mereka ada di dalam Kabinet, di mana sepatutnya sekiranya mereka ada berkesan, jadi hari ini saya rasa tidak akan duduk di sebelah sini di *backbencher*.

Saya tidak tahu apabila mereka sudah tukar kerusi mereka, adakah mereka akan lebih berkesan berucap di dalam Dewan ini sebagai seorang *backbencher* kalau berbanding seorang Kabinet *Minister*. Saya sangat sangsi kerana dalam Kabinet adalah tempat membuat keputusan. Sekiranya dalam Kabinet pun tidak dapat menjalankan tugas sebagai pembuat keputusan ataupun pejuang hak untuk kaum yang mereka mewakili, saya kurang pasti dan kurang yakin sama ada mereka akan berkesan pada waktu sekarang.

■1820

Apa yang mereka ucap itu memang sudah lama, bertahun-tahunlah diminta, dipohon, dirayu oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Cina dan India, tetapi tidak dihiraukan oleh pemimpin Barisan Nasional. Semasa mereka di dalam Kabinet, mereka pun tidak dapat membawa apa-apa perubahan jadi rakyatlah, maka saktilah yang membawa perubahan dalam 8 Mac ini. Jadi betullah mereka yang kata rakyat sudah bersuara, *the people has spoken* dan sama ada mereka telah dengar, adakah pemimpin Barisan Nasional sekarang telah dengar, telah dapat mesej melalui peti undi itu. Saya rasa ada yang telah dengar, ada yang belum dengar lagi.

Dari itu, yang dapat dengar ialah saya rasa Menteri Penerangan yang baru yang menyatakan kerajaan ini sekarang akan mengubah sikapnya terhadap *blogger*. Namun, *blogger* juga ditahan, telah dibawa ke mahkamah dan dimasukkan ke dalam lokap. Jadi, dia dengar tetapi kerajaan keseluruhannya rasanya belum mengubah sikapnya dan terhadap kebebasan media pun Kerajaan Barisan Nasional belum faham lagi kehendak rakyat. Saya mengalu-alukan, saya menyambut baik tentang dasar untuk *live telecast Parliament*, sesi Parlimen walaupun hanya setengah jam pada setiap pagi.

Saya rasa untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah mendengar kehendak rakyat, saya rasa elok dan baiknya sekiranya *live telecast* ini boleh memanjangkan masanya. Saya rasa eloknya jika ia boleh *live telecast* sepanjang masa apabila kita bermesyuarat. Bukankah yang kita katakan bahawa Dewan ini memang dewan forum yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Alor Gajah dan Yang Berhormat Pulau itu dapatlah walaupun mereka masih di sebelah yang tidak sama. Namun, saya rasa sekarang kerana mereka pun senadi dengan pihak yang sini, saya harap bahawa pemimpin Barisan Nasional dapat dengar dan membuat perubahan.

Saya rasa masalah pendidikan adalah senang sahaja, bukannya kita berkata, Barisan Nasional pun berkata bahawa ini sekarang sudah masuk era *knowledge economy*. Jikalau *knowledge* dan kalau pendidikan tidak disempurnakan bagaimana kita boleh melaksanakan polisi ini. Jadi saya rasa apa kehendak masyarakat Cina dan India adalah *simple* sahaja, mudah sahaja, memberi kesaksamaan. Membina sekolah SRJK(T) dan SRJK(C) mengikut keperluan. Di mana ada keperluannya, binalah sekolah di situ. Ini memang dikatakan selama 30 tahun saya rasa. Ada ke? Ini kerana MCA pun telah pun 50 tahun dalam berkongsi kuasa dengan UMNO tetapi tidak dapat juga mencapai kehendak ini sampai dia kalah teruk di dalam pilihan raya ini.

Satu lagi permintaan ialah, memberi peruntukan dengan adil. Sebelum pilihan raya kali ini, memang banyak peruntukan diberi melalui MCA dan Gerakan kepada sekolah-sekolah Cina tetapi taktik ini sudah tidak boleh dipakai lagi, tidak berkesan lagi. Ini kerana masyarakat Cina merasa dihina oleh taktik ini selama ini, melayan isu yang penting ini seperti pendidikan ini sebagai melayan budak-budak, seperti memberi gula sahaja apabila pilihan raya sampai.

Jadi itulah, walaupun memberi peruntukan yang berjuta-juta tetapi kalah juga kerana apa yang dikehendaki bukanlah gula tetapi apa yang dikehendaki ialah hak saksama. Jadi saya harap Barisan Nasional akan mengambil iktibar, jangan melayan rakyatnya dengan gula-gula sahaja. Kalau tidak saya rasa pada pilihan raya akan datang mungkin akan mengalami kekalahan yang lebih teruk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini kita lihat dalam Parlimen ini perubahan yang besar, pembangkang sedar bilangan Ahli Parlimen dalam Dewan ini telah meningkat. Sayangnya bilangan ahli wanita adalah lebih kurang sama sahaja dengan penggal yang lepas. Sekarang kita dapat 24 orang Ahli Parlimen wanita, sebelasnya dari Pakatan Rakyat. Ini adalah peningkatan dari empat orang dari penggal yang lalu. Ini saya rasa satu tanda yang baik, tetapi sayangnya di sebelah sana ramai ahli wanita yang calon mereka telah kalah.

Di sini juga kita lihat walaupun Kerajaan Barisan Nasional bertujuan untuk mencapai 30 %, pembuat keputusan datang dari kaum wanita, tetapi sayangnya kali ini kita lihat dalam Kabinetnya menteri wanita telah kurang dari tiga sampai dua sahaja. Ini tidak selaras dengan dasar Barisan Nasional sendiri. Jadi saya rasa ini adalah menunjukkan bahawa Barisan Nasional cakap tidak serupa bikin atau bikin tidak serupa cakap. *[Ketawa]*

Bukan tidak ada wanita yang berkelayakan tetapi mengapa tidak diberi sedikit lebih ramai lagi dalam Kabinet dan juga di dalam *candidates* ataupun calon-calonnya tidak diberi kepada wanita juga. Jadi, ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional tidak serius ataupun mereka tidak memandang berat tentang kepentingan pengundi-pengundi wanita. Mungkin itu adalah salah satu sebabnya mereka kalah teruk kali ini.

Saya ingin membawa dua perkara untuk kepentingan kaum wanita. Pertama ialah mengenai Akta Perkahwinan dan Penceraian. Pada tahun 2005 bulan September dalam

Dewan ini, saya telah mengemukakan permohonan supaya akta ini mengenai pembayaran nafkah dipinda kerana terdapat ramai bekas suami setelah cerai tidak membayar nafkah kepada anak-anak dan isterinya. Ini mengakibatkan beberapa impak kepada anak-anak ini dan dia membawa masalah kepada keluarga ini dan juga masalah sosial.

■1840

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Kita ada lebih kurang 7 juta kalau tidak salah saya keluarga *single parent, single family* dan banyak di antara mereka adalah di dalam tahap kemiskinan salah satu sebabnya ialah, kerana bekas suami tidak membayar nafkah. Dalam Dewan ini pada tahun 2005 bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengatakan bahawa - ini laporan pada hari itu. Dia mengatakan dalam Dewan ini, "Bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan meminda Akta Perkahwinan dan Penceraian bagi membolehkan tindakan lebih tegas terhadap bekas suami yang gagal membayar nafkah keluarga lepas bercerai". Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada waktu itu berkata, "Pindaan akta itu yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu bertujuan memastikan bekas isteri dan anak-anak mendapat pembelaan sewajarnya". Katanya sebelum itu seorang bekas suami yang gagal mematuhi perintah mahkamah supaya membayar nafkah boleh dirujuk sebagai menghina mahkamah bagi memaksanya membayarkan nafkah jika tidak mahu dihukum.

Bagaimanapun satu keputusan Mahkamah Tinggi Ogos lalu menetapkan bahawa kegagalan membayar nafkah mengikut perintah mahkamah tidak boleh lagi ditakrifkan sebagai menghina mahkamah, dan pada waktu sekarang sekiranya isteri-isteri ini ingin melalui mahkamah, menuntut perintah mahkamah dikuatkuasakan. Isteri ini mesti membayar kepada peguam dan sekiranya bekas suaminya masih tidak mahu membayar, dan dia dilokap atau dipenjarakan, isteri ini mesti membayar kehidupan seharinya RM30 apabila suami ini dipenjarakan dan saya rasa ini tidak boleh dilaksanakan langsung pada waktu ini. Jadi pada waktu itu saya mencadangkan supaya mengadakan satu unit khas untuk melaksanakan perintah-perintah mahkamah untuk membayar nafkah, seperti apa yang dijalankan oleh Singapura tapi Kerajaan Barisan Nasional yang selalu dikatakan begitu prihatin kepada kaum wanita yang miskin tidak menjalankan atau mengambil cadangan ini sampai hari ini yang dikatakan ialah dua, tiga tahun yang lalu.

Sampai hari ini apakah kedudukannya. Saya hendak cadangkan supaya ini merupakan satu prioriti, pemindaan akta ini diambil sebagai satu keutamaan oleh Kementerian yang berkenaan supaya kita boleh menyelesaikan ataupun menolong membantu ibu-ibu tunggal yang menghadapi masalah kemiskinan, kerana bekas suami tidak mahu membayar nafkah. Saya juga ingin mencadangkan supaya mahkamah keluarga ditubuhkan supaya menyenangkan isteri-isteri yang miskin seperti ini untuk menunjukan kepada mahkamah untuk mendapat bantuan. Saya juga mahu mengemukakan sekali lagi, mengadakan satu unit untuk menguruskan pembayaran nafkah ini.

Perkara yang kedua saya rasa yang amat penting untuk kaum wanita khususnya mereka yang miskin, mereka yang dipaksa mesti bekerja dan mempunyai anak-anak yang kecil dan mereka tidak mampu menghantarkan anak untuk dibawa jagaan sesiapa. Jadi mereka yang ada anak-anak yang kecil, yang ditinggalkan di rumah sahaja walaupun di bawah umur 12 tahun, yang memang di bawah undang-undang tidak boleh, tetapi mereka tidak ada pilihan kerana mereka harus cari makan, cari rezeki ataupun mereka membawa anak-anak kecil ini juga ke tempat mereka mencari rezeki di pasar-pasar. Alangkah baik kalau Kerajaan Barisan Nasional boleh mengadakan atau mewujudkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak supaya kita meringankan beban keluarga-keluarga dan ibu-ibu yang miskin ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Program itu sudah pun dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - ada. Jadi mungkin Yang Berhormat

tidak mengetahui, kalau sekiranya ada permintaan buat di kawasan Yang Berhormat pun boleh tidak ada masalah dah buat dah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi apabila saya berfikir sama ada saya hendak beri peluang kepada beliau, itulah dalam fikiran saya ialah sama ada beliau akan faham perkara ini. Ingin saya menunjukkan bahawa beliau tidak tahu walaupun ada program, program itu belum jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dah jalan dah yang itu. Itu yang saya cakap tadi sudah jalan. Mungkin Yang Berhormat tak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dulu dia belum bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat ini beliau bukan duduk di depan *bench* ini, beliau bukan menjaga kementerian ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan, penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nantilah, nanti saya habis ini dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia buat tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi sudah bagi peluang tapi tidak menunjukkan kepandaian dalam perkara ini ya. Jadi yang saya berpendapat bahawa pusat jagaan kanak-kanak ini bukan sahaja untuk meringankan beban ibu-ibu yang bekerja, tetapi dia juga sebagai satu cara untuk membasmi kemiskinan. Sekiranya keluarga itu miskin, ibu dan bapanya boleh keluar bekerja, mereka akan mengatasi kemiskinan. Tapi kalau anak-anaknya tidak ada orang menjaga ibunya susah juga hendak keluar untuk bekerja. Ini juga satu cara untuk mencegah masalah sosial pada masa depan. Sekiranya anak-anak ini pada hari ini kita tidak menjaga dengan sempurna jadi pada masa hadapan mereka mungkin menjadi masalah sosial.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa lebih baik kita melaburkan pada hari ini untuk mengadakan pusat jagaan kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Putatan bangun Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekejap lagi ya. Untuk melaburkan sekarang lebih baik daripada sepuluh tahun yang akan datang, dua puluh yang akan datang, kita harus mengeluarkan duit yang lebih banyak untuk membina pusat-pusat pemulihan ataupun penjara. Saya rasa ini merupakan satu pelaburan sosial yang paling bernilai.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih tidak tahu sahabat atau tidak ini. Yang Berhormat Bukit Mertajam memang bercakap pedas-pedas kadang-kadang tapi baik juga, terima kasih Yang Berhormat. Soal gejala sosial saya tidak begitu faham matlamat atau hasrat Yang Berhormat yang satu menyatakan menggalakkan pihak yang lain menjaga anak-anak kita, dan satu lagi menggalakkan ibu bapa kita untuk memberi tumpuan kepada anak-anak kita, mana satu yang betul Yang Berhormat. Kita mendidik kerana kepentingan jagaan orang lainkah ataupun lebih dekat dengan ibu bapa. Minta penjelasan sikit Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekiranya mampu, saya rasa sekiranya mampu satu keluarga yang hanya seorang ibu bapanya keluar kerja dan dia dapat menampungkan kehidupan adalah baik di antara satu ibu bapanya. Bapa pun boleh tinggal di rumah untuk menjaga anaknya, mendekati anaknya.

■1840

Akan tetapi sekiranya keluarga memerlukan kedua ibu bapa untuk keluar bekerja pada waktu sekarang, dan banyak keluarga sekarang memerlukan kedua ibu bapa untuk

keluar bekerja. Jadi ini bukan ada pilihan. Sekiranya ada pilihan, kita tahu buat pilihan. Kalau menteri-menteri, isteri mereka boleh duduk di rumah. Apa yang penting ialah perlunya ada pusat penjagaan kanak-kanak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...supaya yang menjaga anak-anak itu juga adalah terlatih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang bangun di belakang Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadar penyertaan wanita dalam pekerjaan atau *senior level participation rate*, dengan izin, pada tahun 1985 adalah 46%, tapi dalam tahun 2006, 20 tahun lepas itu, sama juga 46% sahaja. Jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang mengadakan *senior level participation rate* yang hampir 65%. Adakah ini kegagalan Kerajaan Barisan Nasional dalam memelihara nasib kaum wanita? Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang saya setuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Itu patutlah Barisan Nasional memikirkan, mengapa kaum wanita kurang menyertai bidang ekonomi dan itu memang juga tujuan Barisan Nasional untuk menggalakkan kaum wanita, kaum ibu untuk menyertai bidang pekerjaan, supaya kita boleh mengurangkan pendatang asing.

Itulah saya berpendapat bahawa mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak ini adalah amat penting untuk mencapai objektif kita, untuk mempromosi *gender e-Quality*. Jadi, saya harap menteri yang baru untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat mengutamakan kedua-dua perkara ini dan saya juga berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat wanita di dalam Dewan ini, boleh bersetuju untuk mewujudkan fokus wanita untuk melaksanakan kedua-dua agenda ini untuk kebaikan semua wanita.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Minta laluan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang hujung sekali Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang sanggup untuk memperjuangkan nasib wanita.

Yang kedua, apa sebenarnya masalah yang kita hadapi sekarang? Kita berharap semoga kerajaan dapat memperkemas lagi peruntukan, terutamanya kepada wanita-wanita tempatan yang mengahwini pendatang-pendatang asing.

Yang ketiga, saya juga tertarik tadi apabila Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menyindir, tentang dua Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan juga Alor Gajah, bekas anggota Kabinet. Dalam prinsip Barisan Nasional, di mana jua kita berada, seharusnya kita menjalankan tugas dan tanggungjawab kita dengan begitu beramanah. Dan saya yakin kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut semasa dalam Kabinet, telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang. Sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat, tengok.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ... sekarang... ya? Boleh? Sekarang apabila mereka menjadi *backbencher*, mereka bukan sahaja menukar haluan ataupun nada mereka tetapi mereka menjalankan tugas mereka sebagai ahli yang telah diberi mandat oleh rakyat menyuarakan pendapat, itu tidak semestinya mereka menentang apa jua dasar kerajaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, terima kasih, terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Oh! Saya nak sambung lagi, tapi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih ya. Soalan saya ialah apabila mereka di dalam Kabinet pun tidak dapat menjalankan tugas atau memperjuangkan kepentingan kaum-kaum yang mereka wakili, adakah mereka akan berkesan sebagai *backbencher*?

Sekiranya Yang Berhormat Jasin mengatakan mereka memang telah menyuarakan perkara yang sama dalam Kabinet, itu bermakna Kabinet tidak mendengar apa yang mereka sampaikan. Itu menunjukkan bahawa mereka tidak berkesan dalam Kabinet. Itu adalah kerana UMNO tidak memandang berat kepada mereka. Dan itulah sebabnya, ramai di antara mereka telah menyalahkan UMNO kerana UMNO terlalu angkuh, beberapa orang pemimpin UMNO terlalu ekstrem mengeluarkan keris dan sebagainya. Dan sekiranya dilihat bahawa ada yang kita telah dengar, meminta maaf mengenai isu keris tapi ada lagi yang belum faham lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang berminat di belakang Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Saya nak minta pendapat atau penjelasan dari Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Yang Berhormat dari Kulai dan Alor Gajah telah buat pandangan yang sama dengan pembangkang. Adakah kedua-dua Yang Berhormat ini yakin bahawa ada yang kita telah dengar, meminta maaf mengenai isu keris tapi ada lagi yang belum faham lagi... Sila berikan pandangan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah perkataan Cina mengatakan bahawa kita dengar perkataan mereka dan selepas itu kita pantau tindakannya. Tengok sama ada mereka bikin sama cakap, dengan sama bikin atau bikin sama cakap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada November 2007, bekas Menteri Kesihatan mengatakan bahawa di dalam negara kita ini, terdapat 16% *populations* kita yang menghadapi masalah mental atau penyakit mental. *16% of the populations have been diagnose with mental illness.* Dan di antara 16% ini, 2% adalah kanak-kanak di bawah 16 tahun. Dan pada masa yang sama, bekas menteri juga memberitahu bahawa kita memerlukan 300 psikiatri tetapi pada waktu ini, kita hanya ada 145 sahaja.

Itu bermaksud kita amat kekurangan. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, bagaimana kita akan mengatasi kekurangan ini? Kita juga mengetahui bahawa ramai yang menghadapi penyakit kanser, *diabetes, high blood pressure*, tapi kita juga kekurangan pakar-pakar.

Menteri Kesihatan yang baru mengatakan bahawa apabila dia mengambil alih sebagai menteri, rakyat yang pergi ke hospital awam boleh selesai melihat atau boleh melihat doktor dalam 30 minit, tapi ini tidak dapat dicapai dan jauh daripada objektif ini. Dulu ialah 60 *minutes*, sekarang dia kata 30 *minutes*. Akan tetapi di Hospital Subang Jaya, pada satu *Friday*, di mana begitu ramai pesakit menunggu sampai satu jam barulah dapat nombor. Satu jam lagi baru dapat masuk berjumpa doktor. Dan selepas itu, apabila doktor habis *diagnose*, mesti ambil nombor lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat satu minit lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, sedikit lagi. Nombor lagi untuk tunggu mendapat ubat. Tiga jam adalah biasanya masa diambil. Jadi saya harap... Hah! Inilah satu kali kita lihat, sama ada bikin adalah sama dengan cakap atau tidak? Dan saya ingin mendapat penjelasan bagaimana kerajaan atau kementeriannya akan meningkatkan perkhidmatan ini.

■ 1850

Akhirnya saya ingin mendapatkan penjelasan mengapa Kerajaan Barisan Nasional khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah gagal mengotakan janji Pilihan Raya 2004. Beliau mengatakan akan membanteras jenayah. Tetapi dalam empat tahun beliau menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, indeks jenayah meningkat dengan *double digit*. Sampai hari ini beliau tidak dapat mengurangkannya. Sampai hari ini ramai rakyat termasuk lelaki juga yang kkuatir apabila mereka keluar atau berjalan di mana-mana tempat. Malah di rumah pun boleh dirompak, boleh dcederakan. Saya ingin merayu supaya menjadikan isu keselamatan ini menjadi satu keutamaan kerajaan yang baru ini yang tidak mempunyai *total* majoriti, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Putatan.

6.51 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai Ahli Dewan Rakyat Ahli Parlimen dari kawasan Putatan, bersama-sama dengan rakyat dari kawasan Putatan amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan serta menyokong usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi berangkat untuk menyampaikan Titah Ucapan Baginda di Persidangan Parlimen kali ini pada 29 April yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang telah dipilih.

Semoga kita semua dapat sama-sama memartabatkan lagi institusi Parlimen negara kita yang bertuah ini dan setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan ke atas pemilihan Tuan Yang di-Pertua dan kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kejayaan cemerlang Barisan Nasional di negeri Sabah khususnya dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 bagi saya tolak parti pembangkang adalah berlandaskan dua perkara asas yang terpenting. Pertama, rakyat Negeri Sabah menaruh kepercayaan penuh kepada kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional untuk menunaikan janji-janji dalam manifestonya. Kedua, rakyat negeri Sabah kehausan pembangunan.

Di sini saya harap segala cadangan pembangunan yang telah dirancang di negeri ini dan di Sarawak jangan dibatal sama sekali. Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara pertama pemimpin-pemimpin BN di kedua-dua negeri ini di semua peringkat haruslah menerangkan kepada rakyat negeri masing-masing bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional yang berwibawa dapat mentadbir negara ini. Berwibawa kerana BN akan berlaku adil kepada semua rakyat di negara ini, berwibawa kerana BN akan memberikan peluang pendidikan, pembangunan dan lain-lain peluang secara sama rata tanpa mengira kaum dan agama.

Berwibawa kerana BN akan menjamin kesejahteraan hidup rakyat, berwibawa kerana BN prihatin, berwibawa kerana BN mementingkan keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat. Tetapi walaupun kerajaan BN telah ditubuhkan sejak 9 Mac yang lalu, kewibawaan ini belum lagi dapat dipertontonkan dan adalah harapan saya bahawa segala apa yang diperkatakan dalam manifesto mestilah dikotakan. Tuan Yang di-Pertua, malang sekali, sayang sekali, puas sudah kita menyalak, berucap, berbahas, sampai mulut kita berbubuyabuy di Parlimen...

Seorang Ahli: Berbuih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Berbuya, berbuih samalah itu. Ini Sabah punya bahasa. Rintihan dan rentetan rakyat di negeri Sabah dan Sarawak selalunya dilepas pandang. Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama masalah pendatang tanpa izin yang belum mendapat jawapan yang konkrit dari pihak kerajaan. Bahkan kerajaan bercadang untuk memberikan dokumen IMM 13 yang ditempatkan di Pulau Karuman di Labuan. Saya rasa cara ini tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak. Yang kedua, masalah jalan, bekalan air, elektrik di kampung-kampung belum lagi selesai.

Jadi keadaan sekarang ini rakyat mempersoalkan kewibawaan yang mana kita pakai. Saya menaruh harapan yang besar di mana adanya projek-projek yang telah

dirancang. Saya mohon sekali lagi jangan dibatal atas alasan memberi keutamaan kepada projek pemakanan atau projek peminuman kalau ada. Walaupun saya menyokong penuh atas usaha kerajaan untuk memperkasakan projek pemakanan di Sabah dan di Sarawak, pada masa yang sama, perbaikilah jalan-jalan masuk kampung-kampung. Seperti mana yang disentuh oleh sahabat saya dari Batang Sadong, sahabat saya dari Hulu Rajang, sahabat saya dari Baram, dan saya terlupa sahabat saya dari Santubong.

Banyak memerlukan penaikan taraf-taraf ke kampung-kampung yang terpencil. Ini satu cara untuk mendekati masyarakat kita di luar bandar, masyarakat kita di desa-desa. Supaya mereka juga turut merasai pembangunan, turut merasai apa yang kita rasa sedap di kawasan-kawasan bandar terutama sekali orang-orang yang berada yang telah mengundi pada pihak yang lain untuk mengajar kita supaya kita memperbaiki keadaan di dalam bentuk kerajaan kita supaya mandat rakyat diberi kepada Kerajaan Barisan Nasional satu kali lagi kita akan memerintah kelima-lima negeri ini nanti yang kalah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Titiwangsa bangun Yang Berhormat. Hendak bagi?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sekejaplah. Nanti *boring* nanti kalau orang dengar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya akan bagi, jangan susah, saya tahu Yang Berhormat akan membantu saya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bagus.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah melakukan penaikan taraf jalan-jalan di desa-desa. Satu pendekatan supaya tanah-tanah di desa-desa di luar-luar bandar ini dapat dibangunkan supaya rakyat-rakyat yang kurang mampu, yang miskin dapat juga menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita supaya kita dapat menaikkan hasil pertanian, hasil pemakanan kalau dikatakan pemakanan, hasil pendapatan. Inilah cara kita untuk membasmikan, membantu usaha kerajaan, matlamat kerajaan untuk membasmi kemiskinan kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, siapa tadi? Sila.

■1900

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersimpati dengan Yang Berhormat Putatan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak. Dari tadi rintihan-rintihan yang kalau saya kira kalau dibuat sajak dan ramailah rakyat di luar sana dengar agaknya, bercucuranlah air mata mereka. Walau bagaimanapun, saya ingin berkongsilah sedikit dengan Yang Berhormat Putatan. Nombor satunya kalau hendak *expressway*lah untuk dapat pembangunan di Sabah ini, bukan kalau hendak cepatlah, salah satu sekarang cara dia yang saya lihat sebelum ini, kena ada mati atau meninggal Yang Berhormat.

Bila ada yang mati dan yang meninggal, ada pilihan raya kecil, cepatlah datang pembangunan. RM30 juta, RM70 juta diluluskan serta-merta dalam masa tiga-empat hari. Jadi mati hidup itu kita tidak boleh hendak tentukan sebab itu kerana kuasa Allah. Jadi cara keduanya, tukarlah, pindah rumah daripada rumah banglo ke rumah teres. Terima kasih, itu sahajalah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa ini saya rasa hendak mempermainkan perasaan rakyat negeri Sabah. Saya mewakili rakyat negeri Sabah. Jadi janganlah diputarbelitkan hasrat saya yang murni ini Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada pembangkang ini suka cakap putar belit seperti haiwan yang begitu *[Sambil menunjukkan gaya ular]* Tuan Yang di-Pertua. Seperti Yang Berhormat Ipoh Barat, itu saya tidak tahulah. Tak apalah Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Minta laluan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Inilah pembangkang Tuan Yang di-Pertua, dia kaki hasut suka menghasut orang. Dia ambil peluang sahaja. Sikit-sikit tak selesai masalah masuk pembangkang. Mudah sahaja. Itu dia kata boleh menyelesaikan masalah. Dia lupa bahawa kita di Parlimen ini, kita terbuka. Kita hendak menegur kerajaankah, menimbulkan rasa tidak puas hatikah, inilah kelebihan kita. Iaitu biar kita berterus terang demi memperjuangkan kepentingan dan hak rakyat. Jadi tak perlulah maksudnya kita sembunyi. Tak tahulah pembangkang ini mungkin dia simpan dalam hati sahaja. Yang tak baik pun kata baik, tak baik kata baik sebab hendak juga nama parti dia, tetapi ini ialah kelebihan Barisan Nasional dan jangan maksudnya kita suka hasut sebab ini sebenarnya menghina orang Sabah dan Sarawak seolah-olah...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh dikata sebagainya. Sampai kata boleh, lebih baik mati dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang yang mencelah jangan dicelah Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tak apalah. Nak minta kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa duduk ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh hendak tanya sikit? Beri keterangan?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap lagi.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kata menghasut tadi itu?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kita memberi cadangan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap. Dia punya perbincangan. Ini saya punya *floor*. Saya tidak cakap menghasut tadi. Tak apa, tak apa. Saya maaf. Dia tak minta maaf pun saya maaf. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua. Sabah adalah negeri Di Bawah Bayu. Di Bawah Bayu tempat letak lapangan terbang yang kedua terbesar di Malaysia. Tempat *World Heritage Centre* dengan izin. Tempat *the lost world* dengan izin, juga dari negeri Sabah, negeri Di Bawah Bayu. Berbagai-bagai ungkapan yang menggambarkan bahawa inilah negeri yang makmur dan maju tetapi hakikatnya, negeri Sabah adalah negeri yang termundur di Malaysia dengan kadar kemiskinan yang tertinggi. Mengapa? Kerana dalam semua hal ini selalu dilimpas pandang. Kata Sabah limpas pandang ini lepas pandang Yang Berhormat. Sabah bilang limpas. *[Ketawa]* Boleh pakai.

Jadi pada Pilihan Raya Ke-12, rakyat Sabah telah bertekad untuk tidak lepas pandang. Oleh itu, rakyat telah memberikan mandat yang besar kepada Barisan Nasional kerana kehausan pembangunan. Itu yang saya takut Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tiupan angin tidak menentu. Walaupun Sabah ini negeri Di Bawah Bayu, kadang-kadang ada juga angin-angin...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Nanti. Angin ini, angin yang perlahan, perlahan ini tidak kuat, tidak apa. Nanti sekejap. Jangan salahkan kami wakil rakyat yang memang tetap pertahankan kewibawaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Jadi bantulah kami. Menteri-menteri yang di sana, tetapi tidak ada, tak apa. *[Ketawa]* Ada. Terima kasih. Laksanakan janji-janji...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bunyi, bunyi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Wahai menteri-menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, rayuan ini bunyi macam rayuan P. Ramlee sahaja ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Lebih kurangnya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita serius sedikit. Di Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya berkali-kalilah memohon kepada pucuk pimpinan kerajaan untuk tidak mengabaikan, mengaibkan rakyat Malaysia dari negeri Sabah dan Sarawak. Ambillah iktibar daripada sokongan majoriti rakyat Sabah pada pemilihan yang baru lalu. Tunjukkanlah kewibawaan Barisan Nasional yang akan memenuhi janji-janji itu kepada rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pertumbuhan 6.3% ekonomi negara bagi tahun 2007 memberangsangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap. Negara kita kini dilanda masalah barangan terutama sekali harga barangan makanan yang telah melambung tinggi dan melepaskan mana-mana kadar kenaikan barang dalam dua dekad yang lalu. Ya, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya juga bangun untuk menyatakan simpati kami apa yang berlaku di negeri sahabat kita Sabah dan Sarawak. Cuma saya ingin pandangan, apa pandangan Yang Berhormat, apakah sebenarnya punca-punca berlakunya pengabaian terhadap negeri-negeri di Sabah dan Sarawak, seolah-olah macam kacang lupukan kulit, seolah-olah macam itu. Apakah Yang Berhormat bersetuju layanan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak seolah-olah Sabah dan Sarawak ini sebuah negeri bukan negeri di bawah perintah kerajaan tetapi seolah-olah negeri diperintah di bawah pembangkang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Fahamlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat. Fahamlah. Setuju atau tidak itu, tak penting.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang penting Sabah dan Sarawak sebagai sahabat saya dari Batang Sadong tadi...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Kawasan Sarawak dan Sabah ini lebih besar daripada seluruh Semenanjung. Jadi...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran berdiri Yang Berhormat lagi sekali.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sabar dahulu sahabat saya Yang Berhormat Maran. Saya beri penjelasan dahulu. Jadi janganlah persoalkan kita kena abai

atau tidak. Itu tidak jadi persoalan. Apa yang kita timbulkan, kita minta tambahan peruntukan mengikut peratusan kawasan yang kita hendak bangun, kita hendak membantu rakyat yang miskin, kita hendak bantu rakyat di desa-desa. Itu yang tujuan kita. Bukan ada tanggapan yang bahawa ini kita diabaikan, tidak sama sekali. Ya, Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya simpati dengan Yang Berhormat Putatan tetapi dalam perhatian sayalah, sebagai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pendekkan sahaja Yang Berhormat Maran. Saya hendak dengar orang Sabah cakap.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ahli Parlimen ini, sekejap. Di mana janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional biasanya dipenuhi. Cuma mungkin tidak 100% kerana keperluan manusia ini banyak, tidak akan habis selagi ada dunia ini, tetapi saya minta pandangan Yang Berhormat, janji-janji yang dibuat oleh pembangkang dalam pilihan raya baru ini. Saya bercakap di pilihan raya.

Yang pertamanya hendak turunkan harga minyak. Saya pernah bercakap kepada orang kampung saya, "kalau boleh turun hari ini, okey saya akan masuk". Sampai sekarang ini, saya hendak tanya Yang Berhormat. Di Sabah atau Sarawak, harga minyaknya turun tak lagi? Satu.

Yang kedua di Selangor sahaja, baru tiga hari sahaja, dua-tiga hari sahaja memerintah, dahlah cukai-cukai tak boleh turun tahun lepas dan sebagainya. Ini macam mana janji-janji macam ini? Minta pandangan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Maran. Saya sudah katakan tadi. Budaya pembangkang ini, memang begitu memesongkan rakyat. Sampai banyak, ramai pengundi yang terpesong.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Menyampuk]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya belum habis penjelasan dan minta kerjasama, mana boleh. Habislah masa saya nanti. Adalah, Yang Berhormat sudah berucap. Sudahlah, cukuplah. Bagilah saya.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sungai Petani Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sungai Petani ya. Okey, ada peluang nanti. Ada peluang berucap. Jadi, soal-soal, janji-janji di negeri Selangor ini saya pun khuatirlah. Kalau dapat ditunaikan. Ini hanya untuk menyenangkan hati mereka sendiri sajalah. Jadi, saya tak mahu panjangkan Yang Berhormat. Yang Berhormat faham itu. Jadi saya akan teruskanlah. Kecuali saya kena bagi *injured time*. 40 minit.

■1910

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tenggara.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Tenggara sahabat saya, okey, beri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Saya bila dia tengok Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya angkat kening saya saja. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat bersimpati dengan pihak pembangkang ini yang nampaknya terlalu *desperate* dengan izin sehingga asyik-asyik nak mengamalkan budaya pemesanan seperti yang dinyatakan Yang Berhormat daripada kawasan Putatan tadi.

Saya tertarik dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan pagi tadi mengatakan bahawa rakyat Sabah menaruh harapan kerana esok masih ada. Kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah penjamin kepada masa depan rakyat. Adakah Yang Berhormat daripada Putatan yakin ajakan daripada pembangkang untuk pindah ke rumah teres ini dapat menjadikan harapan ini kenyataan dan adakah Yang

Berhormat dari kawasan Putatan yakin bahawa mereka ini adalah penjamin kepada masa depan rakyat. Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Soal pindah memindah ini tidak timbul. Saya katakan sekali lagi tidak timbul sama sekali. Rakyat dari Sabah dan Sarawak ini biasa tinggal di mana saja asalkan ada kewibawaan. Tapi kewibawaan Barisan Nasional sudah dibuktikan. *[Tepuk]* Kewibawaan pembangkang belum dapat dilihat. Apa yang kita lihat di Selangor memalukan. Apa mahu pindah? Kesian.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Ada penarikan *attention* Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya teruskan dulu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, *cabotage* polisi sebagaimana yang di ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Subang dengan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Orang baru...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...disuarakan oleh sahabat saya dari Kimanis mula diperkenalkan pada tahun 1980, sekejap, sekejap. Mengikut Merchant Shipping Act pada tahun 1952 melalui *Domestic Shipping Licensing Board* yang mana pada ketika itu adalah merupakan satu polisi kerajaan bagi melindungi industri perkapalan negara dan ketika itu. Malangnya polisi yang sama juga pada hari ini telah menyumbang kepada kenaikan harga barangan di negeri Sabah khususnya di mana rakyat negeri Sabah terpaksa membayar 20% hingga 30% bagi semua jenis barangan yang diimport ke negeri ini. Ini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Gombak.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sekejap, saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...sebabkan mengapa kos sara hidup di negeri Sabah. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, sebab ini adalah satu keluhan daripada masyarakat Sabah kerana barang di Sabah agak berlainan harga di Semenanjung dan di Sabah. Biarkan saya *stretch* perkara ini dahulu. Sebab mengapa kos sara hidup di negeri Sabah adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan negeri Sarawak, jiran kami dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kerajaan hendaklah memandang serius ke atas masalah yang menghimpitkan kehidupan rakyat di negeri ini.

Kami telah pun berbincang dengan menteri berkenaan soal ini dan beliau berjanji akan mengkaji bagaimana untuk menyamakan harga barangan dari Sabah dan Sarawak dan kami terlebih dahulu mengucapkan terima kasih. Ini dia menteri kami dari Barisan Nasional. Oleh yang demikian...

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Okey, Sungai Petani. *[Ketawa]*

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa hingga ke hari ini 1,513 buah sekolah

masih tidak mempunyai air dan api elektrik dan kebanyakannya berada di Sabah dan di Sarawak. Manakala di Semenanjung ini, berbagai-bagai program termasuklah menghantar angkasawan, termasuklah membangunkan Langkawi, saya orang Kedah Yang Berhormat, saya tahu Langkawi dulu jadi *hancai* dah dan macam-macam program yang tidak menguntungkan.

Kalaulah, setujuakah Yang Berhormat dengan saya, kalaulah duit ini tidak ditabur ke tempat-tempat lain, dibawa ke sekolah untuk air, untuk elektrik Sabah dan Sarawak, sudah pasti anak-anak Sabah akan jadi KSU-KSU, anak-anak Sarawak juga akan jadi KSU-KSU di kementerian. Setujukah Yang Berhormat dengan saya?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah bantuan daripada Yang Berhormat itu saya amat suka hati. Terima kasih. Itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta laluan daripada Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tapi tidak semestinya saya bersetuju. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gombak, Gombak. Yang Berhormat, saya peringatkan ada empat minit lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Gombak, Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, terima kasih Putatan dan juga Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat dari Putatan, kami dalam Pakatan Rakyat ini memang cukup simpati dengan rakyat Sabah. Masalah pembangunan, masalah kemiskinan dan pendidikan. Bukan tujuan kami untuk mengadu dombakan ataupun membuat provokasi. Cuma apabila dibangkitkan soal berhijrah ke rumah baru itu, saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Putatan, perkara yang terbaru daripada Putrajaya sebentar tadi, seorang pemimpin tertinggi UMNO membuat persidangan akhbar mengatakan kemungkinan 30 berpindah ke rumah baru itu semakin hampir.

Ini kenyataan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri selama 23 tahun. Mantan Presiden UMNO, masih ahli UMNO yang orang-orang Sabah memberikan penghormatan yang cukup tinggi kepada beliau. Kenyataan ini katanya berdasarkan bahawa parti-parti komponen Barisan Nasional di negeri Sabah tidak ada semangat kesetiaan kepada UMNO di Semenanjung dan kerana kegagalan UMNO membangunkan negeri Sabah, maka beliau yakin bahawa Pakatan Rakyat semakin kuat dan kukuh dan akan menerima 30 Ahli Parlimen akan berhijrah ke rumah baru. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya tidak ada maklumat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ... soal kenyataan itu Yang Berhormat. Saya berterima kasihlah kalau Yang Berhormat beritahu di luar Dewan nanti kerana saya tak cukup masa untuk berbahas ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jerlun ada maklumat kot.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini perkara penting. Jadi boleh bincang di luar tapi itu tidak kena mengena dengan saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Putatan, Putatan, minta laluan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sila, sahabat saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Putatan. Gombak tadi mengatakan bahawa ada ucapan daripada Yang Amat Berbahagia Tun. Seperti mana juga yang kita tahu, Yang Amat Berbahagia Tun boleh memberi cadangan, boleh memberi pandangan tetapi itu tidak mewakili suara Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional Sabah. Di sini daripada pagi sejak seminggu yang lepas kita telah mendengar banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa, apa soalnya Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Soalnya, saya mahu minta pandangan daripada Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Putatan ada satu minit lagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apakah pandangan Yang Amat Berbahagia Tun itu merupakan pandangan peribadi ataupun mewakili suara ahli-ahli Barisan Nasional di Parlimen ini. Terima kasih.

■1920

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud. Saya rasa itu pandangan peribadi dan tidak kena mengena dengan wakil rakyat Barisan Nasional dari Sabah. Saya ada jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *Injury time*, Yang Berhormat. Banyak lagi perkara yang penting yang rakyat mahu saya cakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya telah mengingatkan Yang Berhormat tadi beri peluang atas masa *injury*.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Namun, seronok tadi minta penjelasan daripada pihak pembangkang. Dia berminat dengan hujah-hujah dari Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, baik. Terima kasih. Sila gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *Injury time*, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *Injury time*, Yang Berhormat. Saya mohon. Jadi, kami di Sabah amat mengalu-alukan *Sabah Development Corridor*. Ini tentu sekali akan dapat meningkatkan lagi pembangunan ekonomi negeri Sabah. Pembangunan tersebut amat dialu-alukan oleh rakyat Malaysia dari Sabah. Usaha Kerajaan Pusat untuk mewujudkan SDC dan di SDC Sarawak memanglah tentu dapat mewujudkan banyak ruang pekerjaan untuk rakyat negeri ini. Sebagaimana yang kita tahu begitu ramai yang belum mendapat kerja terutama sekali golongan graduan yang semakin hari semakin bertambah.

Jadi, kalau mengikut jawapan yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini kepada pertanyaan saya di Dewan yang mulia ini, kekosongan jawatan di sektor perkhidmatan awam termasuklah polis dan tentera dalam negara kita ini, bilangan jawatan hanya sebanyak 38,000 dan yang memohon ialah sebanyak 760,840 dan yang dipanggil temu duga hanya 141. Bayangkanlah kalau mengikut kaum, Tuan Yang di-Pertua, kaum Melayu 30% yang diterima, Cina 40% dan India 35% yang diterima daripada yang hadir temu duga dan Kadazan hanya 15% sahaja. Inilah sebenarnya kunci pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Macam mana ini? Okeylah, saya akur. Sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sedikit lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Baru-baru ini saya menimbulkan suatu kenyataan di akhbar berkenaan dengan keluhan ketidakpuasan hati oleh masyarakat negeri itu terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan yang mana terdapat seramai 30 orang

lantikan baru di Jabatan Penerangan. Saya telah pun berhubung dengan menteri yang berkenaan soal pelantikan yang bukan berasal dari Sabah. Walaupun kerja itu hanya tarik wayar, pegang kamera dan sebagainya ini menjadi kemarahan kepada kami sebagai wakil rakyat. Saya telah pun membawa perkara ini kepada pegawai yang berkenaan di Sabah dan saya harap ini tidak akan berlaku. Saya ada dengar di Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam juga perkara ini juga berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini tidak berlaku.

Baru-baru ini saya ada terima satu SMS bahawa yang dahulunya Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah yang telah dipindahkan mengetuai pusat latihan di Port Dickson. Saya telah pun memohon kepada kementerian supaya beliau dapat dipindahkan balik ke Sabah, sebab isteri beliau sudah pun meninggal baru-baru ini dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya peringatkan lagi *time*, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia diturunkan pangkat sebagai pengetua di IKS, sebaliknya bukan sebagai pengarah lagi. Dengan kata-kata ini, oleh kerana masa sudah cukup saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling.

7.24 mlm.

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Di kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada sahabat lama Yang Berhormat Datuk kerana terpilih untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

Dalam Titah Ucapan Tuanku menegaskan antara lain bahawa Malaysia berperanan untuk memartabatkan imej Islam di persada dunia. Tuanku juga turut menegaskan bahawa Malaysia juga berperanan untuk membangunkan sosioekonomi umat Islam.

Sebagai seorang Muslim dan rakyat Malaysia yang juga mempunyai sedikit pengalaman terlibat dengan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri semasa Allahyarham Tun Abdul Razak dan turut juga bersama dengan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) semasa Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir dan seterusnya ke peringkat Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Malaysia. Maka saya rasakan bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia tuanku mempunyai makna yang besar dan sungguh bererti untuk didokong bersama terutama sekali oleh umat Islam dalam negara ini, lebih-lebih dari segi institusi-institusi Islam yang ada dalam negara.

Berasaskan kepada Titah Ucapan Duli Tuanku itu tadi, maka saya cuba mengambil kesempatan dalam membahaskan Titah Ucapan Tuanku ini untuk menyentuh lebih banyak kepada perkembangan hal ehwal Islam di dalam negara yang mungkin dapat sedikit sebanyak saya sentuh berasaskan kepada keadaan dan realiti yang berlaku.

Saya mohon izin daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan untuk memberi sedikit latar belakang di mana kedudukan perkembangan Islam sejak beberapa tahun yang lalu di mana di peringkat tertubuhnya Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri yang hanyalah merupakan salah satu bahagian yang kecil daripada Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu dipertingkatkan dan diperbesarkan. Kalau tidak silap saya yang lebih hebat ialah pada tahun 1985. Pada ketika itu dipertingkatkan menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri ataupun BAHEIS dan seterusnya kepada JAKIM yang ada sekarang.

Pengiktirafan kepada sijil-sijil dan ijazah-ijazah daripada lepasan-lepasan pengajian universiti-universiti Timur Tengah khususnya hanyalah baru bermula pada tahun

1972. Sebelum daripada itu kedudukan anak-anak atau para pelajar dan juga graduan-graduan daripada universiti-universiti Timur Tengah khususnya dalam bidang agama ini hanyalah di peringkat yang biasa. Pada tahun 1972, pengiktirafan ini hanyalah di peringkat walaupun kita mendapat peringkat *honours* ataupun *jayyid jiddan* misalnya, tetapi diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia pada ketika itu hanyalah di peringkat *general degree*.

Keadaan ini menjadi sesuatu yang mungkin pada ketika itu melemahkan suasana dan keadaan pentadbiran dan pengurusan Islam di dalam negara kita ini. Apabila perkara ini diperingkatkan dan dipertimbang semula, maka apa yang ada pada hari ini ada sedikit ruang untuk mereka yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal yang mempunyai latar belakang pendidikan agama ini untuk memainkan peranan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Baling, ada yang bangun di sebelah sana.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Masa saya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak mengapa, sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa sudah dekat hendak habis.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Dekat hendak habis tetapi kalau sambung esok dikira macam mula yang lainlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk, Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Kira lainlah, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat Baling kerana masa pun sudah habis. Sudah habiskah ucapan Yang Berhormat Baling tadi? Belum lagi?

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Lagi sejam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis 8 Mei 2008. Mesyuarat ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.